

**REKOD BAHARU PELABURAN RM235.9 BILION**

Projek berkualiti menguasai pelaburan swasta pada tahun 2014

**PROJEK-PROJEK NKEA BERNILAI RM95.5 BILION**

Projek-projek berkaitan ETP antara pelaburan terbesar tahun ini

**MALAYSIA DESTINASI FDI KE-15 PALING MENARIK DI DUNIA**

Malaysia melonjak 10 kedudukan dalam Indeks Keyakinan FDI

A.T. Kearney



# MENCIPTA NAMA



**LAPORAN PRESTASI PELABURAN MALAYSIA 2014**





# KANDUNGAN

## SEPATAH KATA DARI MIDA 4

Para pelabur memanfaatkan keunikan ekosistem Malaysia dan sinergi serantau pada tahun 2014 untuk mengukuhkan kedudukan masing-masing menjelang pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN.

## FIKIR. RANCANG. BERSAING. 8

Oleh kerana persaingan untuk menarik pelaburan asing di seluruh Asia telah menjadi semakin mencabar, agensi-agensi penggalakan pelaburan di Malaysia hendaklah menjajarkan usaha untuk mencapai agenda pelaburan negara.

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	10
Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	11
Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	12
Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)	13
Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)	13
InvestKL	14
Pusat Penyelidikan Kolaborasi Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST)	15
Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)	16
Perbadanan Pembangunan Industri Halal	17
BioTechCorp	17
TalentCorp	18

## MALAYSIA: PUSAT BAGI ASEAN 20

Di sebalik kejatuhan harga komoditi dan ketidakstabilan ekonomi, Malaysia dan ASEAN masih berterusan menarik minat pelabur asing.

## PENGILANGAN YANG MENGELUARKAN HASIL 24

Diterajui oleh pelaburan berintensifkan modal dalam industri utama, sektor perkilangan telah berada di landasan ke arah transformasi yang sihat.

Intensiti modal bagi projek perkilangan	27
Pemilikan projek perkilangan	27
Projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2014	28
Produk elektrik & elektronik	29
Kelengkapan pengangkutan	33
Automotif	33
Aeroangkasa	34
Pembinaan & pembaikan kapal	34
Jentera dan kelengkapan	35
Sokongan kejuruteraan	36
Produk logam asas dan fabrikasi	37
Tekstil & produk tekstil	38
Peranti perubatan	39
Pertanian & pemprosesan makanan	40
Farmaseutikal	40
Bioteknologi	41
Produk minyak sawit dan biomas sawit	43
Kimia & produk kimia	44
Produk Petroleum & petrokimia	45
Produk plastik	45
Produk getah	47
Kayu & produk kayu	47
Produk mineral bukan logam	48
Kertas, percetakan & penerbitan	48

## PERKHIDMATAN DENGAN SENYUMAN 50

Sektor perkhidmatan Malaysia semakin mendapat tempat pada tahun 2014 hingga menjadi salah satu yang terbaik di rantau ini.

<b>Pertubuhan serantau &amp; logistik</b>	<b>51</b>	
<i>Hab Operasi Global</i>	<i>52</i>	
<i>Ibu Pejabat Operasi</i>	<i>53</i>	
<i>Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)</i>	<i>53</i>	
<i>Pusat Pengedaran Serantau (RDC)</i>	<i>54</i>	
		<i>Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC)</i>
		<i>55</i>
		<i>Pejabat Perwakilan (RE)/</i>
		<i>Pejabat Serantau (RO)</i>
		<i>55</i>
		<i>Logistik</i>
		<i>56</i>
<i>Perkhidmatan minyak &amp; gas</i>	<i>56</i>	
<i>Tenaga boleh diperbaharui</i>	<i>56</i>	
<i>Kecekapan &amp; pemuliharaan tenaga</i>	<i>57</i>	
<i>Perkhidmatan kejuruteraan</i>	<i>58</i>	
<i>Penyelidikan &amp; Pembangunan (R&amp;D)</i>	<i>58</i>	
<i>Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi (ICT)</i>		<i>59</i>
<i>Hartanah (Perumahan)</i>	<i>62</i>	
<i>Pengangkutan</i>	<i>62</i>	
<i>Telekomunikasi</i>	<i>62</i>	
<i>Utiliti</i>	<i>62</i>	
<i>Perkhidmatan kewangan</i>	<i>62</i>	
<i>Perdagangan pengedaran</i>	<i>62</i>	
<i>Perkhidmatan pendidikan</i>	<i>63</i>	
<i>Hotel dan pelancongan</i>	<i>63</i>	
<i>Perkhidmatan kesihatan</i>	<i>63</i>	
<i>Perkhidmatan lain</i>	<i>63</i>	
<b>PANDANG KE TIMUR</b>	<b>64</b>	

*Jika ingin meneroka Asia, cukup dengan menerokai Malaysia.*

<b>LAMPIRAN</b>	<b>68</b>
-----------------	-----------

# SEPATAH KATA DARI MIDA

*Para pelabur memanfaatkan keunikan ekosistem Malaysia dan sinergi serantau pada tahun 2014 untuk mengukuhkan kedudukan masing-masing menjelang pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN.*





“Malaysia juga telah melonjak 10 kedudukan ke tempat ke-15 dalam *Foreign Direct Investment Confidence Index* AT Kearney sebagai destinasi FDI paling menarik.”

melonjak 10 kedudukan di tempat ke-15 dalam *Foreign Direct Investment Confidence Index*, AT Kearney sebagai destinasi FDI paling menarik yang pasti mengukuhkan keupayaan negara dalam mencapai matlamat pelaburan untuk jangka panjang.


Perubahan pesat dalam industri Malaysia ini berlangsung ketika negara berada di pusingan terakhir untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Setakat ini Program Transformasi Ekonomi telah menepati sasaran matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita telah meningkat lebih 25 peratus dalam tempoh tiga tahun pertama pelancaran ETP, dari AS\$8,150 pada tahun 2010 kepada AS\$10,430 pada tahun 2013. Ini menunjukkan negara telah menjangkau kategori “pendapatan atas pertengahan” seperti yang ditakrifkan oleh Bank Dunia. Menjelang tahun 2020, Malaysia berhasrat untuk mencapai PNK per kapita AS\$15,000.

Kualiti pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014 membawa Malaysia setapak lebih maju untuk mencapai sasaran. Namun dalam peralihan ini, pelabur serta tenaga kerja negara juga memerlukan tempoh untuk menyesuaikan diri. Agenda pelaburan Malaysia telah menjadi lebih selektif yang cenderung kepada pelaburan berkualiti dalam ekosistem sasaran. Ini dijangka akan memberi impak sampingan yang signifikan terhadap keseluruhan ekonomi domestik. Pada tahun 2014, negara telah mencatatkan rekod pelaburan sebanyak RM235.9 bilion yang kebanyakannya terdiri daripada pelaburan swasta yang berkualiti tinggi untuk membiayai 5,942 projek yang diluluskan dan dijangka akan mewujudkan 178,365 peluang pekerjaan baharu. Sementara pelaburan swasta direalisasikan yang diukur menerusi Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) (*Gross Fixed Capital Formation*, GFCF) adalah berjumlah RM181.5 bilion.

Prestasi pelaburan negara pada tahun 2014 jauh mengatasi sasaran purata pelaburan tahunan RM148 bilion yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Nisbah pelaburan asing kepada pelaburan domestik juga selaras dengan sasaran Kerajaan di mana 72.6

**USAHA-USAHA PENGGALAKAN PELABURAN DI MALAYSIA** telah mengekalkan kedudukan negara sebagai destinasi pelaburan pilihan pada tahun 2014. Penambahbaikan iklim mesra perniagaan negara telah diiktiraf oleh Laporan Bank Dunia *Doing Business* 2014, di mana kedudukan Malaysia telah melonjak ke tempat keenam di kalangan 189 negara dalam aspek *Ease of Doing Business*. Malaysia mendahului beberapa ekonomi terkenal yang menjadi penanda aras kepada negara seperti Republik Korea, Norway, United Kingdom dan Australia. Malaysia juga telah

## JUMLAH PELABURAN DILULUSKAN DI MALAYSIA, 2014 (RM bilion)



**JUMLAH: RM 235.9 BILION**

peratus (RM171.3 bilion) disumbangkan oleh sumber domestik dan 27.4 peratus (RM64.6 bilion) disumbangkan oleh sumber asing. Pelaburan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pula berjumlah RM95.5 bilion atau 40.5 peratus daripada jumlah pelaburan. Selain itu, pelaburan dalam projek-projek Bukan-NKEA yang diluluskan turut mencatatkan jumlah yang besar sebanyak RM140.4 bilion.

### KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN

Pelaburan pada tahun 2014 mengukuhkan transformasi Malaysia untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi apabila beberapa projek berkualiti dalam teknologi tinggi dan perkhidmatan perkilangan merupakan di antara projek terbesar yang menonjol pada tahun ini.

Sektor perkhidmatan kekal sebagai magnet terkuat yang menarik 5,059 projek yang diluluskan pada tahun 2014 menerusi pelaburan sebanyak RM149.6 bilion. Daripada angka ini pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM131.9 bilion, manakala pelaburan asing berjumlah RM17.7 bilion. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan 98,543 peluang pekerjaan.

Sektor perkilangan terbukti tidak kurang menarik kepada pelabur pada tahun 2014. Pelaburan yang diluluskan melonjak 38 peratus kepada RM71.9

bilion pada tahun 2014 berbanding RM52.1 bilion pada tahun 2013. Kira-kira 55.1 peratus daripada pelaburan ini (RM39.6 bilion) disalurkan oleh sumber asing manakala 44.9 peratus adalah sumber domestik (RM32.3 bilion). Secara keseluruhan, projek-projek baharu merupakan 60.5 peratus daripada semua projek perkilangan yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM43.5 bilion.

Sektor utama menyumbang RM14.4 bilion pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014. Pelaburan asing berjumlah RM7.3 bilion (50.7%) manakala pelaburan domestik adalah RM7.1 bilion (49.3%). Subsektor perlombongan mendahului subsektor lain dengan pelaburan yang diluluskan mencecah RM13.4 bilion dalam 36 projek.

Salah satu sebab yang menyumbang kepada kecemerlangan prestasi negara pada tahun-tahun kebelakangan ini adalah pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Dari aspek ekonomi, sememangnya ASEAN merupakan ekonomi ketujuh terbesar di dunia dan dijangka akan melonjak ke tempat kelima menjelang tahun 2018. Sebagai salah satu daripada ekonomi yang tinggi kepelbagaian dan jalinan rangkaian di rantau ini, Malaysia berada pada kedudukan yang unik untuk menawarkan imbalan kos dan faedah yang tepat kepada pelabur, menyediakan infrastruktur dan bakat bertaraf dunia/kelas pertama kepada



perniagaan serta kos yang jauh lebih rendah berbanding kos di hab-hab berhampiran. Rekod MIDA menunjukkan bahawa projek pembesaran dan pelbagaian merupakan penyumbang penting secara konsisten kepada nilai keseluruhan pelaburan yang diluluskan setiap tahun. Ini menterjemahkan keyakinan yang berterusan oleh pelabur terhadap masa hadapan Malaysia.

## BERGANDING BAHU MENUJU AEC

Kebanyakan pelaburan negara pada tahun 2014 terdiri daripada syarikat-syarikat multinasional yang berminat untuk menjadi sebahagian daripada AEC yang akan menjadi satu kuasa besar ekonomi. Pelaburan asing yang diluluskan ke Malaysia meningkat lebih dari lapan peratus kepada RM64.6 bilion pada tahun 2014 berbanding RM59.4 bilion pada tahun 2013. Turut penting diperhatikan bahawa kira-kira 73 peratus daripada sumber pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan merupakan rakan dagangan Asia seperti Jepun, China, Singapura dan Republik Korea.

Malaysia telah semakin hampir ke destinasi untuk menjadi sebuah negara maju. Persaingan semakin sengit dalam meraih pelaburan dan perdagangan terutamanya dari negara-negara jiran yang berlumba-lumba merebut bahagian di dalam AEC. Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) dijangka akan memudahkan transformasi ASEAN untuk menjadi hab pelaburan yang mampu bersaing secara efektif dengan

negara-negara membangun lain dalam menarik FDI dan pelaburan intra-ASEAN. Seluruh negara ASEAN sedang melipat-gandakan usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan menerusi liberalisasi berperingkat terhadap perdagangan barangan dan perkhidmatan, kerjasama dalam memudahkan urusan kastam dan perdagangan serta pengurangan kos dan halangan dalam menjalankan perniagaan di rantau ini. Faedah-faedah ACIA turut dipanjangkan kepada pelabur asing yang berpangkalan di ASEAN termasuk Malaysia.


Selain berterusan menerajui usaha penggalakan pelaburan, MIDA juga akan bertindak lebih selektif dalam memilih sasaran. MIDA mensasarkan projek-projek berorientasikan eksport yang merangkumi teknologi tinggi serta ketinggian tahap pengetahuan, kemahiran dan modal. MIDA turut mensasarkan projek yang memberi impak tinggi terhadap Pendapatan Negara Kasar (GNI) dan mengukuhkan jalinan rantaian dengan industri tempatan. MIDA turut memanfaatkan sumber kelebihan persaingan yang baharu dan memainkan peranan utama dalam memenuhi keperluan sumber manusia oleh setiap pelabur modal.

Perjalanan AEC kini sedang bergerak pada momentum dan Malaysia berada di kerusi pemandu. Oleh itu, ketatkan tali keledar dan nikmati pemandangan anda.





*Oleh kerana persaingan untuk menarik pelaburan asing di seluruh Asia telah menjadi semakin mencabar, agensi-agensi penggalakan pelaburan di Malaysia hendaklah menjajarkan usaha untuk mencapai agenda pelaburan negara.*





YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mengetuai sesi perangkaan industri di Terengganu. Bersama beliau ialah Dato' Azman Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA dan Wan Hasnan Abdullah, Pengurus Besar, PETRONAS Wilayah Pantai Timur.

**M**ALAYSIA TELAH TERKENAL SEBAGAI SIMBOL keyakinan pelabur pada tahun 2014. Ketika pemulihan ekonomi global diancam oleh tahap pertumbuhan tidak sekata serta kerapuhan ekonomi dan suasana politik yang tidak menentu di beberapa negara, pelaburan swasta di Malaysia telah meningkat kepada paras tertinggi sebanyak RM235.9 bilion pada tahun 2014, lebih 7.5 peratus berbanding RM219.4 bilion yang dicatatkan pada tahun 2013. Seterusnya, pelaburan swasta direalisasikan setakat 31 Disember 2014 yang

diukur menerusi Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) (*Gross Fixed Capital Formation, GFCF*) adalah berjumlah RM181.5 bilion.

Pelaburan pada tahun 2014 akan membiayai sejumlah 5,942 projek dan dijangka akan mewujudkan 178,365 pekerjaan baharu yang kebanyakannya dalam industri berteknologi dan nilai ditambah yang tinggi. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, RM171.3 bilion (72.6%) adalah dari sumber domestik yang merupakan maklumbalas positif dalam menyahut seruan Kerajaan agar pelaburan domestik dapat menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Manakala selebihnya (RM64.6 bilion atau 27.4%) pula adalah dari sumber asing.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi, Malaysia telah berjaya melaksanakan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Pencapaian ini akan menyokong pengukuhan sektor awam terutamanya dalam enam sektor SRI iaitu Kewangan Awam, Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan, Pembangunan Modal Insan, Penyampaian Perkhidmatan Awam, Standard Antarabangsa dan Liberalisasi serta Merapatkan Ketaksamaan (PKS Bumiputera). Pelaburan NKEA yang diluluskan pada tahun 2014 ialah sebanyak 40.5 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan (RM95.5 bilion) manakala pelaburan bukan NKEA sebanyak RM140.4 bilion.

Usaha progresif Kerajaan dalam meliberalisasikan daya saing sektor perkhidmatan berterusan membuahkan hasil pada tahun 2014 dengan meraih 5,059 projek bernilai RM149.6 bilion. Kira-kira 88.2 peratus (RM131.9 bilion) daripada jumlah ini merupakan sumber domestik sementara bakinya (RM17.7 bilion) adalah dari sumber asing. Peningkatan sektor perkhidmatan merupakan petunjuk kepada ekonomi yang maju sepenuhnya dan pembesaran sektor perkhidmatan secara meluas ini dijangka akan menawarkan 98,543 peluang pekerjaan. Subsektor hartanah sahaja telah menarik pelaburan yang diluluskan sebanyak RM88.5 bilion. Seterusnya sektor utiliti, perdagangan pengedaran, perkhidmatan kewangan serta hotel dan pelancongan masing-masing menarik pelaburan yang diluluskan sebanyak RM9.0 bilion, RM8.7 bilion, RM6.9 bilion dan RM6.7 bilion.

Di sebalik daya tarikan sektor perkhidmatan, sektor perkilangan Malaysia tetap mendapat perhatian hangat di kalangan pelabur yang telah menyumbang sebanyak RM71.9 bilion dalam 811 projek yang diluluskan. Lebih separuh daripada pelaburan ini (RM39.6 bilion atau 55.1%) disumbangkan oleh pelabur asing

manakala selebihnya (RM32.3 bilion atau 44.9%) adalah pelabur Malaysia. Senario yang sama juga dalam sektor utama, sebahagian besar daripada pelaburan yang diluluskan (RM14.4 bilion) merupakan sumber asing (RM7.3 bilion) di mana 36 projek yang diluluskan dalam subsektor perlombongan sahaja telah bernilai RM13.4 bilion. Seterusnya sektor perladangan dan komoditi telah menarik pelaburan bernilai RM724.2 juta manakala sektor pertanian mencatatkan pelaburan RM250.5 juta.

## RAKAN KONGSI DALAM KEJAYAAN

Kerajaan telah berusaha keras untuk meningkatkan daya saing Malaysia dengan memperhalusi dasar dan insentif pelaburan mengikut trend ekonomi global. Walaupun Malaysia telah terkenal sebagai hab teknologi yang berteraskan industri berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi, Kerajaan juga cenderung untuk menggalakkan pelabur terus mengembangkan operasi mereka di negara ini. Usaha ini telah membuahkan hasil, terutamanya dalam sektor perkilangan, di mana nilai pelaburan bagi projek pembesaran dan pelbagaian telah mencatatkan 39.5 peratus (RM28.4 bilion) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor ini.

**“Walaupun Malaysia telah terkenal sebagai hab teknologi yang berteraskan industri berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi, Kerajaan juga cenderung untuk menggalakkan pelabur terus mengembangkan operasi mereka di negara ini.”**

Menerusi konteks pendekatan ekosistem yang dilaksanakan Kerajaan untuk membangunkan pelaburan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berterusan memainkan peranan utama dalam usahasama dengan pemain-pemain industri dan agensi-agensi Kerajaan yang strategik untuk mengekalkan persekitaran yang mesra pelabur. Ini termasuk agensi penggalakan pelaburan serantau seperti Invest KL, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA). Turut terlibat adalah beberapa agensi dengan mandat yang strategik seperti Pusat Penyelidikan Kolaborasi Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST), Perbadanan

Pembangunan Industri Halal (HDC), Perbadanan Pembangunan Multimedia ( MDeC), TalentCorp Malaysia dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp).

## Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)



Berbekalkan kekayaan sumber semula jadi dan lokasi strategik yang berhadapan Laut China Selatan, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) ialah gerbang ideal kepada pelabur yang berminat untuk menembusi pasaran ASEAN dan Asia Pasifik. Merangkumi kawasan di Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing, Johor, transformasi ECER sebagai destinasi pelaburan bertaraf dunia ini merupakan hasil usaha Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Kerajaan Malaysia telah meluluskan sebanyak RM6.6 bilion bagi menampung 111 projek pembangunan infrastruktur dan program modal insan dalam ECER di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan dan Ke-Sepuluh.

Daya tarikan ECER juga terletak pada pakej insentif fiskal dan bukan fiskal yang sangat menarik sehingga boleh dianggap antara yang terbaik di negara ini. Pakej insentif ini telah membawa masuk pelaburan sebanyak RM15.68 bilion pada tahun 2014 di mana RM12.40 bilion (79.1%) ditempatkan di Pahang sementara bakinya di Kelantan (RM1.75 bilion) dan Terengganu (RM1.53 bilion). Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelaburan di ECER adalah RM77.26 bilion yang sekaligus melepasi jumlah separuh daripada sasaran pelaburan RM110 bilion menjelang tahun 2020. Pelaburan dalam ECER dijangka mewujudkan lebih 73,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Lebih separuh daripada pelaburan ini adalah dalam projek perkilangan yang bernilai RM39.2 bilion.

Di antara sorotan penting pada tahun 2014 adalah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kuantan Port City dan Qinzhou Port yang akan membolehkan kedua-dua belah pihak memanfaatkan kesepaduan industri logistik dan pelabuhan di Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) dan Taman Perindustrian China-Malaysia Qinzhou (CMQIP). Pelabuhan Kuantan sedang diperbesarkan untuk menjadi pelabuhan laut dalam dan akan memainkan peranan penting dalam menarik lebih banyak perdagangan

"Daya tarikan ECER terletak pada pakej insentif fiskal dan bukan fiskal yang sangat menarik, yang dianggap antara yang terbaik di negara ini."

dan pelaburan ke ECER. Setelah siap kelak, kendalian pelabuhan ini dijangka akan berganda sehingga 52 juta tan muatan kargo (FWT) yang akan mengukuhkan lagi kedudukan MCKIP serta Kuantan Port City. MoU dengan Qinzhou Port ini akan mempromosikan Pelabuhan Kuantan dan Kuantan Port City sebagai hab terminal dan logistik serantau.

Satu lagi sorotan kemuncak pada tahun 2014 adalah sebuah projek baharu oleh BASF Petronas Chemicals Sdn Bhd yang bernilai RM2.86 bilion bagi mengeluarkan produk petrokimia hiliran di Taman Perindustrian Gebeng, Kuantan. Gebeng juga akan menjadi lokasi kepada sebuah projek baharu bernilai RM420 juta oleh Kumpulan Kaneka dari Jepun untuk mengeluarkan gentian modakrilik (*modacrylic fibres*). Felda Global Ventures Dntownstream Sdn. Bhd. (FGVD) juga telah mengikat komitmen untuk melabur sebanyak RM80 juta menerusi kilang memproses Vitamin E di Taman-Bio Bersepadu Kuantan. Manakala Beijing Goldenway Biology Tech Co Ltd akan melabur sebanyak RM600 juta untuk membangunkan kilang di Jengka yang menghasilkan *bio-humic acid* daripada sisa minyak sawit.

### Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)



Bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2014, Iskandar Malaysia merekodkan RM24.87 bilion pelaburan baharu dalam usaha IRDA untuk memastikan


pembangunan mampan di rantau tersebut. Sehubungan itu, jumlah terkumpul bagi keseluruhan pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM156.51 bilion, di mana 51 peratus (RM79.17 bilion) daripadanya telah direalisasikan. Sehingga kini, sektor perkilangan mencatatkan kira-kira satu pertiga daripada jumlah pelaburan di rantau ini (RM50.97 bilion) yang sebahagian besarnya adalah industri bernilai ditambah tinggi dalam subsektor elektrik & elektronik (E&E), petrokimia, oleokimia dan makanan dan pemprosesan agro. Ini diikuti oleh logistik (RM4.81 bilion), pelancongan (RM2.67 bilion), penjagaan



FOTO Tanggapan pelukis tentang pandangan udara Pelabuhan Kuantan selepas pembesaran

kesihatan (RM2.59 bilion), pendidikan (RM1.56 bilion), perkhidmatan kewangan (RM1.32 bilion) dan industri kreatif (RM0.56 bilion). Pembangunan hartanah telah menyumbang RM30.38 bilion dalam pelaburan terkumpul setakat 31 Oktober 2014, diikuti oleh utiliti (RM12.64 bilion), infrastruktur (RM8.31 bilion) dan teknologi baru muncul (RM2.12 bilion). Syarikat domestik memegang kira-kira 63 peratus (RM99 bilion) daripada pelaburan ini, manakala selebihnya oleh syarikat milik asing (RM57.5 bilion).

Pencapaian utama tahun 2014 adalah penerbitan Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia II (CDP II) yang telah ditambahbaik untuk memastikan pembangunan di rantau ini diselaraskan semula dengan perkembangan ekonomi dan sosio-politik yang terkini. IRDA juga telah memperkenalkan pelbagai program untuk menyokong agenda sosial di rantau ini seperti program Kawan Iskandar Malaysia (KIM). KIM akan menggalakkan masyarakat tempatan untuk



terlibat lebih aktif dalam pembangunan ekonomi rantau ini dan melibatkan 14 daerah kecil yang meliputi keluarga berpendapatan rendah. Buat julung kalinya, IRDA juga telah menganjurkan acara Anugerah Media Sosial Iskandar Malaysia bagi mengiktiraf dan menghargai wira-wira masyarakat setempat yang tidak pernah diraikan. Penganugerahan tersebut menyaksikan 170 pencalonan bagi 12 kategori. Sebanyak 22 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu telah diberi penghormatan di majlis ini.

IRDA telah menerajui inisiatif untuk menggalakkan pertumbuhan lestari dengan penerbitan Manual Garis Panduan Ekonomi Hijau (*Green Economy Guidelines*, GEG) pada tahun 2014. Usaha ini bermula setelah Iskandar Malaysia diberi penghormatan sebagai rakan kongsi dalam Platform Penggerak Kecekapan Tenaga Global (*Global Energy Efficiency Accelerator Platform*, GEEAP) yang merupakan satu program perdana untuk inisiatif Tenaga Lestari untuk Semua (*Sustainable Energy for All*, SE4ALL) yang diterajui oleh Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dan Presiden Bank Dunia. Iskandar Malaysia dipilih berdasarkan Rangka Tindakan Masyarakat Rendah Karbon bagi Iskandar Malaysia (*Low Carbon Society Blueprint for Iskandar Malaysia*, LCSBPIM) yang menggariskan strategi untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 50 peratus di Iskandar Malaysia menjelang kematangannya pada tahun 2025.

### Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)



Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab

bagi menyediakan hala tuju dan merangka dasar dan strategi berhubung pembangunan sosio-ekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang meliputi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara. Dalam separuh pertama tahun 2014, rantau ini menarik pelaburan sebanyak RM6.7 bilion dan mewujudkan 9,851 peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan dan perkilangan. Secara keseluruhan, rantau ini telah mewujudkan 70,856 peluang pekerjaan dan perniagaan sejak tahun 2010 yang melibatkan pelaburan dari syarikat domestik dan juga Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Pelan Pembangunan Strategik Perlis telah menggariskan 64 projek berimpak tinggi yang berpotensi dan bernilai lebih daripada RM34.5 bilion untuk dilaksanakan dari tahun 2013 hingga 2030. Pelaburan ini bukan sahaja dijangka akan



FOTO Pusat Biotek Koridor Utara, Batu Kawan

membawa keuntungan sosio-ekonomi tetapi juga akan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam penyelidikan dan kemajuan pertanian, terutamanya dalam memajukan amalan pertanian yang berteknologi tinggi. Pelan strategik itu meliputi pembangunan Lembah Chuping dan disokong oleh Pelan Pembangunan *Greater Kamunting* yang telah mengenal pasti 34 projek permulaan berjumlah RM18 bilion yang akan dilaksanakan dalam tempoh yang sama. Pelan ini akan menyaksikan pembangunan tersebar melangkaui kawasan tradisional di Kamunting dan memberi nafas baharu kepada taman-taman perindustrian lama di Perak.

"Pelan Pembangunan Strategik Perlis telah mendedahkan 64 projek mungkin yang berimpak tinggi dan bernilai lebih daripada RM34.5 bilion yang akan dilaksanakan dari tahun 2013 hingga 2030."

Pengalaman Koridor Utara ini dalam bidang kejuruteraan sepanjang 40 tahun yang lalu banyak memberi fokus kepada operasi pemasangan dan pengujian. NCIA kini memberi tumpuan untuk merangka ekosistem perkilangan yang baharu di Koridor Utara dengan meneroka sektor-sektor pertumbuhan baharu seperti peranti perubatan dan solar. Agensi ini juga sedang menggiatkan usaha untuk mengungguli sektor pelancongan perubatan di rantau ini menerusi kerjasama hospital swasta dan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) dengan mengambil bahagian dalam pameran perubatan dan penjagaan kesihatan. Agensi ini menggalakkan hospital-hospital di Koridor Utara untuk membina keupayaan masing-masing dalam bidang khusus seperti onkologi, kardiologi, pembedahan invasif minima dan penjagaan ambulatori.

### Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)



Tahun 2014 merupakan tahun yang sibuk bagi Pihak Berkuasa

Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dalam menggalakkan pelaburan di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dengan penglibatan dalam pelbagai acara dan misi perdagangan. Rantau ini telah menarik pelaburan berjumlah RM138.1 bilion sejak dilancarkan pada tahun 2008, di mana RM50.4 bilion telah direalisasikan setakat ini.

Program penting pertama oleh SEDIA pada tahun 2014 ialah Forum Inovasi SDC yang melibatkan orang awam di Kota Kinabalu, termasuk peserta dari Institut Teknologi, Tallaght, Ireland. Objektif forum awam ini adalah untuk membincangkan pendekatan bagi meningkatkan modal insan di Sabah. SEDIA turut menggerakkan langkah dalam program 1Agro-SAIP dengan empat kursus untuk bakal usahawan pertanian dan inkubator PKS di Presint Agro-Industri Sabah (SAIP). SAIP akan menjadi pusat kecemerlangan dalam bioteknologi pertanian dengan memanfaatkan biodiversiti dan limpahan sumber asli negeri bagi menghasilkan makanan bernilai ditambah tinggi dan produk



FOTO Ahli panel di Forum Awam berkaitan Inovasi, SDC pada Mac 2014

istimewa berasaskan botani serta tumbuhan dan haiwan akuatik.

Pada tahun 2014, Loji Kuasa Kimanis telah memulakan operasi sepenuhnya dan dijangka akan menyumbang 95 MW tenaga elektrik tambahan kepada grid tenaga negeri itu. Ini dijangka akan melonjakkan SDC menjadi destinasi pelaburan yang lebih menarik ketika pembangunan dilihat semakin berkembang di seluruh negeri itu. Subsektor hartanah juga sedang berkembang dengan lebih pesat melibatkan pembangunan hartanah premium dalam lingkungan 5km radius dari Kota Kinabalu kerana projek permulaan Kota Kinabalu City Waterfront (KKCW) telah mula mencetuskan daya tarikan.

### Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)



Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) merupakan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memesatkan

pertumbuhan ekonomi negeri ini menjelang tahun 2020. Kelebihan utama SCORE adalah kekayaan sumber tenaganya: 20,000 MW potensi kuasa hidro, 1.46 bilion tan arang batu dan 40.9 trilion kaki padu persegi gas asli. Strategi teras SCORE adalah untuk menggiatkan pembangunan sumber tenaga Sarawak dan membolehkan Sarawak menetapkan harga tenaga yang kompetitif dan menarik pelaburan dalam industri berintensifkan tenaga.

Perindustrian yang pesat ini disasarkan di Taman Perindustrian Samalaju. Dengan tanah seluas lebih 8,000 hektar, kemudahan pelabuhan khusus di Bintulu yang berdekatan dan juga sebuah

perbandaran baharu, Samalaju merupakan salah satu daripada taman perindustrian yang penting di negara ini. Taman ini telah menarik sebanyak 15 syarikat dengan jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM25.2 bilion setakat ini, di mana empat syarikat telah memulakan operasi, dua syarikat dalam peringkat pembinaan dan tiga syarikat dalam penyediaan tapak. Sementara syarikat-syarikat lain pula masih dalam pelbagai peringkat pra-pelaksanaan.

Projek-projek yang terdapat di Samalaju melibatkan loji perkilangan berteknologi tinggi yang akan melengkapkan ekosistem industri strategik dalam pengeluaran panel solar, keluli dan perkhidmatan logistik. Loji-loji peleburan aluminium, ferro-aloi dan silikon polihabluran akan mencetuskan pelaburan sampingan dalam industri hiliran yang akhirnya akan mewujudkan beribu-ribu peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat Malaysia.



### InvestKL

InvestKL menjalinkan usaha sama dengan syarikat-syarikat multinasional (MNC) bagi memahami

keperluan pelaburan syarikat untuk dipadankan dengan pakej-pakej insentif yang bersesuaian. Matlamat utama agensi ini adalah untuk menarik 100 MNC bagi menubuhkan ibu pejabat operasi utama di sekitar *Greater KL* dan Lembah Klang menjelang tahun 2020. Pada tahun 2014, agensi ini telah berjaya menarik sebanyak 14 MNC di dalam senarai pelanggannya yang menjadikan bilangan ibu pejabat utama MNC di Lembah Klang meningkat kepada 46 sehingga kini.

InvestKL juga berterusan menggalakkan MNC untuk membangunkan lebih banyak aktiviti bernilai tinggi seperti pembangunan harta intelek (IP) dan inovasi serta perkongsian bersama komuniti Malaysia. Agensi ini bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk menambahbaik ekosistem perniagaan di *Greater KL* bagi menyokong operasi serantau dan aktiviti menara kawalan oleh MNC di bandaraya ini. Insentif hab prinsipal yang baru diumumkan dalam Bajet 2015 akan meningkatkan lagi daya tarikan *Greater KL* di kalangan MNC yang ingin menubuhkan pusat operasi global di rantau ini.



**FOTO** Empangan graviti Murum semasa dalam peringkat pembinaan. Takungan empangan telah mula diisi pada Julai 2013 dan penjana kuasa pertama pula diuji pada Disember 2014



## Pusat Penyelidikan Kolaborasi Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST)



Setelah memasuki tahun kedua operasi, CREST terus menerajui kolaborasi

di antara pemain industri, ahli akademik dan organisasi Kerajaan dalam pembangunan industri elektrik dan elektronik (E&E) Malaysia. Dengan sokongan daripada MIDA dan penaja-penaja lain, Simposium CREST 2014 berjaya menarik hampir 200 orang penonton dan menampilkan penerima Anugerah Nobel 2014 Profesor Shuji Nakamura - "Bapa LED Biru GaN".

Geran R&D CREST terus menyumbang nilai kepada ekosistem R&D negara melalui model yang unik. Syarikat-syarikat E&E dan universiti-universiti sedang menjalinkan sinergi dan memercikkan idea, inovasi dan produk baharu sambil memupuk bakat dan kepakaran yang relevan untuk industri. Lapan daripada 10 projek yang menerima geran pada tahun 2012 telah dilaksanakan pada tahun 2014, di mana hasil daripada tiga projek ini dipilih untuk terus dikembangkan. Kini program itu didukung oleh 22 syarikat tempatan, 15 MNC dan 16 universiti untuk menjalankan 74 projek yang bernilai sebanyak RM61 juta. Pada September 2014, CREST melancarkan Skim Geran R&D Bersasaran untuk memacu kolaborasi penyelidikan dalam bidang sasaran tertentu seperti optoelektronik/LED, *Internet of Things* (IoT) dan reka bentuk litar bersepadu (IC).

Pada tahun 2014, CREST menjalin kolaborasi strategik dengan Universiti California Santa Barbara (UCSB) yang memberi manfaat kepada syarikat tempatan dalam pembangunan LED dan lampu laser generasi baru. Kolaborasi CREST-UCSB ini melibatkan empat institusi pengajian tinggi (IPT) dan tiga pengeluar LED di Malaysia. CREST juga sedang berusaha keras untuk merasmikan kolaborasi dalam penyelidikan bidang *Large Area Electronics* dengan Universiti Cambridge, UK. *Large area printable electronics* merupakan teknologi utama dalam membangunkan *flexible wearable electronics* dalam kebanyakan aplikasi *Internet of Things*. Pasukan penyelidik di Universiti Cambridge itu diketuai oleh Profesor Arokia Nathan, seorang warganegara Malaysia yang memegang jawatan Pengarah Makmal Heterogenesys di Jabatan Kejuruteraan Universiti Cambridge.

Program pembangunan bakat oleh CREST di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) terus memupuk bakat mahasiswa



FOTO Prof. Shuji Nakamura di Simposium CREST 2014

pada tahun 2014. Lebih 300 pelajar tahun akhir telah dilatih dalam 14 topik yang berkaitan industri yang diajar oleh lebih 15 pakar industri. Pelancaran *The Great Lab* ([www.thegreatlab.com](http://www.thegreatlab.com)) pada April 2014 juga dijangka akan memateri hubungan erat di antara pemain industri dan ahli akademik dalam sektor E&E Malaysia. Platform inovasi yang terbuka ini membolehkan pelajar Malaysia dari dalam dan luar negara untuk mencadangkan penyelesaian inovatif kepada cabaran industri yang sebenar. Idea-idea pemenang dan peserta yang disenarai pendekkan akan menerima penempatan dalam syarikat-syarikat yang mengambil bahagian, di mana pelajar akan menterjemahkan idea tersebut untuk menjadi penyelesaian yang sebenar dan berkesan di bawah bimbingan pakar-pakar industri. Sehingga kini, dua rakyat Malaysia dari Imperial dan Universiti College London telah berjaya memenangi persembahan idea itu kepada Motorola Solutions dan Intel. CREST telah mengendalikan lapan pertandingan dan bengkel industri yang melibatkan lebih 450 pelajar untuk menggalakkan inovasi terbuka dalam menyelesaikan permasalahan sebenar industri.

Inisiatif-inisiatif penglibatan industri oleh CREST ditetapkan untuk memacu empat pasaran tegak utama dalam *Internet of Things* - penjagaan kesihatan, pengangkutan, bandar pintar dan peruncitan. Program pembangunan berkelompok untuk penjagaan kesihatan dan pengangkutan telah dimulakan dengan Kontron dan Motorola Solutions dengan penyertaan aktif lebih 50 syarikat lain dan universiti untuk memacu

pembangunan penyelesaian dan produk. Agensi ini juga membuka laluan ke *CREST Place* di Pulau Pinang pada tahun 2014 sebagai hab inovasi kepada syarikat dan individu. Dengan memberi tumpuan dalam bidang LED, sistem embedded dan IoT serta reka bentuk IC, *CREST Place* membolehkan usahawan untuk mengembangkan perniagaan atau menguji idea-idea perniagaan mereka. CREST kini sedang bekerjasama dengan pemain-pemain industri seperti Cisco, Dell, IBM, Intel dan Kontron untuk menubuhkan Makmal IoT dan pusat penyimpanan data di *CREST Place*.

## Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)



Sejumlah 230 syarikat telah diberikan status MSC oleh Perbadanan

Pembangunan Multimedia (MDeC) pada tahun 2014 dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM3.0 bilion. Pelaburan domestik menyumbang lebih daripada separuh jumlah ini (RM1.7 bilion), manakala bakinya merupakan pelaburan asing (RM1.3 bilion). Sebanyak 14,480 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh projek-projek ini. Pada tahun 2013, sejumlah 236 syarikat dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM3.0 bilion telah dianugerahkan status MSC. Sehingga Disember 2014, terdapat sebanyak 3,632 syarikat berstatus MSC Malaysia di Malaysia di mana 75 peratus (2,708) daripadanya adalah aktif.

MDeC merupakan agensi utama yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri ICT dan ekonomi digital di Malaysia. Ekonomi digital negara ini menunjukkan kemajuan yang ketara pada pertengahan pertama 2014 apabila sektor ICT menyumbang sebanyak RM161.6 bilion berbanding jumlah KDNK negara pada tahun 2013 sebanyak RM986.7 bilion. Pada Oktober 2014, Kerajaan telah mengumumkan dua inisiatif baharu yang akan dipacu oleh MDeC untuk terus memperluaskan manfaat ekonomi digital nasional kepada 40 peratus bahagian bawah masyarakat dalam piramid pendapatan (B40).

Inisiatif pertama adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat B40 dengan melicinkan usaha-usaha sedia ada di bawah program Digital Malaysia untuk membantu golongan miskin menjana pendapatan baharu menerusi *crowdsourcing*. Inisiatif ini akan dilaksanakan di pelbagai Pusat Pekerjaan Digital dan pusat panggilan yang diubah suai untuk memberi kesan kepada isi rumah berpendapatan rendah di luar bandar dan bandar. Inisiatif yang kedua (Transformasi Kerajaan Digital) pula akan merangsang kecemerlangan sektor awam



melalui penyampaian perkhidmatan atas talian, telekomunikasi, infrastruktur dan pembangunan modal insan.

Selain itu, MDeC akan memacu pembangunan dan penggalakan hab teknologi utama untuk trafik data. Hab trafik data global akan diwujudkan dengan memanfaatkan ekosistem pusat data di Cyberjaya yang merupakan gerbang masuk penyambungan data antarabangsa dan mewujudkan kluster penyimpanan data dan perkhidmatan baharu di wilayah Iskandar. MDeC juga akan meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam kandungan multimedia kreatif dengan memperkenalkan *Content Malaysia*, pusat setempat untuk merangsang percambahan kesemua bentuk kandungan kreatif di negara ini. *Content Malaysia* akan membolehkan pereka kandungan dan pemain industri untuk bertukar idea, memohon pembiayaan dan mengangkat idea mereka ke pasaran.

Inisiatif-inisiatif lain adalah bertujuan untuk mendorong Malaysia menjadi sebuah hab permainan dan media interaktif serantau dan menjadikan *Big Data Analytics* (BDA) satu bidang keutamaan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK 11). MDeC akan memacu tiga projek BDA berimpak tinggi iaitu penubuhan Institut Sains Data Asia secara kolaborasi dengan universiti-universiti terkemuka global, menyediakan akses bagi Data Terbuka Kerajaan menerusi data.gov.my dan penubuhan Pusat Kecemerlangan Inovasi BDA yang akan diterajui oleh sektor swasta.

Bil.	Taman Halal HALMAS	Bil. Projek	Jumlah Pekerja	Pelaburan diluluskan (RM juta)
1	Selangor Halal Hub	20	1,339	1,805.85
2	PKFZ Halal Flagship Zone	8	228	561.77
3	Melaka Halal Park	43	301	114.85
4	techpark@enstek	23	1,761	2,638.96
5	Tanjung Manis Halal Food Park	6	245	1802.5
6	Pedas Halal Park	3	120	20
7	POIC Tanjung Langsung Halal Park	7	330	1,125
8	Penang International Halal Park	8	1,069	381.08
9	POIC Lahad Datu Halal Park	N/A	N/A	N/A
10	ECER Pasir Mas Halal Park	N/A	N/A	N/A
11	ECER Gambang Halal Park	N/A	N/A	N/A
12	PERDA Halal Park	N/A	80	N/A
13	Sedenak Industrial Park	N/A	N/A	N/A
	<b>TOTAL</b>	<b>118</b>	<b>5,473</b>	<b>8,450.01</b>

**JADUAL** Pelaburan yang diluluskan dan bilangan pekerjaan di Taman Halal HALMAS, 2009 - 2014

## Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC)



Dengan pengalaman dan kepakaran yang meluas dalam produk dan perkhidmatan halal, Malaysia berada di kedudukan yang unik untuk mendukung inisiatif global dalam meningkatkan industri halal. Perbadanan Pembangunan Industri

Halal (HDC) menyelaraskan pembangunan industri halal negara secara menyeluruh dalam misi untuk merealisasikan visi Malaysia menjadi Hab Halal Global. Setakat ini, sebanyak 21 Taman Halal telah dibangunkan di seluruh negara termasuk 13 Taman Halal yang telah dianugerahkan status HALMAS di mana syarikat industri halal yang melabur dalam taman tersebut akan menikmati tawaran insentif cukai dan pengecualian duti yang menarik.

Sehingga Disember 2014, Taman Halal HALMAS telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM8.45 bilion. Ini termasuk pelaburan dari Amerika Syarikat, Australia dan Jepun. Sejumlah 118 projek sedang beroperasi dan menawarkan lebih 5,000 peluang pekerjaan. Di antara projek-projek yang diluluskan adalah syarikat multinasional dan PKS yang mengeluarkan makanan halal yang diproses, bahan ramuan halal dan farmaseutikal halal.

## BioTechCorp



Malaysia kini berada pada tahun akhir dalam fasa Sains ke Perniagaan menurut Dasar Bioteknologi Negara dan akan beralih ke fasa Perniagaan Global. Fasa ini akan memberi tumpuan untuk mengukuhkan kekuatan dan keupayaan

syarikat-syarikat Malaysia dalam penemuan dan pembangunan produk baharu berasaskan bioteknologi dan mencipta jenama global untuk syarikat dan produk bioteknologi Malaysia. Visi tersebut akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya saing tinggi dengan memperoleh nilai besar daripada aktiviti R&D dan inovasi, di mana perusahaan komersial mengambil alih kepimpinan teknologi dan memacu penjana pendapatan, keberuntungan dan pertumbuhan lestari.

Setakat ini, BioTechCorp telah berjaya membangunkan rangkaian 248 syarikat berstatus BioNexus yang menyumbang pelaburan diluluskan bernilai kira-kira RM4.6 bilion dalam sektor Bio-Perubatan, Ag-Biotech dan Bio-Industri. Sejumlah 20 syarikat baharu telah dianugerahkan Status BioNexus pada tahun 2014. Pelaburan swasta yang direalisasikan (seperti yang dilaporkan oleh syarikat-syarikat BioNexus) antara Januari dan September 2014 berjumlah RM242 juta. Subsektor yang paling banyak menarik pelaburan adalah Ag-Biotech (RM195 juta), diikuti

oleh subsektor Bio-Perubatan (RM38 juta) dan Bio-Industri (RM9.0 juta).

Tiga projek bernilai hampir RM1.0 bilion dalam pelaburan langsung domestik telah diluluskan pada tahun 2014, di mana satu daripadanya merupakan loji bernilai RM720 juta untuk mengeluarkan baja organik yang kaya dengan asid humik dari sisa kelapa sawit. Bahan penambah bio-baja meninggikan kadar penyerapan nutrien organik yang meningkatkan kualiti dan hasil produk pertanian serta menyongsangkan impak baja kimia konvensional dengan berkesan. Seterusnya adalah projek bernilai RM152 juta yang dipacu oleh pelabur domestik untuk membangunkan vaksin meningokokus halal dan bio-farmaseutikal halal yang lain. Satu lagi pelaburan besar sebanyak RM125 juta yang turut diluluskan adalah pengkomersilan minyak pati gaharu terpiawai yang bernilai tinggi untuk industri nutraseutikal dan kosmeseutikal.

## TalentCorp

**TalentCorp**  
MALAYSIA

Salah satu agensi yang sangat penting di mana MIDA bekerjasama adalah

TalentCorp Malaysia yang telah ditugaskan untuk memastikan negara mempunyai kumpulan bakat yang diperlukan untuk mencapai objektif ekonomi.

TalentCorp membantu untuk memastikan kaedah optima bagi graduan diambil bekerja dan menggalakkan rakyat Malaysia yang berkepakaran di luar negara untuk pulang melalui inisiatif *Returning Expert Programme* (REP). Pada April 2014, agensi telah menyemak semula kriteria REP agar lebih selari dengan keperluan ekonomi di samping memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam menawarkan insentif cukai kepada bakat terbaik. Meskipun syarat-syarat kelayakan telah menjadi lebih tinggi, lebih 600 permohonan dari rakyat yang berpotensi di luar negara telah diluluskan pada tahun 2014. TalentCorp turut melancarkan papan pekerjaan *Malaysian Global* secara atas talian yang baharu pada tahun 2014 untuk menghubungkan rakyat Malaysia yang berkemahiran di luar negara dengan majikan domestik.

TalentCorp turut mengerah tenaga untuk merapatkan jurang kemahiran kritikal dengan menarik bakat asing yang terbaik ke Malaysia melalui program Pas Residen-Bakat (RP-T) yang membolehkan warga asing untuk bekerja di Malaysia sehingga 10 tahun. Sejak diperkenalkan pada April 2011, program ini telah meluluskan lebih 3,000 permohonan di mana lebih daripada 1,000 telah diluluskan pada tahun 2014

"Meskipun syarat-syarat kelayakan yang lebih tinggi, permohonan lebih 600 orang yang bakal pulang di bawah Program Membawa Pulang Pakar telah diluluskan pada tahun 2014."

sahaja dalam sektor utama ekonomi seperti perkhidmatan perniagaan, carigali minyak dan gas (OGE), komunikasi, kandungan dan infrastruktur (CCI), pendidikan serta kewangan. Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (ESD) yang baharu di TalentCorp akan membantu mempercepatkan usaha negara untuk merapatkan jurang kemahiran kritikal dengan menyediakan saluran tunggal kepada ekspatriat dan syarikat bagi mengemukakan semua urusan imigrasi yang berkaitan ekspatriat. Permohonan permit kerja daripada syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan ESD akan diproses untuk kelulusan dalam tempoh lima hari bekerja.

Salah satu fungsi utama TalentCorp adalah untuk memupuk persekitaran di mana bakat tempatan boleh dibangunkan dan berkembang. Untuk tujuan itu, agensi menjalin kerjasama dengan Kementerian Pelajaran (KPM) dalam Program Latihan Amali Berstruktur (SIP) untuk membekalkan pengalaman kerja yang berguna kepada mahasiswa. Syarikat yang menyertai program SIP telah melatih lebih 12,000 pelatih di mana syarikat menikmati insentif potongan cukai berkembar di bawah Bajet 2015 Kerajaan. TalentCorp juga menjalankan inisiatif *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk membantu graduan yang dibiayai Kerajaan menjalani bon perkhidmatan di syarikat-syarikat pelabur terkemuka di Malaysia. Program ini berjaya menempatkan 800 graduan pada tahun 2014 yang merupakan dua kali ganda bilangan pada tahun 2013. Seterusnya, program STAR ini akan dilengkapi dengan Program Perantisan Pengurusan (*Management Apprenticeship Programme*, MAP) oleh JPA yang telah dilancarkan pada Oktober 2014. MAP membolehkan graduan JPA berkhidmat selama tiga bulan dalam program perantisan berstruktur di bawah majikan sektor swasta dan badan-badan berkanun terpilih untuk mendedahkan mereka pengalaman berguna dalam persekitaran dunia profesional sebenar di samping memastikan majikan akan mempunyai saluran tenaga mahir yang berterusan.

Melalui kolaborasi dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), TalentCorp turut melancarkan portal *flexWorkLife.my* pada tahun 2014 untuk

Pencapaian 2014	Detik penting utama 2014
<p>MENARIK WARGA MALAYSIA DI LUAR NEGARA</p> <p><b>REP &gt; 600</b> kelulusan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Insentif dan kriteria bagi Program Membawa Pulang Pakar (REP) disemak semula berkuatkuasa April 2014</li> <li>• Portal pekerjaan <i>Global Malaysians</i> dilancarkan pada Oktober 2014</li> </ul>
<p>MEMUDAHKAN BAKAT ASING</p> <p><b>RP-T &gt; 1,000</b> kelulusan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejak April 2011, lebih 3,000 Pas Residen – Bakat (RP-T) diluluskan</li> <li>• Bahagian Perkhidmatan Pegawai Dagang (ESD) dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada Jun 2014 dengan piagam pelanggan 5 hari untuk meluluskan permohonan Pas Kerja</li> </ul>
<p>MENINGKATKAN KEMAMPUAN SISWAZAH</p> <p><b>SIP &gt; 12,000</b> penempatan latihan</p>	<p>Bajet 2015:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perluasan skop Program Latihan Berstruktur (SIP) dari latihan berkaitan ijazah kepada latihan diploma dan vokasional yang berkaitan</li> <li>• Peruntukan RM30 juta bagi pelaksanaan program Kolaborasi Industri Akademia bagi membangunkan kurikulum dan latihan perindustrian yang relevan kepada industri</li> </ul>
<p>MENGALAKKAN KEPELBAGAIAN BAKAT</p> <p><b>flexWorkLife.my &gt; 500</b> penempatan kerja</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua syarikat yang tersenarai dikehendaki mengemukakan Dasar Kepelbagaian dari Januari 2015</li> <li>• Pengumuman dalam Bajet 2015 bagi melaksanakan Kemunculan Semula Kerjaya Wanita bagi menarik kembali wanita profesional yang bercuti rehat dari kerjaya</li> </ul>
<p>MENGOPTIMUMKAN BAKAT TERTINGGI MALAYSIA</p> <p><b>STAR &gt; 800</b> pelajar ditempatkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Di bawah program <i>Scholarship Talent Attraction and Retention</i> (STAR), bilangan pelajar siswazah JPA yang menjalani bon perkhidmatan di syarikat swasta pada 2014 meningkat lebih dua kali ganda bilangan pada 2013</li> <li>• Program Perantisan Pengurusan JPA (MAP) dilancarkan pada Oktober 2014 bagi menempatkan pelajar dalam syarikat swasta terkemuka</li> </ul>

**RAJAH** Kad skor TalentCorp Malaysia sehingga kini

membantu tenaga kerja mencari penyelesaian yang fleksibel dan mesra keluarga dalam pekerjaan. Seterusnya, melalui program *Women Career Comeback*, Kerajaan telah menawarkan potongan cukai kepada syarikat yang memperkenalkan penyusunan kerja yang fleksibel. Ini merupakan tambahan kepada geran Kerajaan untuk menarik lebih ramai golongan profesional wanita kembali bekerja.

Kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta kepada TalentCorp untuk melancarkan program Kolaborasi Industri Akademia di bawah Bajet 2015. Program ini akan membolehkan pihak universiti, entiti Kerajaan dan industri membangunkan kursus jangka pendek dan latihan perindustrian yang bersesuaian dengan industri. Inisiatif baharu ini dijangka akan mengukuhkan lagi pangkalan bakat negara dan menggalakkan lebih banyak perkongsian awam-swasta dalam bidang ekonomi berketumbuhan tinggi.

# MALAYSIA: PUSAT BAGI ASEAN



*Di sebalik kejatuhan harga komoditi dan ketidakstabilan ekonomi, Malaysia dan ASEAN masih berterusan menarik minat pelabur asing.*





Infineon, anak syarikat pengeluar semikonduktor terbesar Jerman, mengembangkan kemudahan dan keupayaan R&D di Malaysia. Syarikat itu juga berkolaborasi dengan universiti-universiti tempatan dalam program pembangunan bakat.

**D**ATA AWAL OLEH UNITED NATIONS CONFERENCE ON Trade and Development (UNCTAD) menganggarkan bahawa aliran pelaburan langsung asing global (FDI) merosot sebanyak lapan peratus pada tahun 2014 kepada AS\$1.26 trilion akibat kerapuhan ekonomi global, ketidakpastian dasar dan risiko geopolitik. Ini merupakan perbezaan yang ketara berbanding iklim pelaburan global 2013, di mana aliran masuk FDI melonjak sebanyak sembilan peratus di seluruh dunia dan merentasi semua kumpulan ekonomi dunia utama - maju, peralihan dan

membangun. Pada tahun 2014, aliran masuk FDI di negara maju merundum sebanyak 14 peratus kepada kira-kira AS\$511 bilion, manakala lebih dari separuh jumlah itu, AS\$45 bilion di negara-negara ekonomi peralihan.


Sebaliknya, di kebanyakan negara-negara ekonomi membangun, aliran masuk FDI meningkat sebanyak empat peratus hingga mencecah paras tertinggi baharu AS\$700 bilion pada tahun 2014 yang menunjukkan keyakinan pelabur masih kukuh terhadap prospek pertumbuhan di negara-negara ini. Malah pada tahun ini juga ekonomi negara membangun mencatatkan 56 peratus daripada jumlah aliran masuk FDI global yang diterajui oleh negara-negara di Asia. Data awal menunjukkan gabungan aliran masuk FDI bagi 40 negara di Asia meningkat sebanyak kira-kira 15 peratus kepada paras tertinggi dalam sejarah sebanyak AS\$492 bilion di mana China merupakan penerima FDI terbesar di dunia (AS\$128 bilion). Aliran masuk FDI ke India turut melonjak sebanyak 26 peratus kepada kira-kira AS\$35 bilion.

Aliran masuk FDI ke Hong Kong pada tahun 2014 juga menunjukkan peningkatan yang mengagumkan sebanyak 46 peratus dengan anggaran AS\$111 bilion walaupun sebahagian besar pertumbuhan ini disebabkan oleh urusan penggabungan kumpulan CITIC bernilai AS\$42 bilion. Walau bagaimanapun, aliran FDI ke Asia Barat diperhatikan telah menurun pada tahun 2014 bagi kali keenam berturut-turut berikutan pergolakan di Timur Tengah.

Ketidakstabilan di Timur Tengah turut mempengaruhi aliran masuk FDI di Afrika Utara yang menyaksikan penurunan sebanyak 17 peratus disebabkan kejadian rusuhan awam di Libya. Kebanyakan rantau lain di Afrika menyaksikan aliran masuk FDI yang sama seperti tahun 2013. Aliran FDI di Amerika Latin juga jatuh mendadak pada tahun 2014 sebanyak 19 peratus kepada AS\$153 bilion kerana penurunan dalam M&A rentas sempadan sebanyak 26 peratus dan kemerosotan pelaburan dalam industri utama disebabkan harga komoditi yang lebih rendah. Dianggarkan aliran FDI di Persekutuan Rusia pula menurun sebanyak 70 peratus kepada AS\$19 bilion pada tahun 2014, manakala aliran FDI ke Ukraine menyusut kepada -AS\$0.2 bilion. Kebanyakan syarikat minyak dan gas yang berpangkalan di negara-negara maju telah membatalkan atau menangguhkan pelaburan ke rantau ini, walau bagaimanapun aliran masuk FDI di negara-negara jiran seperti Kazakhstan dan Azerbaijan didapati meningkat.

Kesatuan Eropah menunjukkan daya ketahanan yang mengejutkan dalam menghadapi

## ANGGARAN ALIRAN MASUK FDI MENGIKUT RANTAU, 2013-2014 (% perubahan dan nilai aliran masuk dalam AS\$ bilions)



Sumber: UNCTAD. Amerika Latin dan Caribbean tidak termasuk Caribbean pusat-pusat kewangan luar pesisir

ketidaktentuan fiskal dan politik. Aliran FDI di rantau ini meningkat sebanyak 13 peratus kepada kira-kira AS\$267 bilion pada tahun 2014 dengan lonjakan yang ketara di Portugal dan Sweden. United Kingdom menyaksikan peningkatan aliran masuk dengan anggaran AS\$61 bilion yang diikuti Belanda (AS\$42 bilion) dan Luxembourg (AS\$36 bilion). Walau bagaimanapun, aliran masuk di Jerman dan Perancis menyusut kepada -AS\$2.1 bilion dan -AS\$6.9 bilion masing-masing. Pinjaman intra-syarikat yang lebih rendah oleh pelabur EU turut mengurangkan aliran FDI di Ireland yang hanya mencatatkan AS\$10 bilion. Kejatuhan mendadak dalam pinjaman intra-syarikat juga menyebabkan susutan FDI di Kanada, di mana aliran masuk menurun sebanyak 26 peratus kepada AS\$53 bilion.

Sebagai sebuah ekonomi yang agak terbuka, Malaysia menghadapi cabaran yang sama dalam menghadapi penurunan aliran masuk FDI pada tahun 2014. Pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor utama dan perkhidmatan menurun kepada RM7.3 bilion (2013: 9.9 bilion) dan RM17.7 bilion (2013: 19.0 bilion) masing-masing. Walau bagaimanapun, pelaburan asing dalam projek sektor perkilangan yang diluluskan melonjak sebanyak 29.7 peratus kepada RM39.6 bilion berbanding RM30.5 bilion pada tahun 2013. Kebanyakan daripada pelaburan asing yang diluluskan ini adalah dalam aktiviti bernilai ditambah tinggi yang menjanjikan lonjakan profil

ekonomi negara sebagai destinasi pelaburan yang berkualiti tinggi.

### PELUANG CERAH DI ASEAN

Jangkaan terhadap aliran FDI global bagi tahun 2015 masih tidak menentu. Kadar pertukaran yang kerap berubah menghalang pelabur untuk membuat keputusan pelaburan yang besar. Sementara harga komoditi dan minyak yang rendah akan mengurangkan pelaburan dalam industri cari gali. Situasi yang tidak menggalakkan adalah kesan daripada kegoyahan geopolitik di Timur Tengah dan Eropah Timur yang menjadikan syarikat lebih berhati-hati untuk mengambil langkah besar memasuki pasaran baharu walaupun terdapat peluang cerah di Asia dan rantau ASEAN khususnya bagi pertumbuhan yang memberangsangkan.

Perdagangan antarabangsa ASEAN telah meningkat hampir tiga kali ganda sejak sedekad yang lalu. ASEAN merupakan lokasi ibu pejabat bagi 74 syarikat yang tersenarai dalam Forbes Global 2000. Sekurang-kurangnya 277 daripada syarikat yang berpangkalan di rantau ini mencatatkan pendapatan melebihi AS\$1.0 bilion. Oleh itu terbukti bahawa rantau ini dilengkapi bakat, infrastruktur dan polisi-polisi yang menyokong para pelabur untuk mengungguli ekonomi global. Ia turut membuktikan bahawa ASEAN juga merupakan pasaran pembeli global di mana Bank of America Merrill Lynch



menganggarkan bahawa rantau ini merupakan penyumbang kira-kira 38 peratus daripada saham terbitan awal di Asia.

Salah satu kelebihan terbesar ASEAN adalah pangkalan perkilangan dan eksport yang pelbagai, di mana negara-negara anggotanya mengungguli industri-industri tertentu yang menawarkan ekosistem kukuh untuk dimanfaatkan oleh pelabur. Malaysia dan Singapura terkenal sebagai peneraju dalam industri elektronik dan teknologi termaju, sementara Vietnam merupakan pemacu industri tekstil dan pakaian. Thailand pula merupakan salah satu pengeksport automotif terkemuka di dunia. Rantau ini juga menjana pendapatan berdasarkan sumber semula jadi di mana negara-negara ASEAN merupakan di antara pengeksport terbesar dunia bagi komoditi seperti minyak sawit, arang batu, bijih timah dan koko.

Namun ASEAN bukanlah pasaran yang homogen. Terdapat jurang perbezaan yang besar di kalangan negara anggota ASEAN dari segi kuasa pembelian, kematangan ekonomi dan struktur budaya. Sementara Indonesia menyumbang hampir 40 peratus daripada output ekonomi ASEAN secara keseluruhan, Myanmar pula merupakan pasaran baru muncul yang masih bergelut dengan masalah lazim bagi negara yang baru mula berintegrasi dengan ekonomi dunia. KDNK per kapita di Singapura merupakan di antara yang tertinggi di dunia, manakala Laos dan Kemboja pula berada di antara kedudukan yang terendah. Sehubungan itu, pelabur tidak boleh bergantung kepada strategi menyeluruh untuk menceburi pasaran ASEAN kerana setiap pasaran perlu didekati secara berasingan.

Selain itu, ASEAN telah dikenali dengan rekod prestasi kestabilan ekonomi yang dicemburui dunia. Hutang Kerajaan di ASEAN berada di paras bawah 50 peratus daripada KDNK yang jauh lebih rendah berbanding negara-negara maju

seperti United Kingdom atau Amerika Syarikat. Pertumbuhan ekonomi di ASEAN juga jauh lebih stabil berbanding negara-negara lain di dunia sepanjang dekad yang lalu. Bandar-bandar utama di ASEAN didiami oleh 22 peratus daripada penduduk di rantau ini yang menyumbang lebih 54 peratus kepada KDNK. Rakyat ASEAN juga terdiri daripada warga celik internet yang merupakan komuniti pengguna Facebook kedua terbesar di dunia. Oleh itu terdapat ruang yang cukup luas bagi pertumbuhan masa hadapan di sini dan para pelabur sedang berebut bagi memperoleh tapak pasaran sebelum ledakannya kelak.


AEC akan memansuhkan halangan bagi pergerakan barangan, perkhidmatan, harta modal dan sumber manusia di seluruh ASEAN. Apabila strategi integrasi ini dilaksanakan sepenuhnya, Institut Global McKinsey (MGI) menganggarkan bahawa KDNK tahunan bagi negara-negara ASEAN mampu mencapai AS\$280-625 bilion menjelang tahun 2030. Sekiranya anggota ASEAN berterusan mengekalkan kesepakatan dalam menghadapi tempoh sukar ini, rantau ini akan menjadi salah satu destinasi pelaburan yang paling menarik di dunia. Menerusi ASEAN + 3, rantau ini juga boleh memainkan peranan untuk mengimbangi ketidakstabilan di Timur Tengah dan kebergantungan pada komoditi oleh negara-negara Afrika dan Amerika Latin lalu menawarkan platform kepada syarikat perniagaan untuk menembusi pasaran Asia Raya.


Sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2015, Malaysia berpeluang untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam mempromosikan kestabilan politik, biodiversiti dan modal insan di rantau ini kepada dunia. Masa untuk menggalas kepimpinan demi masa hadapan ekonomi di rantau ini telah tiba.



# PENGILANGAN YANG MENGELOUARKAN HASIL

*Diterajui oleh pelaburan berintensifkan modal dalam industri utama, sektor perkilangan telah berada di landasan ke arah transformasi yang sihat.*





Kakitangan teknikal di Alliance Contract Manufacturing menunjukkan isyarat bagus setelah syarikat itu memodenkan kemudahannya bagi mengoptimumkan peralatan memproses wafer. Syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang itu menyediakan penyelesaian pengilangan yang menyeluruh kepada pelbagai industri.

manakala selebihnya (RM32.3 bilion) merupakan sumber domestik.

Di dalam persekitaran ekonomi global yang penuh risiko dan ketidakpastian, pelabur kekal yakin terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan asing. Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014 berterusan melepasi sasaran purata pelaburan tahunan sebanyak RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Projek baharu menyumbang 60.5 peratus daripada jumlah projek perkilangan yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM43.5 bilion (450 projek) yang menyerlahkan keunggulan Malaysia sebagai lokasi pilihan bagi aktiviti perkilangan bernilai ditambah tinggi. Daripada jumlah ini, RM19.5 bilion (44.9%) disumbang oleh sumber asing manakala RM23.9 bilion (55.1%) adalah pelaburan domestik. Syarikat-syarikat sedia ada di Malaysia juga terus membesar dan mempelbagaikan operasi, mencerminkan keyakinan semasa terhadap persekitaran pelaburan negara ini. Sejumlah 361 projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM28.4 bilion telah diluluskan pada tahun 2014, menyumbang 39.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.


Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2014 dijangka akan mewujudkan sebanyak 78,343 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, 17,635 (22.5%) adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan, manakala 48,468 (61.9%) adalah pekerja mahir. Hanya 12,240 (15.6%) daripada pekerjaan yang diwujudkan adalah bagi pekerja tidak mahir, jualan, perkeranian dan lain-lain.

Kebanyakan peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam subsektor E&E (16,700 pekerjaan), diikuti oleh subsektor produk logam asas (7,133) dan kelengkapan pengangkutan (6,873). Kerajaan juga berterusan memberi kelulusan bagi jawatan-jawatan pegawai dagang, terutamanya bagi kategori pengurusan dan teknikal di syarikat milik rakyat Malaysia serta milik asing. Sejumlah 1,339 jawatan pegawai dagang telah diluluskan pada tahun 2014, di mana 174 adalah jawatan penting yang boleh diisi secara tetap oleh warga asing. Baki 1,165 adalah jawatan bertempoh yang lazimnya diberi selama tiga hingga lima tahun untuk melatih rakyat Malaysia mengambil alih jawatan tersebut.

Sebilangan besar projek yang diluluskan akan ditempatkan di Selangor (229 projek), Johor (179 projek) dan Pulau Pinang (169 projek), yang terus menjadi negeri-negeri utama dari segi bilangan projek yang diluluskan. Sejumlah 577 (71.1%) daripada projek yang diluluskan ini akan

**S** EKTOR PERKILANGAN MALAYSIA BERTERUSAN MENARIK sebahagian besar pelaburan pada tahun 2014 ketika pengeluar utama sedang mengukuhkan kedudukan di rantau ini menjelang penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN. Pelaburan sebanyak RM71.9 bilion telah diluluskan untuk 811 projek pada tahun 2014, kira-kira lebih 38 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan untuk 2013 (RM52.1 bilion). Lebih separuh daripada pelaburan ini (55.1% atau RM39.6 bilion) adalah dari pelabur asing,

## PELABURAN DAN PEKERJAAAN DALAM PROJEK DILULUSKAN BAGI SEKTOR PERKILANGAN, 2010-2014 (Bilangan pekerjaan dan nilai pelaburan)



ditempatkan di tiga negeri ini. Dari segi nilai, Johor (RM21.2 bilion) telah menerima jumlah pelaburan terbesar, diikuti oleh Sarawak (RM9.6 bilion), Pulau Pinang (RM8.2 bilion), Selangor (RM7.0 bilion) dan Kedah (RM5.3 bilion). Lima negeri ini menyumbang 71.3 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014.


Sebahagian besar pelaburan di Johor disumbangkan oleh projek mega Kompleks Bersepadu Pengerang yang telah menarik empat projek bernilai RM14.8 bilion untuk mengeluarkan pelbagai jenis bahan petrokimia. Pelaburan di Sarawak didominasi oleh projek pembesaran bernilai RM5.1 bilion oleh satu syarikat milik asing bagi mengeluarkan pelbagai bahan kimia dan juga pelaburan RM3.9 bilion ke dalam industri logam asas. Pulau Pinang berterusan menarik projek-projek dalam industri E&E (RM4.8 bilion), jentera dan peralatan (RM1.4 bilion) serta produk logam asas (RM300 juta), dengan pelaburan keseluruhan berjumlah RM8.2 bilion.

Projek-projek baharu pada tahun 2014 menjadikan jumlah projek perkilangan yang diluluskan dalam tempoh lima tahun 2010-2014 meningkat kepada 4,158 projek. Sehingga kini, sekitar 3,203 daripada projek-projek ini telah dilaksanakan di mana 2,958 projek telah berada dalam pengeluaran

dan 245 projek masih lagi melaksanakan pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Jumlah pelaburan modal dalam 3,203 projek ini berjumlah RM172.9 bilion. Sebilangan 81 projek lagi dengan pelaburan sebanyak RM30.6 bilion telah memperoleh tapak untuk kilang, manakala 696 projek lain bernilai RM50.3 bilion adalah dalam peringkat perancangan aktif. Apabila 777 projek lain ini direalisasikan, jumlah pelaburan yang dijangka adalah sebanyak RM80.9 bilion.

Kebanyakan projek yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun dari 2010 hingga 2014 merangkumi industri utama seperti elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan kelengkapan (M&E), kelengkapan pengangkutan, bahan kimia dan produk kimia serta fabrikasi logam. Selangor menunjukkan bilangan terbesar projek yang dilaksanakan setakat ini, diikuti oleh Johor, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Negeri Sembilan. Pada tahun 2014, sebanyak 19 syarikat terpaksa mengecilkkan operasi dan memberhentikan 1,023 pekerja. Sementara lima syarikat terpaksa menghentikan operasi sama sekali. Sebab yang diberikan untuk penutupan ini adalah keadaan pasaran yang lembap, peningkatan kos, masalah kewangan dan isu-isu penyusunan semula. Namun begitu, penutupan ini diimbangi dengan pengwujudan 40,549 peluang pekerjaan baharu

## PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN, 2010 - 2014



- Dalam pengeluaran, 2,958 projek, (74.3%)
- Perancangan aktif, 696 projek, (17.5%)
- Pembinaan & pemasangan, 245 projek, (6.2%)
- Pemerolehan tapak, 81 projek, (2.0%)

dalam tempoh yang sama apabila 454 projek baharu memulakan pengeluaran.

### INTENSITI MODAL BAGI PROJEK PERKILANGAN

Intensiti modal (seperti yang diukur oleh pelaburan modal bagi setiap pekerja, CIPE) projek-projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2014 adalah RM917,155. Industri dengan nisbah CIPE yang tertinggi ialah produk petroleum termasuk petrokimia (RM10,108,693), diikuti oleh industri kimia & produk kimia (RM2,283,023) dan industri produk logam asas (RM1,394,081). Sejumlah 15 projek dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM1.0 bilion atau lebih telah diluluskan dalam sektor perkilangan dengan jumlah pelaburan RM40.4 bilion dan menyumbang 56.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Lima belas projek ini adalah dalam industri produk petroleum termasuk petrokimia (empat projek dengan RM14.8 bilion), produk logam asas (tiga projek dengan RM7.6 bilion), produk kimia dan bahan kimia (dua projek dengan RM6.7 bilion), elektrik dan elektronik (tiga projek dengan RM6.0 bilion), kelengkapan pengangkutan (satu projek dengan RM3 bilion), produk galian bukan logam (satu projek dengan RM3.0 bilion) dan jentera dan kelengkapan (satu projek dengan RM1.1 bilion).

Sebagai perbandingan, terdapat 14 projek yang mencatatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion atau lebih pada tahun 2013 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM24.8 bilion.

Pada tahun 2014, terdapat 72 projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan yang mencatatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih. Jumlah pelaburan dalam projek-projek ini berjumlah RM19.7 bilion, atau 27.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.


### PEMILIKAN PROJEK PERKILANGAN

Ketika persaingan untuk FDI global semakin meningkat dengan ketara, adalah penting bagi pelabur domestik memainkan peranan yang lebih besar dalam memacu agenda pelaburan Malaysia dan membentuk semula ekonomi. Daya saing negara yang berterusan kini bergantung kepada pengukuhan sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan dan mempercepatkan peralihan kepada industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Transformasi ini tidak akan berlaku tanpa penyertaan kukuh oleh pelabur domestik.

Pelaburan domestik yang diluluskan ke dalam sektor perkilangan telah melonjak kepada RM32.3 bilion daripada RM21.6 bilion pada tahun 2013, menyumbang 44.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Kebanyakan (RM23.9 bilion) daripada pelaburan ini adalah dalam projek-projek baharu, manakala RM8.3 bilion adalah dalam projek-projek pembesaran/pelbagaian. Industri tertinggi yang menarik minat pelabur domestik adalah industri produk petroleum termasuk petrokimia (RM11.3 bilion atau 35%) diikuti oleh peralatan pengangkutan (RM3.7 bilion), produk kimia dan bahan kimia (RM3.0 bilion), produk galian bukan logam (RM2.1 bilion) dan produk logam asas (RM2.0 bilion).

Meskipun dikelilingi kelembapan ekonomi global, Malaysia berterusan menarik pelaburan asing yang menggalakkan dalam sektor perkilangan. Negara melonjak 10 kedudukan yang membanggakan sehingga menjadi destinasi FDI ke-15 paling menarik dalam *Foreign Direct Investment Confidence Index*, AT Kearney. Pelaburan asing dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan berjumlah RM39.6 bilion pada tahun 2014, di mana RM19.5 bilion (49.2%) adalah bagi projek baharu manakala baki RM20.1 bilion (50.8%) adalah dalam projek pembesaran/pelbagaian. Sektor E&E telah menarik jumlah pelaburan asing terbesar (RM10.4 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh dua projek dengan pelaburan

## SUMBER FDI UTAMA DALAM PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN, 2014 (RM juta, dengan bilangan projek dalam kurungan)



sebanyak RM4.6 bilion bagi mengeluarkan fabrikasi wafer dan papan litar bercetak. Industri lain yang mempunyai tahap pelaburan asing yang tinggi adalah industri produk logam asas (RM8.0 bilion), produk kimia dan bahan kimia (RM7.7 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM4.7 bilion) dan kelengkapan pengangkutan (RM1.9 bilion).


Jepun merupakan pelabur asing terbesar bagi sektor perkilangan pada tahun 2014 (RM10.9 bilion dalam 55 projek), diikuti oleh Kesatuan Eropah (RM8.4 bilion dalam 35 projek), Singapura (RM7.8 bilion dalam 121 projek), China (RM4.8 bilion dalam 24 projek), Republik Korea (RM1.6 bilion dalam 11 projek) dan Amerika Syarikat (RM1.4 bilion dalam 23 projek). Gabungan enam negara ini menyumbang 86.6 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2014. Pelaburan dari Jerman meningkat dengan ketara melibatkan projek baharu bernilai RM3.2 bilion dalam pembuatan fabrikasi wafer dan satu lagi projek yang akan mengeluarkan bahan penambat dengan pelaburan sebanyak RM634.2 juta.

Diperhatikan bahawa kebanyakan projek asing yang diluluskan melibatkan teknologi tinggi dan produk bernilai ditambah tinggi yang menggambarkan hasrat perindustrian Malaysia.

China menyumbang pelaburan tinggi menerusi dua projek dalam industri keluli pada tahun 2014 dengan pelaburan sebanyak RM4.2 bilion dan RM213.8 juta. Selain itu adalah pelaburan dari Jepun, Singapura, Jerman dan Republik Korea yang melibatkan beberapa projek kimia dan petrokimia yang bernilai tinggi serta projek-projek untuk mengeluarkan pesawat dan *Wing-in-Grounds* (WIG) dan komponen enjin untuk kenderaan berkecekapan tenaga (EEV).

### PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2014

Produk-produk petroleum termasuk subsektor petrokimia mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi yang diluluskan pada tahun 2014 (RM16.0 bilion), di mana kebanyakannya disebabkan oleh projek mega Kompleks Bersepadu Pengerang yang ditunggu-tunggu. Ini diikuti oleh E&E (RM11.1 bilion), kimia dan bahan kimia (RM10.8 bilion), produk logam asas (RM9.9 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM5.6 bilion), produk galian bukan logam (RM3.4 bilion), pengilangan makanan (RM2.8 bilion), dan jentera & kelengkapan (RM2.5 bilion). Lapan industri ini menyumbang RM62.1 bilion atau 86.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.



Iklim pelaburan Malaysia yang menggalakkan menjadikan negara lokasi pelaburan yang menarik untuk menguasai pasaran global dan serantau. Pada tahun 2014, sejumlah 286 projek berorientasikan eksport telah diluluskan yang akan mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada jumlah pengeluaran. Projek-projek ini melibatkan pelaburan sebanyak RM31.9 bilion, di mana pelaburan asing berjumlah RM19.6 bilion (61.4%) manakala selebihnya adalah pelaburan domestik (RM12.3 bilion atau 38.6%). Industri utama dengan projek-projek yang berorientasikan eksport ialah produk E&E (RM10.0 bilion dalam 58 projek), produk logam asas (RM4.1 bilion dalam 5 projek) dan produk kimia dan bahan kimia (RM3.8 bilion dalam 26 projek).

### Produk elektrik & elektronik

Kepesatan projek pembesaran di kalangan syarikat-syarikat E&E yang sedia ada di Malaysia mencerminkan keyakinan semasa syarikat-syarikat asing terhadap iklim pelaburan negara. Sejumlah RM11.1 bilion telah dilaburkan ke dalam 96 projek yang telah diluluskan di dalam industri E&E pada tahun 2014. Kira-kira RM2.4 bilion daripada jumlah ini telah dilaburkan ke dalam 29 projek baharu yang telah diluluskan, sementara RM8.7 bilion telah dilaburkan ke dalam 67 projek pembesaran dan pelbagaian.

Kebanyakan (93.7% atau RM10.4 bilion) daripada pelaburan tersebut adalah daripada sumber asing, terutamanya dari Jerman, Jepun dan Amerika Syarikat. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak 6.3 peratus (RM700 juta) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun ini. Pelaburan dari Jerman dan Jepun kebanyakannya adalah dalam subsektor komponen elektronik manakala pelaburan dari Amerika Syarikat pula kebanyakannya adalah dalam subsektor komponen elektronik dan subsektor elektronik perindustrian.

Industri Elektrik & Elektronik (E&E) Malaysia tertumpu untuk mendalamkan dan mengukuhkan tiga ekosistem utama iaitu teknologi Semikonduktor, Solar dan LED. Negara berterusan meningkatkan industri E&E kepada aktiviti peringkat tinggi yang baharu dan menjurus kepada proses pembuatan dan pengetahuan industri yang bernilai ditambah tinggi. Sedang MNC berterusan mengembangkan keupayaan R&D di Malaysia, syarikat-syarikat tempatan juga membangunkan kecekapan dalam penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan untuk menyokong aktiviti MNC. Eksport barangan E&E yang berjumlah RM256.1 bilion pada tahun 2014, membentuk 43.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport perkilangan negara.


Pemangkin utama dalam peralihan ke arah pembuatan lebih tinggi nilainya ini adalah peningkatan peluang-peluang pasaran yang disebabkan oleh *Internet of Things* (IoT). Dalam dunia IoT, pelbagai 'benda' boleh dijadikan digital dan disambungkan kepada internet yang membolehkan rangkaian di antara mesin elektronik dan manusia. Menurut Cisco Systems, sebanyak 50 bilion 'benda' mungkin disambungkan kepada internet menjelang tahun 2020, dua kali ganda jumlah yang tersambung pada hari ini. Apabila muncul teknologi baharu seperti *data lake*, keupayaan untuk merakam dan memproses data yang dihasilkan oleh teknologi-teknologi baharu ini akan menjadi kenyataan.

Penggunaan tradisional *embedded systems*, rangkaian sensor tanpa wayar, sistem kawalan, automasi (termasuk automasi rumah dan bangunan) dan sistem-sistem seumpamanya akan direvolusikan untuk membolehkan IoT. Industri E&E akan menjadi pemboleh IoT untuk kelompok-kelompok industri seperti penjagaan kesihatan, automasi, pengangkutan, logistik, keselamatan, bandar pintar dan pelancongan. Industri E&E Malaysia boleh mendapat manfaat daripada menggunakan konsep pintar dalam proses pembuatan seperti *embedded systems* yang dipacu oleh IoT. Sensor dan MEM memainkan peranan utama dalam penciptaan IoT, di mana inovator tempatan seperti Globetronics dan Silterra akan beroleh manfaat besar daripada teknologi dan penyelidikan termajunya di tengah pasaran IoT yang semakin berkembang. Inisiatif-inisiatif Kerajaan juga telah menggalakkan firma-firma reka bentuk IC seperti PixArt Imaging, Effinex, Altera, Phisontech dan Symmid untuk melabur di dalam projek baharu di Malaysia.

Kerajaan juga telah berjaya memperkenalkan Malaysia sebagai hab global bagi industri pembuatan fotovoltaik (PV) yang telah menarik beberapa nama terbesar dalam produk solar fotovoltaik di dunia untuk melabur di Malaysia. Pengenalan skim *Feed-In-Tariff* dan mekanisme pembiayaan seperti Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme*, GTFS) telah berjaya merangsang pertumbuhan dalam industri solar. Projek terkini oleh AUO Crystal (wafer), AUO - Sunpower (sel-sel), Hanwha Q-Cells Malaysia (sel-sel), First Solar Malaysia (modul filem nipis dan modul solar monohabluran) dan Panasonic Energy Malaysia telah berada dalam peringkat pengeluaran dan membantu menjadikan Malaysia pengeluar peralatan solar yang ketiga terbesar di dunia.

Satu lagi bidang tumpuan bagi industri E&E Malaysia adalah diod pancaran cahaya (LED). Kerajaan telah menghentikan penjualan mentol

## PELABURAN DILULUSKAN BAGI INDUSTRI ELEKTRIK & ELEKTRONIK MENGIKUT SUB-SEKTOR, 2014



**Komponen elektronik,**  
RM5.8 bil. (52.4%)

**Elektronik perindustrian,**  
RM3.1 bil. (28%)

**Produk elektrikal,**  
RM1.8 bil. (16.2%)

**Elektronik pengguna,**  
RM375 mil. (3.4%)

**JUMLAH:  
RM 11.1 BILION**


pijar secara berperingkat pada tahun 2014 dan menggalakkan pengguna menggunakan lampu berkecekapan tenaga seperti lampu pendarfluor padat (CFL), lampu tiub T5 dan lampu LED. OSRAM telah menerajui inisiatif ini dengan menubuhkan sebuah kilang pembuatan wafer untuk menghasilkan cip LED, sementara aktiviti-aktiviti pemasangan dan pengujian akan dijalankan oleh syarikat-syarikat multinasional lain seperti Nichia, Philips Lumileds, Rohm Wako dan OSRAM sendiri. Globetronics dan Dominant Opto adalah di antara syarikat-syarikat Malaysia yang sedang mengambil bahagian dalam kluster ini. Eksport lampu, kelengkapan lampu dan bahagian-bahagian lampu telah meningkat sebanyak 35.4 peratus pada tahun 2013 ke Euro 101.381 juta<sup>1</sup>.

Subsektor komponen elektronik merupakan subsektor terbesar dari segi bilangan pelaburan

<sup>1</sup> MATRADE, "Bright Prospect for Exports of Lamps, Lighting, Fitting and Parts"



## PENGELUAR UTAMA MODUL SOLAR DI DUNIA, ANGGARAN 2013 (GW)



<span style="color: #00AEEF;">■</span> China, 33.8 (67.9%)	<span style="color: #800080;">■</span> Republik Korea, 1.8, (3.6%)
<span style="color: #FFA500;">■</span> Eropah, 4.2 (8.4%)	<span style="color: #ADD8E6;">■</span> Taiwan, 1.6 (3.2%)
<span style="color: #9ACD32;">■</span> Malaysia, 3.3 (6.6%)	<span style="color: #A9A9A9;">■</span> Asia Lain, 1.2 (2.4%)
<span style="color: #FF0000;">■</span> Jepun, 2.8 (5.6%)	<span style="color: #FFFF00;">■</span> Amerika Syarikat, 1.1 (2.2%)

Sumber: GTM Research

yang diluluskan pada tahun 2014, iaitu sebanyak 23 projek berjumlah RM5.8 bilion. Pelaburan asing adalah sebanyak RM5.5 bilion (94.8%) daripada jumlah ini, sementara pelaburan domestik berjumlah RM341.6 juta (5.2%). Sebanyak empat permohonan yang melibatkan RM101.6 juta adalah untuk projek-projek baharu, sementara 19 permohonan (RM5.7 bilion) adalah projek-projek pembesaran/pelbagaian. Projek-projek ini dijangka akan menjana 6,407 peluang pekerjaan.

Subsektor komponen elektronik telah mengalami perubahan struktur sejak kebelakangan ini, apabila syarikat-syarikat beralih tumpuan kepada proses hadapan yang memerlukan aktiviti-aktiviti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan yang lebih maju. Ini memberi peluang kepada jurutera tempatan untuk melibatkan diri dalam pembangunan produk baharu dan teknologi-teknologi terkini. Peranti semikonduktor juga terus menjadi eksport utama bagi industri E&E,

di mana syarikat-syarikat multinasional besar seperti Intel, AMD, On Semiconductor, San Disk, Amkor, Freescale Semiconductor, ASE, Infineon, STMicroelectronics, Texas Instruments, Fuji Electric Semiconductor, Rohm Wako dan Renesas menyumbang kepada pertumbuhan kukuh industri. Syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia seperti Silterra, Carsem, Globetronics, Unisem dan Inari telah mendapat manfaat yang signifikan daripada kepakaran syarikat-syarikat asing ini.

Projek-projek yang telah diluluskan di dalam subsektor ini pada tahun 2014, kebanyakannya adalah untuk pengeluaran komponen elektronik seperti peranti semikonduktor, Papan Litar Bercetak (PCB) dan peranti optoelektronik. Pelaburan terbesar (RM3.2 bilion) adalah projek pembesaran oleh syarikat milik asing sepenuhnya bagi mengeluarkan fabrikasi wafer. Satu lagi projek pembesaran oleh syarikat milik asing sepenuhnya dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion akan mengeluarkan papan litar bercetak. Projek-projek besar ini dijangka akan menjana sebanyak 2,963 peluang pekerjaan.

Subsektor E&E yang kedua terbesar adalah produk elektrik yang menarik pelaburan sebanyak RM1.8 bilion menerusi 38 projek yang telah diluluskan pada tahun 2014, di mana 13 projek adalah baharu dan 25 projek pula pembesaran dan pelbagaian. Kebanyakan (88.9%) daripada projek ini merupakan dari sumber asing (RM1.6 bilion), sementara bakinya adalah sumber domestik (RM245 juta). Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 4,482 pekerjaan.

21 projek lagi telah diluluskan dalam subsektor elektronik perindustrian pada tahun 2014, disokong oleh pelaburan bernilai RM3.1 bilion. Sebanyak 11 daripada projek ini adalah projek pelbagaian/pembesaran dengan pelaburan sebanyak RM1.0 bilion, sementara sepuluh yang lain adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM2.1 bilion. Sebahagian besar daripada pelaburan ini datangnya daripada sumber asing (RM3.1 bilion) sementara bakinya (RM69.4 juta) daripada pelabur-pelabur domestik (RM69.4 juta). Satu projek yang amat ketara adalah projek RM842 juta milik asing sepenuhnya yang akan mengeluarkan peranti storan data yang akan menggunakan teknologi memori keadaan pepejal (*solid-state*) terkini. Projek baharu ini dijangka akan menjana sebanyak 537 peluang pekerjaan.

Subsektor E&E yang terkecil adalah barangan elektronik pengguna yang menarik 14 projek diluluskan bernilai RM375 juta dalam 14 projek yang diluluskan pada tahun 2014, yang kesemuanya projek-adalah projek pembesaran/pelbagaian. Projek yang paling signifikan adalah

# TUNAS E&E

## Industri E&E Malaysia sedang bergerak pantas memenuhi rantaian nilai dalam teknologi baru muncul

Industri E&E yang merupakan tulang belakang bagi sektor perkilangan dan eksport negara adalah bahagian penting dalam strategi pertumbuhan ekonomi jangka panjang Malaysia terutamanya dalam tiga ekosistem utama iaitu teknologi semikonduktor, solar dan diod pemancar cahaya (LED). Ketiga-tiga industri ini memiliki prospek pertumbuhan yang cerah kerana didorong peralihan fundamental dalam corak penggunaan tenaga dan perilaku pengguna, di mana Gartner menjangkakan jualan semikonduktor seluruh dunia akan mencecah AS\$358 bilion pada tahun 2015 memandangkan inovasi dalam *application-specific standard products* (ASSP) bagi telefon pintar, *solid-state drives* (SSD) dan *ultramobile*, berterusan membangunkan *Internet of Things* (IoT).

Malaysia menjangkakan IoT bakal menjadi trend utama seterusnya dalam industri E&E. Sekalipun negara pernah menguasai eksport global bagi peralatan pejabat dan komputer semasa era kegemilangannya, kebanyakan nilai tambah adalah dalam pembungkusan dan pemasangan hiliran. Menjelang era IoT, Malaysia berhasrat untuk mengungguli peranan yang lebih besar dalam segmen hulu dengan menjadi hab R&D dan *custom manufacturing*. Sejak 40 tahun yang lalu, negara telah membangunkan asas perindustrian bagi keseluruhan rantaian nilai semikonduktor yang akan menjadi bahagian penting dalam strategi pertumbuhan. Intel, Motorola Agilent, Altera, Infineon, National Instrument, Spansion dan Sony adalah beberapa syarikat yang telah menaik taraf kemudahannya menjadi pusat pengilangan bersepadu yang menggabungkan pengilangan dengan aktiviti R&D, reka bentuk dan pembangunan produk, pengedaran serta pemasaran. Syarikat-syarikat ini mengenalpasti era IoT telah bertunas dan terdapat banyak peluang untuk mula berkembang.

Industri muda yang lain - teknologi solar dan LED - kini didorong oleh perubahan corak dalam penggunaan tenaga. Sistem kuasa solar menawarkan pengguna dan perniagaan sumber tenaga boleh diperbaharui yang semakin murah dan cekap saban tahun, manakala LED semakin banyak menggantikan teknologi pendarfluor dan pijar sebagai standard pencahayaan global. Walaupun Malaysia masih berada di bahagian

bawah dalam rantaian nilai kedua-dua industri ini, ia mempunyai semua elemen yang tepat untuk bergerak ke hulu dengan pantas. Industri-industri ini akan beroleh faedah daripada kekuatan Malaysia dalam industri semikonduktor, fabrikasi wafer dan reka bentuk IC, di mana negara sedang menempatkan diri untuk memanfaatkan perkembangan generasi seterusnya seperti LED 2.0 dan *concentrated photovoltaics*.

Menurut GTM Research, penggunaan solar di seluruh dunia telah meningkat kira-kira 50 kali ganda di antara tahun 2003 dan 2013, di mana pertumbuhan dalam dekad seterusnya dijangka akan didorong oleh permintaan di China. Sistem *solar-plus-storage* yang terbaharu juga akan merangsang permintaan untuk sistem penyimpanan tenaga yang merupakan satu lagi tumpuan jangka panjang dalam strategi E&E Malaysia. Permintaan terhadap solar juga didorong oleh kejatuhan harga lampu LED yang lebih jauh berkecekapan tenaga berbanding lampu lain dan sekaligus sesuai menjadi teknologi pelengkap bagi sistem solar. *LED-equipped devices* bagi IoT yang tinggi penggunaan tenaga akan menawarkan permintaan kukuh selama berdekad akan datang kepada industri solar dan LED.

Kaedah untuk meluaskan ekosistem telah tersedia di Malaysia dalam bentuk infrastruktur yang baik, asas perindustrian E&E yang mantap, tenaga kerja yang berbakat dan kecenderungan untuk penambahbaikan dan pembaharuan. Pelaburan di dalam Reka Bentuk dan Pembangunan (D&D) bagi subsektor E&E melonjak dua kali ganda dari RM1.0 bilion pada tahun 2007 kepada RM2.0 bilion pada tahun 2012, manakala bilangan jurutera D&D telah meningkat dari 2,000 kepada 5,500 orang. Institusi pendidikan di seluruh negara juga menyebarkan semangat inovasi dengan menganjurkan pelbagai pertandingan idea yang disokong oleh perniagaan dan organisasi E&E tempatan yang mantap, seperti CREST yang memberi geran sebanyak RM100 juta sepanjang 10 tahun untuk projek-projek penyelidikan E&E. Pelaburan di dalam pemikiran kreatif, IoT, matlamat hijau dan pintar ini akan membekalkan negara saluran bakat dan inovasi yang diperlukan untuk menjana pertumbuhan masa depan.

pembesaran kilang pembuatan alat pendengaran bernilai RM70 juta oleh sebuah syarikat milik asing.

### Kelengkapan pengangkutan

Industri kelengkapan pengangkutan merangkumi subsektor automotif, aeroangkasa, pembinaan kapal dan pembaikan kapal (SBSR). Pada tahun 2014, sebanyak 56 projek telah diluluskan dalam industri ini yang dibiayai pelaburan sebanyak RM5.6 bilion. Dua pertiga (3.7 bilion) daripada pelaburan ini adalah sumber domestik, sementara sumber asing pula menyumbangkan baki pelaburan (RM1.9 bilion). Sejumlah 31 daripada projek ini adalah projek baharu (RM4.8 bilion), manakala 25 adalah projek pembaharuan/ pelbagaian bernilai RM744.2 juta. Projek-projek ini dijangka akan menjana 6,873 pekerjaan.

Pada tahun 2014, eksport kelengkapan pengangkutan telah merekodkan jumlah sebanyak RM10.6 bilion. Kebanyakan daripada eksport ini adalah kenderaan jalan raya (RM6.6 bilion) dan bakinya adalah pesawat dan peralatan serta alat ganti (RM2.7 bilion) dan kapal, bot dan struktur terapung (RM1.0 bilion). Eksport kenderaan rel dan peralatan berkaitan pula berjumlah RM37.3 juta.


### Automotif

Industri automotif adalah salah satu daripada industri terbesar Malaysia, malah terdapat empat Projek Nasional dan 10 syarikat pemasangan dalam subsektor kenderaan bermotor. Menurut Persatuan Automotif Malaysia (MAA), pengeluaran kenderaan bermotor pada tahun 2014 berjumlah 596,418 unit, yang terdiri daripada 545,122 kenderaan penumpang dan 51,296 kenderaan komersial. Eksport oleh subsektor ini mencatatkan jumlah sebanyak RM6.6 bilion pada tahun 2014.

Sebanyak 43 projek telah diluluskan dalam industri automotif pada tahun 2014 yang dibiayai pelaburan berjumlah RM1.9 bilion. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak 58 peratus daripada jumlah ini (RM1.1 bilion), sementara selebihnya terdiri daripada pelaburan asing (RM800 juta). Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 4,039 pekerjaan.

Sebanyak 19 daripada projek-projek ini adalah projek baharu yang menyumbang RM1.3 bilion (68.4%) kepada jumlah pelaburan. Projek yang menarik perhatian adalah melibatkan pelaburan sebanyak RM660 juta di dalam syarikat milik majoriti rakyat asing untuk mengeluarkan enjin dan komponen enjin bagi kenderaan berkecekapan tenaga (EEV). RM40.9 juta pula telah dilaburkan ke dalam pengeluaran dan

## PELABURAN DILULUSKAN BAGI INDUSTRI KELENGKAPAN PENGANGKUTAN MENGIKUT SUB-SEKTOR, 2014



"Pelaburan domestik merupakan daya penggerak pertumbuhan industri automotif, yang telah menggabungkan teknologi termaju dan pelaburan peringkat tinggi oleh pemain automotif global."

pemasangan kenderaan komersial, kenderaan tujuan khas dan kenderaan kalis peluru. Sementara itu, 24 projek pembesaran/pelbagaian yang bernilai RM600 juta melibatkan pelaburan milik rakyat Malaysia sebanyak RM60.6 juta ke dalam kemudahan untuk mengeluarkan pengembung beg udara lutut dan sistem perlindungan pejalan kaki termaju.

Pelaburan-pelaburan yang telah diluluskan ini adalah selaras dengan Dasar Automotif Nasional Malaysia (NAP) Malaysia 2014 yang tertumpu untuk menjadikan Malaysia hab serantau bagi kenderaan berkecekapan tenaga (EEV) dan menggalakkan industri automotif domestik yang berdaya saing dan mampan. Pelaburan domestik merupakan daya penggerak pertumbuhan industri automotif yang telah menggabungkan teknologi termaju dan pelaburan peringkat tinggi daripada pemain global automotif. Ini bukan sahaja akan

memastikan pemindahan teknologi dan inovasi, malah akan menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan peluang ekonomi baharu bagi syarikat-syarikat tempatan.

## Aeroangkasa

Kini subsektor aeroangkasa Malaysia yang baru tumbuh meliputi lapan syarikat pemasangan pesawat, 20 pengeluar alat ganti pesawat dan 34 syarikat yang terlibat dalam aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO). Subsektor ini menarik tujuh projek dengan nilai pelaburan yang diluluskan sebanyak RM682 juta pada tahun 2014, di mana 27 peratus (RM187 juta) datangnya daripada sumber asing. Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 524 pekerjaan.

Enam daripada projek yang diluluskan pada tahun 2014 adalah projek baharu melibatkan pelaburan sebanyak RM508.7 juta (75%); salah satu daripadanya adalah kemudahan milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM340.1 juta untuk mengeluarkan bahagian komposit pesawat bagi model kapal terbang Airbus dan Boeing seperti A320, A350, B737 dan B787. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang paling pantas dalam industri ini adalah dalam aktiviti MRO yang menarik pelaburan diluluskan sebanyak RM312.8 juta pada tahun 2014. Rantau Asia Pasifik akan menjadi pasaran perjalanan udara terbesar

di dunia dan Malaysia perlu menempatkan diri dengan mengambil manfaat daripada permintaan baharu untuk perkhidmatan MRO dalam masa terdekat.

## Pembinaan & pembaikan kapal

Industri pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR) di Malaysia merangkumi pembuatan pelbagai jenis kapal serta aktiviti pembaikan kapal. Menurut Kajian Pengangkutan Maritim UNCTAD tahun 2014, Malaysia mempunyai armada ke-25 terbesar di dunia dengan 531 kapal dan gabungan tan muatan sebanyak 9,212 ribu DWT. Terdapat kira-kira 100 limbungan kapal berdaftar di Malaysia yang kebanyakannya berkepakaran dalam pembinaan kapal bersaiz kecil sehingga sederhana. Limbungan kapal yang lebih besar memberi perkhidmatan kapal yang lebih besar seperti kapal pukal dan kapal tangki, serta pembuatan atau perkhidmatan struktur luar pesisir. Limbungan kapal tersebut juga boleh menaik taraf dan menukarkan vesel-vesel penyimpanan dan pemunggahan pengeluaran terapung/vesel penyimpanan dan pemunggahan terapung kapal-kapal (FPSO/FSO).

Enam projek bernilai RM3.1 bilion telah diluluskan pada tahun 2014, di mana pelaburan domestik menyumbang sebanyak 70 peratus (RM2.2 bilion) daripada jumlah pelaburan dan pelaburan asing menyumbang bakinya (RM0.9 bilion).



Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 2,310 pekerjaan, di mana salah satu daripada projek tersebut adalah projek usaha sama baharu RM2.9 bilion di antara syarikat milik majoriti rakyat Malaysia dan rakan kongsi Korea untuk mengeluarkan pesawat *Wing-In-Ground* (WIG). Pemindahan teknologi di antara rakan-rakan kongsi akan meningkatkan keupayaan tempatan dan membuka laluan kepada rakyat Malaysia untuk membangunkan kepakaran dalam keseluruhan rantaian WIG bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Secara keseluruhannya, pelaburan yang diluluskan dalam industri SBSR adalah satu petanda baik, lebih-lebih lagi apabila pemain-pemain tempatan masih mendominasi arena SBSR Malaysia. Terdapat banyak ruang untuk perkembangan dalam pengeluaran bahagian dan komponen, integrasi sistem dan pengeluaran peralatan marin lain. Perkembangan dalam industri ini akan diterajui oleh aktiviti perdagangan global yang semakin bertambah dan pembangunan aktiviti O&G luar pesisir.

### Jentera dan kelengkapan

Industri jentera & kelengkapan (M&E) bertindak sebagai penjalın kesinambungan di kalangan pelbagai industri yang merentasi subsektor lain dalam ekonomi. Walaupun dahulu industri ini tertumpu dalam memberi perkhidmatan M&E import bagi menyokong pertanian dan industri berasaskan sumber, kini industri ini membantu menyokong kemudahan canggih dalam pemprosesan semikonduktor, penjagaan kesihatan dan O&G di barisan hadapan. Adalah penting bagi industri M&E bergerak seiring dengan keperluan sektor perkilangan Malaysia yang pesat berubah, serta menjadi sebab Kerajaan sering menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan industri ini.

Selaras dengan kekukuhannya, sektor M&E Malaysia boleh dipecahkan ke dalam empat kumpulan yang berbeza: jentera dan kelengkapan industri khusus, jentera dan kelengkapan penjaan kuasa, jentera kerja logam serta jentera dan kelengkapan, perindustrian am, modul dan komponen. Pada tahun 2014, sebanyak 98 projek M&E telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM2.5 bilion. Daripada jumlah ini, 58 adalah projek baharu (RM970.7 juta) dan bakinya sebanyak 40 projek adalah pembesaran/ pelbagaian. Majoriti (72%) daripada pelaburan ini merupakan sumber domestik (RM1.8 bilion), sementara pelaburan asing menyumbang baki jumlah pelaburan (RM720.6 juta). Projek-projek ini dijangka akan menjana kira-kira 4,568 pekerjaan baharu.

## SISTEM ROBOT YANG LEBIH PINTAR




Mencerapkan deria penglihatan kepada robot merupakan sesuatu yang mencabar di kalangan penyelidik. Robot tidak mempunyai keupayaan kognitif untuk mentafsir dan mengemudi persekitaran 3D sepenuhnya, serta masih bergantung kepada ujian pengesanan untuk terus maju. Sistem navigasi yang lebih jitu perlu menggunakan kod bar, malah pita reflektif. Sehingga baru-baru ini, robot boleh diberi arahan apa yang perlu dicari dan bagaimana untuk bertindak balas apabila berhadapan sesuatu.

ViTrox Technologies, syarikat milik majoriti tempatan bercadang untuk membangun dan mengeluarkan sistem dan modul penglihatan robot pintar untuk industri semikonduktor, automotif dan perubatan. Perkakasan automasi yang sofistikated ini berupaya memberi robot penglihatan 3D menyeluruh dan kebanyakannya akan digunakan dalam pemeriksaan berkelajuan tinggi bagi pelbagai industri *hi-tech*. Dengan bergantung sepenuhnya kepada *Internet of Things* dan *Big Data* untuk kesinambungan mesin ke mesin (M2M) yang lancar, jentera ini akan menggabungkan pelbagai sensor yang telah diatur rapi. Sistem ini juga mampu untuk melatih sendiri, algoritma *fuzzy logic*, kaedah fleksibel pemerolehan imej dan pemantauan prediktif.

Lebih 35 peratus daripada tenaga kerja ViTrox Technologies terdiri dalam bidang R&D, pembangunan dan pengujian produk. Projek pelbagaian bernilai RM1.1 bilion ini akan melengkapkan lagi ekosistem semikonduktor Malaysia, terutamanya bagi pemeriksaan pakej semikonduktor 3D, halus dan kompleks.

## PELABURAN DILULUSKAN BAGI INDUSTRI JENTERA DAN KELENGKAPAN MENGIKUT SUB-SEKTOR, 2014



- M&E khusus, RM1,559 mil. (62.4%)
- M&E perindustrian am, modul dan komponen, RM419.3 mil. (16.8%)
- Penyelenggaraan, naik taraf atau pemulihan M&E, RM411.9 mil. (16.5%)
- M&E kerja logam, RM72.4 mil. (2.9%)
- M&E penjanaan kuasa, RM16.2 mil. (0.7%)

**JUMLAH:  
RM 2.5 BILION**

Dalam subsektor khusus M&E, 37 projek dengan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion telah diluluskan pada tahun. Ini terdiri daripada 21 projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM246.7 juta (15.4%) dan 16 projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM1.3 bilion (84.6%). Pelaburan domestik adalah sebanyak RM1.4 bilion (87.5%) sebanyak manakala pelaburan asing berjumlah RM148.5 juta (12.5%).

Subsektor M&E perindustrian am menarik jumlah pelaburan sebanyak RM419.3 juta dalam 54 projek yang diluluskan, di mana 32 projek adalah projek baharu bernilai RM263.4 juta (62.8%) dan bakinya merupakan projek pembesaran/pelbagaian. RM288.5 juta (68.8%) adalah pelaburan domestik

sementara RM130.8 juta (31.2%) pula pelaburan asing.

Subsektor penyelenggaraan, naik taraf atau pemulihan M&E telah menarik satu projek asing baharu bernilai RM373.9 juta dan satu projek pelbagaian domestik yang bernilai RM38 juta pada tahun 2014. Jumlah pelaburan adalah sebanyak RM411.9 juta. Subsektor penjanaan kuasa dan jentera kerja logam menunjukkan lima projek dengan pelaburan sebanyak RM88.6 juta yang kebanyakannya daripada pelaburan asing.


### Sokongan kejuruteraan

Industri sokongan kejuruteraan (ESI) meliputi keseluruhan aktiviti acuan dan dai, penguangan (*casting*), pemesinan, hentakan logam, pengolahan haba dan penempaan (*forging*) yang menyumbang secara signifikan kepada sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan. Malaysia telah beroleh pengiktirafan antarabangsa bagi keupayaan mengekalkan kualiti yang konsisten dan ketepatan masa penghantaran, tanpa mengira jenis aktiviti kejuruteraan. Ini dapat ditunjukkan dengan jelas dalam pemesinan dan fabrikasi terperinci. Pada masa ini terdapat 1,200 syarikat di Malaysia yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang meliputi acuan dan dai sehingga fabrikasi logam.

Pemain-pemain ESI Malaysia telah kekal mendahului negara-negara yang lebih murah disebabkan pengeluaran produk dan perkhidmatan bersepadu yang bernilai lebih tinggi. Pembangunan seterusnya dalam ESI Malaysia akan memberi tumpuan untuk memperkukuhkan perkhidmatan, meningkatkan keupayaan dan melonjakkan kualiti output fizikal serta standard perkhidmatan umum. Secara keseluruhannya, industri ini sedang memperkemas kedudukan dengan persijilan antarabangsa dalam pembekalan bahagian dan komponen untuk industri minyak & gas, aeroangkasa, perubatan dan solar/fotovoltai. Beberapa syarikat utama Malaysia yang mampu menawarkan penyelesaian perkilangan keseluruhan secara global adalah Alpha Master Sdn Bhd, Atasmi Precision Machinist Sdn Bhd, UWC Holdings Sdn Bhd, Lypometal Sdn Bhd, Kobay Technology Sdn Bhd dan Kein Hing International Bhd. Dengan mengeluarkan komponen modular yang bernilai ditambah tinggi, syarikat-syarikat ini memperkukuhkan kumpulan bakat, pangkalan pengetahuan dan reputasi antarabangsa Malaysia.

Sejumlah 68 projek ESI telah diluluskan pada tahun 2014 dengan pelaburan bernilai RM1.1 bilion. Sebanyak 35 projek merupakan baharu

## PELABURAN DILULUSKAN BAGI INDUSTRI SOKONGAN KEJURUTERAAN MENGIKUT SUB-SEKTOR, 2014



<span style="color: purple;">■</span> Pemesinan, RM441 mil. (41.3%)	<span style="color: red;">■</span> Kejuruteraan permukaan, RM80.7 mil. (7.6%)
<span style="color: yellow;">■</span> Penuangan logam, RM290.6 mil. (27.2%)	<span style="color: grey;">■</span> Hentakan logam, RM16.4 mil. (1.5%)
<span style="color: olive;">■</span> Acuan & dai, RM227 mil. (21.3%)	<span style="color: blue;">■</span> Jig & lekapan, RM12.1 mil. (1.1%)

**JUMLAH: RM 1.1 BILION**

dengan nilai pelaburan RM461.6 juta, manakala 33 projek yang lain adalah pembesaran/pelbagaian sebanyak RM605.9 juta. Syarikat domestik menyumbang sebanyak 44.8 peratus daripada jumlah pelaburan tahun ini (RM492.8 juta), manakala sumber asing adalah bakinya (RM574.7 juta). Projek-projek ini dijangka akan menjana sejumlah 2,489 pekerjaan baharu.


### Produk logam asas dan fabrikasi

Industri logam asas memainkan peranan penting dalam sektor perkilangan dan pembinaan negara. Pada tahun 2014, industri ini telah menubuhkan Institut Keluli Malaysia (*Malaysian Steel Institute*) bagi membantu industri kekal berdaya saing dan mempromosikan perniagaan intra-ASEAN di kalangan Komuniti Ekonomi ASEAN. Penggunaan keluli ketara (*apparent steel consumption, ASC*) masih didominasi oleh produk-produk panjang, terutamanya yang digunakan dalam sektor pembinaan. Pengeluaran produk rata dan panjang menurun pada tahun 2014 walaupun eksport keluli secara keseluruhan meningkat sebanyak lapan peratus.

Subsektor ini menerima kemasukan FDI yang besar pada tahun 2014 terutamanya dalam projek-projek hulu. Sejumlah 134 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM12.2 bilion pada tahun 2014, di mana pelaburan asing menyumbang sebanyak 72.13 peratus (RM8.8 bilion) dan pelaburan domestik menyumbang bakinya (RM3.4 bilion). Projek-projek ini dijangka akan menjana 12,224 peluang pekerjaan. Daripada 134 yang telah diluluskan, 33 adalah untuk produk logam asas dan 101 adalah untuk produk logam fabrikasi.

33 projek logam asas telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM9.9 bilion. Daripada jumlah ini, 21 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM6.6 bilion manakala 12 adalah projek pembesaran/pelbagaian disokong oleh pelaburan berjumlah RM3.3 bilion. FDI menyumbang sebanyak RM7.9 bilion (80%) daripada jumlah pelaburan yang dicatatkan manakala DDI berjumlah RM2.0 bilion (20%). Satu daripada projek yang diluluskan akan melibatkan pelaburan sebanyak RM4.2 bilion untuk mengeluarkan rod wayar berkelajuan tinggi, bar berkekuatan tinggi, bilet bersegi, produk-produk

## PELABURAN DILULUSKAN BAGI INDUSTRI PRODUK LOGAM ASAS DAN LOGAM FABRIKASI, 2014



- 33 Projek logam asas, RM9.9 bil.
- 101 Projek logam fabrikasi, RM2.2 bil.

**JUMLAH:  
RM 12.2 BILION**

keluli bersaiz kecil dan sederhana serta alur keluli berbentuk 'H' yang berskala besar. Tiga lagi projek berjumlah RM3.79 bilion bertujuan untuk mengeluarkan bijih mangan yang mengandungi mangan silikon (SiMn), feromangan karbon tinggi (HCFeMn), feromangan karbon sederhana dan bijih mangan tersinter.

Pelabur asing dalam subsektor logam asas berhasrat untuk menjadikan Malaysia hab serantau untuk perkilangan dan pengedaran keluli. Buat masa ini, tumpuan industri adalah kepada keperluan pembinaan dan infrastruktur Malaysia. Pembinaan sebuah loji *slabs* dan loji gegelung *hot-rolled* yang kedua telah memudahkan penyumberan tempatan bagi produk keluli seumpamanya oleh pelbagai pemain industri pertengahan dan hiliran. Selain itu, terdapat juga peluang yang cerah dalam industri ini menerusi subsektor produk logam bukan ferus.

Sementara itu, 101 projek telah diluluskan dalam subsektor produk logam fabrikasi pada tahun 2014 yang melibatkan pelaburan sebanyak RM2.2 bilion. Pelaburan domestik mencatatkan jumlah sebanyak RM1.4 bilion (64%), manakala pelaburan asing berjumlah RM800 juta (36%). Daripada 101

projek, 58 adalah projek baharu bernilai RM1.3 bilion manakala 43 adalah projek pembesaran/ pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM905 juta. Projek-projek ini dijangka akan menjana 5,111 pekerjaan.

### Tekstil & produk tekstil

Industri tekstil dan produk tekstil Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti, dari pempolimeran (*polymerisation*) ke pewarnaan (*dyeing*) dan mencetak. Industri ini telah menjadi sumber pendapatan eksport negara yang ke-10 terbesar pada tahun 2014, menyumbang kira-kira RM12.1 bilion kepada jumlah eksport barang perkilangan Malaysia pada tahun 2014.

Sejumlah 17 projek dengan pelaburan bernilai RM1,233.2 juta telah diluluskan pada tahun 2014, di mana 11 merupakan projek pembesaran/ pelbagaian (RM1,199.6 juta) manakala yang lainnya adalah projek baharu (RM33.6 juta). Pelabur asing menyumbangkan 52 peratus (RM635.6 juta) daripada jumlah pelaburan tahun ini, manakala pelabur domestik menyumbang bakinya (RM597.5 juta). Daripada 17 projek yang diluluskan, sembilan adalah untuk pengeluaran tekstil primer, lima adalah untuk produk tekstil dan aksesori dan tiga untuk pakaian siap. Projek-projek yang diluluskan ini dijangka akan menjana 2,260 pekerjaan di mana 1,971 adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Di antara pekerjaan berpendapatan tinggi yang akan diwujudkan adalah jawatan jurutera, pengawal kualiti dan juruteknik berkemahiran tinggi.

Satu projek pelbagaian yang penting dalam industri ini adalah projek pembesaran bernilai RM646 juta oleh sebuah syarikat majoriti milik rakyat Malaysia yang akan menjadikannya salah satu pengilang tekstil bersepadu di Malaysia. Projek ini melibatkan pengeluaran benang dan fabrik serta pelunturan, pewarnaan, pencetakan dan pengemasan. Produk siap akan mempunyai ciri-ciri seperti kalis api, kalis air dan perlindungan daripada sinar UV. Produk ini juga akan mempunyai fungsi pengurusan kelembapan untuk aplikasi pakaian sukan yang dihasilkan di bawah jenama-jenama terkemuka seperti Nike, Under Armour, Cotton Inc, H&M dan Sears.

Satu lagi projek pembesaran yang menarik dengan pelaburan tambahan sebanyak RM19.6 juta akan mengeluarkan sarung tangan bersadur tekstil teknikal dan *bonded* yang berkelas tinggi untuk aplikasi peralatan perlindungan peribadi (PPE). Keperluan aplikasi teknologi saduran ini boleh juga diperluaskan untuk meliputi saduran mesra alam dan ikatan proprietari tekstil teknikal untuk pelbagai produk PPE serta



barangan perubatan dan farmaseutikal. Syarikat ini telah disarankan untuk membuat pelaburan berdasarkan trend yang baharu timbul dan peningkatan permintaan terhadap sarung tangan tebat elektrik serta sarung tangan PPE canggih yang menawarkan perlindungan terhadap bahan kimia, suhu yang melampau, luka dan radiasi.

Secara keseluruhan, prestasi pelaburan industri tekstil dan produk tekstil pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan pelaburan hulu dalam pengeluaran gentian asli dan tiruan, benang dan fabrik. Pelaburan-pelaburan ini kebanyakannya didorong oleh teknologi, di mana teknologi baharu digabungkan dalam proses pembuatan projek-projek ini. Prestasi positif ini mencerminkan keupayaan Malaysia untuk menarik pelaburan berkualiti yang melengkapkan ekosistem industri tekstil. Majoriti daripada projek-projek yang diluluskan ini juga adalah berorientasikan eksport.

Industri tekstil dan produk tekstil Malaysia memberi tumpuan kepada produk-produk mewah dan pasaran terpilih yang setakat ini berjaya mengekalkan daya tahan dalam kemerosotan ekonomi global. Kebanyakan daripada projek-projek yang diluluskan pada tahun 2014 menekankan aktiviti R&D untuk membangunkan produk-produk baharu dan berkualiti tinggi. Projek-projek ini akan meningkatkan tahap kemahiran Malaysia melalui program-program latihan intensif dan akan membantu mengurangkan kebergantungan negara kepada bahan-bahan mentah yang diimport. FTA dua hala yang ditandatangani oleh Malaysia juga akan menyediakan satu platform yang lebih besar dalam industri tekstil dan produk tekstil kelas atasan melalui akses pasaran yang lebih besar.

### **Peranti perubatan**

Pasaran domestik untuk peranti perubatan sedang berkembang pada kadar kira-kira 15.9 peratus setahun dan dijangka bernilai AS\$2.8 bilion menjelang 2017. Industri ini menggaji lebih 46,000 pekerja yang kebanyakannya terdiri daripada kategori pengurusan, profesional, penyeliaan dan teknikal. Industri ini didominasi oleh lebih daripada 190 syarikat kecil dan sederhana, selain lebih 20 syarikat multinasional yang telah menjadikan Malaysia hab perkilangan dan perkhidmatan luar pesisir.

Industri peranti perubatan Malaysia telah bersedia untuk mengorak langkah yang penting dengan beralih tumpuan kepada produk bernilai ditambah yang lebih tinggi dan ekosistem sekitarnya. Industri ini telah dikenal pasti sebagai bidang pertumbuhan penting di bawah NKEA Penjagaan

Kesihatan. Kerajaan telah mengumumkan lapan Projek Permulaan (*Entry Point Projects, EPP*) bagi subsektor peranti perubatan, yang telah membangunkan 12 projek sejak 2012 dengan potensi pelaburan sebanyak RM1.3 bilion. Dianggarkan bahawa projek-projek ini akan menjana sekitar 4,984 pekerjaan dan PNK sebanyak RM1.3 bilion menjelang tahun 2020.

Eksport peranti perubatan telah mencecah RM13.5 bilion pada tahun 2014. Negara terus menjadi pengeluar utama sarung tangan perubatan dengan eksport bernilai RM7.1 bilion. Eksport utama yang lain termasuk instrumen dan radas yang digunakan dalam subsektor peralatan elektroperubatan (RM1.4 bilion dalam eksport), kanta oftalmik (RM825.5 juta) dan ortopedik (RM656.9 juta). Destinasi utama eksport negara adalah Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

Sejumlah 42 projek dengan pelaburan bernilai RM2.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2014, di mana 14 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM1.2 bilion dan 28 adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM1.0 bilion. Pelaburan asing mencatatkan RM1.0 bilion (45.5%) manakala pelaburan domestik adalah sebanyak RM1.2 bilion (54.5%). Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 7,300 peluang pekerjaan.

Kira-kira 91 peratus (38 projek) daripada projek-projek yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM1.8 bilion adalah bagi pengeluaran produk kelas atasan dan bernilai ditambah tinggi selain sarung tangan perubatan. Salah satu daripada projek baharu ini melibatkan pelaburan sebanyak AS\$60 juta untuk mengeluarkan kanta intraokular (*intraocular lenses, IOLs*) yang merawat katarak atau miopia. Satu lagi projek pelbagaian bernilai RM57.2 juta akan mengeluarkan pengimbas tomografi berkomputer, ultrabunyi dan kaset radiografi komputer, penganalisis darah dan pengimbas cip gen. Pengimbas cip gen akan menjadi yang pertama seumpamanya dihasilkan di Malaysia. Sebuah syarikat Denmark juga melabur RM34.5 juta yang memperkenalkan penyalutan nano dan teknologi percetakan 3D untuk mengeluarkan alat bantuan pendengaran. Ketiga-tiga projek ini akan mewujudkan sebanyak 985 peluang pekerjaan.

Projek-projek yang diluluskan menunjukkan bahawa Malaysia semakin mendapat perhatian global di kalangan syarikat-syarikat yang mengeluarkan barangan bernilai lebih tinggi. Malaysia berpeluang untuk memupuk lebih ramai bakat tempatan yang mampu menyokong dan mempercepatkan pertumbuhan industri peranti perubatan. Pemindahan teknologi daripada



FOTO Kanta intraokular. Kredit foto: Abbot.

projek-projek ini akan melahirkan modal insan yang lebih mahir dan budaya inovatif.

## Pertanian & pemrosesan makanan

Sektor pertanian merangkumi akuakultur dan perikanan marin, penanaman tanaman, buah-buahan dan sayur-sayuran, bunga-bunga, ternakan ikan hiasan, ternakan haiwan dan pemeliharaan lebah. Ternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran adalah subsektor utama yang berkait rapat dengan industri pemrosesan makanan di Malaysia. Di bawah NKEA Pertanian, PNK daripada pertanian dijangka akan meningkat sebanyak RM28.9 bilion melalui 16 Projek Permulaan (EPP) dan 11 peluang perniagaan. NKEA Pertanian juga dijangka mewujudkan 74,600 pekerjaan yang kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar dengan matlamat untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar.

Pelaburan dalam sektor pertanian utama Malaysia telah mencapai RM170.5 juta pada tahun 2014 yang melibatkan 28 projek. Pelaburan domestik berjumlah RM169.9 juta (99.7%) manakala

pelaburan asing adalah RM0.6 juta (0.4%). Di antara projek yang terlibat adalah projek pembesaran oleh syarikat milik penuh rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM51.5 juta untuk menjalankan ternakan ikan sangkar di Negeri Sembilan. Satu projek baharu oleh syarikat milik penuh rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM38.5 juta akan membangunkan sebuah ladang kekwa baharu di Kinta, Perak.

Subsektor makanan terproses terdiri daripada aktiviti bernilai ditambah yang menggunakan produk pertanian atau hortikultur. Industri ini telah ditetapkan sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Ketujuh untuk menangani kenaikan kos sara hidup serta keselamatan dan perlindungan makanan. Oleh itu, beberapa langkah akan diambil untuk meliberalisasikan rantaian bekalan, termasuk membenarkan lebih banyak produk import di pasaran dan mengusahakan tanah terbiar untuk pengeluaran makanan dan tanaman.


Sejumlah 68 projek dengan pelaburan bernilai RM2.2 bilion telah diluluskan pada tahun 2014, di mana pelaburan domestik berjumlah RM1.1 bilion (47.1%), manakala pelaburan asing adalah sebanyak RM1.2 bilion (52.9%). Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 5,262 peluang pekerjaan tambahan. Projek-projek ini turut melibatkan projek pembesaran bernilai RM185.5 juta oleh syarikat milik asing sepenuhnya yang menghasilkan produk roti bakeri untuk salah satu rangkaian makanan segera terbesar di dunia dan projek baharu berjumlah RM12.2 juta oleh syarikat milik penuh rakyat Malaysia untuk menghasilkan perisa makanan dan bahan-bahan makanan.

## Farmaseutikal

Sejak Malaysia menjadi ahli *Pharmaceutical Inspection Convention* dan *Pharmaceutical Inspection Cooperation/Scheme* (PIC/S) pada tahun 2002, produk farmaseutikal buatan Malaysia telah diterima di seluruh dunia. Pada tahun 2013, pasaran farmaseutikal global mencatatkan nilai sebanyak AS\$1.09 trilion dan Malaysia sebanyak RM6.6 bilion (AS\$2.1 bilion), dengan kadar pertumbuhan kompaun tahunan yang dijangkakan sebanyak 8.2 peratus sehingga tahun 2018. Pada

"Subsektor makanan terproses telah ditetapkan sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Ketujuh untuk menangani kenaikan kos sara hidup serta keselamatan dan perlindungan makanan."

## PELABURAN DILULUSKAN BAGI INDUSTRI PEMROSESAN MAKANAN MENGIKUT SUB-SEKTOR, 2014



**JUMLAH: RM 2.2 BILION**

tahun 2014, jumlah eksport farmaseutikal Malaysia bernilai RM1.2 bilion yang kebanyakannya terdiri daripada produk seperti pro-vitamin, antibiotik dan hormon.

Industri farmaseutikal Malaysia berupaya untuk mengeluarkan hampir semua bentuk dos termasuk persediaan steril, suntikan dan ubat pelepasan masa. Kebanyakan syarikat farmaseutikal utama di Malaysia memberi tumpuan kepada ubat-ubatan generik, khususnya antibiotik, ubat tahan sakit, supplemen kesihatan dan bahan yang boleh disuntik. Setakat Oktober 2014, 252 kemudahan telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia.

Industri ini telah menarik RM747.3 juta dalam 14 projek yang diluluskan pada tahun 2014. Kebanyakan projek ini adalah pelaburan asing yang berjumlah RM487.3 juta (65.2%) dan pelaburan domestik pula menyumbang selebihnya. Enam adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM460.7 juta (61.6%) dan lapan adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM286.6 juta (38.4%). Projek-projek yang diluluskan dijangka

akan menawarkan kira-kira 1,100 peluang pekerjaan.

Salah satu daripada projek signifikan yang diluluskan pada tahun 2014 adalah projek baharu milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM67 juta bagi mengeluarkan bahan aktif farmaseutikal (*active pharmaceutical ingredients*, API) untuk ubat onkologi. Projek ini mempunyai potensi yang signifikan untuk menggalakkan ekosistem ubat onkologi dan API di Malaysia.

Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2014 menunjukkan pencapaian terbesar dalam ekosistem farmaseutikal Malaysia terutamanya dalam pengeluaran produk farmaseutikal yang lebih canggih dan bernilai ditambah lebih tinggi. Selain mengurangkan kebergantungan negara kepada import, projek-projek ini juga akan meningkatkan asas pengetahuan dan tenaga kerja mahir Malaysia sendiri.

### **Bioteknologi**

Malaysia telah menunjukkan kemajuan cemerlang dalam menggunakan pendekatan berasaskan bioteknologi canggih dalam industri bio-

## PENINGKATAN PERANAN UBAT-UBATAN

Biofarmaseutikal merupakan bidang yang besar. Pasarannya dijangka bernilai AS\$497.9 bilion menjelang tahun 2020 yang berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 13.5 peratus antara tahun 2010 dan 2020. Dianggarkan bahawa biofarmaseutikal menyumbang sebanyak 22 peratus berdasarkan jualan syarikat-syarikat farmaseutikal terkemuka pada tahun 2013 dan pertumbuhan sebanyak 25 peratus setiap tahun dalam inovasi biofarmaseutikal menerusi permohonan paten. Oleh itu, sumbangan pendapatan oleh ubat-ubatan 'biologik' ini dipercayai akan terus meningkat.

Punca disebalik kejayaan ini adalah ciri produk biofarmaseutikal itu sendiri yang rendah kesan sampingan berbanding produk yang disintesis secara kimia dan disebabkan itu lebih berkesan bagi rawatan jangka panjang. Produk-produk biologik ini mengandungi struktur molekul yang jauh lebih besar berbanding produk-produk sintetik yang seumpamanya dan merangkumi produk seperti vaksin, darah atau komponen darah, bahan alergenik, sel somatik, terapi gen, tisu, protein terapeutik rekombinan dan juga sel-sel hidup.



Ubat biofarmaseutikal sebenar yang pertama adalah ubat berasaskan protein aturan genetik yang diluluskan oleh FDA pada tahun 1982 dan kini dikenali sebagai insulin. Kini, lebih daripada 1,500 biomolekul sedang berada dalam ujian klinikal. Bakal produk farmaseutikal khusus yang mengandungi formulasi unik atau menggunakan kandungan istimewa seperti *orphan drug*, ubat herba dan ubat untuk penyakit tropika juga dijangka mempunyai masa hadapan yang cerah. Atas perkembangan ini, Kerajaan telah memperluaskan skop EPP3 - Farmaseutikal Malaysia untuk meliputi aktiviti perkilangan biofarmaseutikal seperti produk biologi dan vaksin serta ubat-ubatan *over-the-counter* (OTC).

perubatan, terutamanya dalam bio-farmaseutikal, serta aplikasi dalam industri bio-industri dan bio-pertanian. Setakat Disember 2014, sebanyak 247 syarikat telah menerima status Bionexus oleh Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) dengan nilai pelaburan berjumlah RM4.6 bilion serta 9,078 peluang pekerjaan. Subsektor yang terbesar ialah bio-pertanian (55.8%) diikuti oleh bio-industri (29.5%) dan bio-perubatan (14.7%). Syarikat-syarikat ini terlibat terutamanya dalam penemuan ubat-ubatan, bahan bio, biokimia, saringan molekul dan diagnostik, input ladang berasaskan bio dan jenis makanan yang bernilai tinggi.

Potensi Malaysia dalam bioteknologi telah digariskan dalam Dasar Bioteknologi Negara (DBN), di mana fasa kedua dasar DBN - Mewujudkan perniagaan daripada sains, menggalakkan pengkomersilan dan merealisasikan nilai dalam industri. Inisiatif ini menggalakkan persekitaran yang kondusif untuk Malaysia berkembang sebagai pemain utama dalam bidang bioekonomi sambil mengukuhkan faedah sosioekonomi kepada negara. Dianggarkan bahawa sektor bioekonomi

akan mencapai nilai RM181.2 bilion menjelang tahun 2030 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 15 peratus.

Untuk membantu Malaysia terus maju dalam ekonomi bioteknologi, Program Transformasi Bioekonomi (BTP) telah dilancarkan pada bulan Oktober 2012 sebagai sebahagian daripada matlamat keseluruhan Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. BTP menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam membangunkan bioekonomi negara dengan menyediakan platform bagi perniagaan untuk memaksima dan melaksanakan peluang komersil bioteknologi. Sebanyak 20 projek pencetus telah diluluskan pada pelancaran BTP pada tahun 2012, dengan tambahan lima lagi projek pencetus yang diluluskan pada tahun 2014. Dianggarkan bahawa projek pencetus BTP akan menyumbang sebanyak RM4.2 bilion kepada PNK Malaysia menjelang tahun 2020, menggaji 18,100 pekerja dan melibatkan RM13.7 bilion pelaburan asing.

Sejumlah 22 projek bioteknologi dengan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion telah diluluskan

pada tahun 2014. Tiga daripada projek yang diluluskan adalah untuk lesen pengilang, manakala selebihnya ditawarkan insentif Bionexus. Pelaburan baharu ini dijangka mewujudkan 1,274 pekerjaan baharu. Satu projek utama milik Amerika Syarikat akan melibatkan pelaburan sebanyak RM795.3 juta untuk mengkomersilkan bahan kimia yang boleh diperbaharui dan produk sampingan minyak sawit untuk mengeluarkan bahan kimia yang bernilai tinggi. Sebuah projek milik India bernilai RM258.6 juta pula akan mengeluarkan bioterapeutik seperti bahan-bahan aktif farmaseutikal (API) dan produk siap yang boleh disuntik. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 154 dan 112 pekerjaan masing-masing.

Di peringkat domestik, satu projek baharu oleh syarikat tempatan dengan pelaburan sebanyak RM125 juta akan mengkomersilkan minyak pati gaharu bernilai tinggi untuk perumusan bahan-bahan nutrasetikal dan kosmesetikal menggunakan teknologi pengekstrakan hidro-penyulingan yang dibangunkan secara dalaman. Projek ini juga akan melibatkan kerjasama dengan universiti tempatan dan institusi penyelidikan untuk membangun dan mengkomersilkan produk siap dalam bentuk minyak wangi dan produk bernilai ditambah lain yang berasaskan gaharu. Projek ini akan menawarkan sebanyak 56 peluang pekerjaan.

Industri bioteknologi di Malaysia telah menunjukkan kemajuan besar yang telah beralih daripada kebergantungan aplikasi dan teknologi tradisional kepada pendekatan berasaskan bioteknologi yang lebih canggih. Pelaburan pada tahun 2014 bukan sahaja akan memberi kesan ekonomi yang signifikan, tetapi juga akan menggalakkan kelestarian alam sekitar, menyediakan peluang pekerjaan baharu kepada rakyat Malaysia dan meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan negara. Biodiversiti Malaysia menawarkan kelebihan daya saing dalam bidang bioteknologi, terutamanya melalui kejayaan cemerlang dalam produktiviti pertanian, penemuan dalam penjagaan kesihatan dan penggunaan proses industri yang mampan. Menjelang 2020, industri bioteknologi dijangka menyumbang lima peratus kepada KDNK Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM8.0 bilion dan menggaji seramai 280,000 orang.

### **Produk minyak sawit dan biomas sawit**

Industri kelapa sawit yang terdiri daripada minyak sawit, minyak isirong sawit, oleokimia dan derivatif (termasuk biodiesel) serta produk daripada biomas sawit (termasuk penjana tenaga) memainkan peranan utama dalam ekonomi

negara. Walaupun Indonesia adalah pengeluar minyak sawit terbesar di dunia, Malaysia juga merupakan salah satu pengeksport terbesar industri itu yang menjadi penyumbang keempat terbesar KDNK Malaysia. Ia kini menyumbang RM53 bilion kepada PNK dengan sasaran NKEA sebanyak RM178 bilion menjelang tahun 2020.

Aktiviti penapisan dan pemecahan kelapa sawit telah mencapai tahap matang di Malaysia dan tidak lagi dipromosikan sebagai bidang pertumbuhan. Walaupun begitu, terdapat peluang-peluang pelaburan yang signifikan dalam aktiviti hiliran yang menjana produk bernilai ditambah tinggi, seperti subsektor biomas sawit – industri minyak sawit Malaysia menghasilkan enam jenis produk sampingan biomas yang boleh digunakan dalam aktiviti hiliran bernilai ditambah lebih tinggi dan mampu menyumbang tambahan RM30 bilion kepada PNK. Ini termasuk pelepah kelapa sawit, batang kelapa sawit, buah tandan kosong, tempurung isirong sawit, gentian mesokarpa dan efluen kilang minyak sawit. Bidang pertumbuhan hiliran yang lain adalah dalam produk berasaskan oleokimia serta makanan dan bahan nutrisi juga termasuk aktiviti R&D yang kebiasaannya melibatkan tahap teknologi tinggi.

Pelaburan dalam industri minyak sawit meningkat dengan ketara pada tahun 2014 kepada RM5.7 bilion dalam 49 projek berbanding RM2.4 bilion dalam 32 projek pada tahun 2013. Projek-projek ini meliputi pengeluaran minyak sawit, produk minyak isirong sawit, oleokimia, produk biomas



sawit dan penjanaan tenaga biomas sawit. Pelaburan domestik mencatatkan RM3.7 bilion, manakala pelaburan asing berjumlah RM2.0 bilion. Kebanyakan pelaburan dimasukkan ke dalam subsektor oleokimia (RM3.9 bilion), diikuti oleh minyak sawit dan minyak isirung sawit (RM1.1 bilion), produk biomas sawit (RM82.9 juta) dan penjanaan tenaga biomas sawit (RM580 juta).

Malaysia menyumbang kira-kira 20 peratus daripada pengeluaran oleo asas global yang menjadikannya salah satu daripada pengeluar oleokimia asas terbesar di dunia. Peralihan negara ke dalam derivatif bernilai ditambah lebih tinggi seperti surfaktan, bahan kimia pertanian, biopelincir dan derivatif gliserol adalah petunjuk kemaraan industri ini di Malaysia. Limpahan bahan mentah tempatan dan ketersediaan pembangunan teknologi dalam industri oleokimia telah mendorong syarikat-syarikat untuk mengeluarkan produk istimewa berasaskan minyak sawit termasuk pelbagai alternatif kepada bahan kimia berasaskan petroleum. Oleokimia yang selamat dan mesra alam ini akan terus mendapat permintaan tinggi.

Daripada 22 projek oleokimia yang diluluskan pada tahun 2014, 14 adalah projek baharu dan dianggarkan menjana sebanyak 1,426 peluang pekerjaan baharu. Lebih daripada 64.1 peratus daripada pelaburan ini adalah sumber domestik (RM2.5 bilion) manakala selebihnya dari sumber asing (RM1.4 bilion). Salah satu projek yang signifikan adalah kilang penapisan bio bersepadu baharu RM2.2 bilion di *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC), Lahad Datu, Sabah. Kemudahan itu akan mengambil kesempatan terhadap perubahan global daripada petrokimia kepada oleokimia yang mesra alam dengan menghasilkan pelbagai bahan kimia terbitan sawit seperti metil ester sulfonat (MES): sejenis bahan pencuci bio dan pengganti kepada linear alkil benzena sulfonat (LABS) berasaskan petrokimia yang banyak digunakan dalam produk penjagaan rumah dan peribadi. Teknologi metatesis baharu syarikat akan membolehkan derivatif oleo bernilai tinggi dihasilkan pada kos yang lebih rendah dan pelaburan modal yang lebih rendah berbanding proses konvensional.

Selain oleokimia hiliran, industri ini juga menyaksikan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion yang diluluskan bagi tujuh projek dalam subsektor penapisan minyak sawit. Pelaburan asing dalam subsektor ini menyumbang lebih separuh daripada jumlah pelaburan yang diluluskan (RM608.6 juta). Malaysia kini mempunyai 54 kilang penapis dan 44 kilang pemecah yang sedang beroperasi dengan jumlah kapasiti sebanyak 26.1 juta tan dan 6.9 juta tan masing-masing setahun.



**FOTO** Pandangan udara Kompleks Palm Oil Industrial Cluster (POIC) di Lahad Datu, Sabah

Produk tapisan utama Malaysia yang ditapis, diluntur dan dinyahbau (RBD) adalah olein sawit, stearin, marjerin, vanaspati dan produk lemak istimewa .

Dalam subsektor biomas sawit, sejumlah 12 projek biomas kelapa sawit dengan pelaburan sebanyak RM82.9 juta telah diluluskan pada tahun 2014 berbanding 11 projek dengan pelaburan RM54.6 juta pada tahun 2013. Pelaburan domestik mencatatkan RM71.1 juta manakala pelaburan asing berjumlah RM11.8 juta. Projek-projek yang diluluskan melibatkan pemrosesan buah tandan kosong dan efluen kilang minyak sawit (POME) menjadi baja organik, *biopellet* kelapa sawit, kayu sawit terkupas dan gentian.

Minyak sawit juga merupakan bahagian besar pelaburan dalam subsektor perladangan dan komoditi yang menarik RM462.3 juta (63.8%) berbanding RM724.2 juta yang dilaburkan ke dalam subsektor ini. Keseluruhan jumlah pelaburan ini merupakan pelaburan domestik.

## Kimia & produk kimia

Industri kimia dan produk kimia terdiri daripada bahan kimia pertanian, gas perindustrian, kimia bukan organik, cat, sabun dan bahan pencuci, kosmetik dan barangan dandanannya dan juga subsektor bahan kimia lain. Ia merupakan salah satu industri yang paling penting di Malaysia kerana berkait rapat dengan hampir setiap sektor lain dalam ekonomi seperti industri E&E, automotif, O&G, farmaseutikal dan pembinaan. Pembangunan ekosistem domestik yang lebih cekap bagi produk kimia akan mengurangkan ketergantungan industri-industri ini kepada barangan import yang mahal serta menambahbaik kualiti dan masa pengeluaran.

Eksport kimia dan produk kimia meningkat sebanyak 8.5 peratus kepada RM51.5 bilion pada tahun 2014. Trend pelaburan industri kimia Malaysia pada tahun 2014 menunjukkan potensi

pasaran domestik dan eksport untuk berkembang. Pada tahun 2014, sejumlah 45 projek dengan pelaburan bernilai RM5.9 bilion telah diluluskan, di mana 27 adalah projek baharu (RM630.4 juta) manakala selebihnya adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM5.3 bilion). Pelaburan domestik berjumlah RM365.7 juta (5.8%) manakala pelaburan asing mencatatkan RM5.6 bilion. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan sebanyak 1,941 pekerjaan baharu.

### **Produk petroleum & petrokimia**

Industri petroleum dan petrokimia terdiri daripada tiga subsektor utama: gas asli, produk petroleum dan produk petrokimia. Pelaburan dalam subsektor ini menggambarkan kemajuan Malaysia dalam industri ini selama bertahun-tahun. Sebahagian daripada projek yang diluluskan bukan sahaja akan mengukuhkan ekosistem industri sedia ada tetapi turut memangkin pembangunan berterusan dalam kluster minyak dan gas (O&G).

Sejumlah 19 projek dengan pelaburan sebanyak RM15.9 bilion telah diluluskan pada tahun 2014, di mana sepuluh daripadanya adalah projek baharu. Pelaburan domestik menyumbang 71 peratus daripada jumlah pelaburan (RM11.3 bilion) manakala selebihnya adalah pelaburan asing (RM4.7 bilion). Projek-projek ini dianggarkan akan menjana sebanyak 1,581 pekerjaan.

Secara keseluruhan, jumlah pelaburan modal yang diluluskan meningkat lebih dua kali ganda berbanding tahun lalu iaitu daripada RM6.2 bilion pada tahun 2013 kepada RM15.9 bilion pada tahun 2014. Ini adalah bukti maklumbalas positif industri terhadap Program Transformasi Ekonomi (ETP) di mana subsektor minyak, gas dan tenaga telah dikenal pasti sebagai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Paling menonjol pada tahun 2014 adalah empat projek usahasama baharu di antara PETRONAS dan dua pelabur asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM14.8 bilion. Terletak di Kompleks Pembangunan Penapis dan Petrokimia Bersepadu (*Refinery and Petrochemical Integrated Development, RAPID*) Pengerang, Johor, projek-projek ini akan menghasilkan derivatif etilena, derivatif propilena, elastomer dan produk fenolik.

Selain projek-projek ini, 29 projek perlombongan minyak dan gas juga telah diluluskan pada tahun 2014 melibatkan pelaburan sebanyak RM13.4 bilion. Projek-projek ini akan memastikan industri petroleum dan petrokimia Malaysia akan mempunyai bekalan bahan mentah yang stabil pada tahun-tahun akan datang. Pelaburan domestik dalam sektor perlombongan berjumlah RM6.2 bilion (46.3%) daripada jumlah pelaburan



yang diluluskan, manakala pelaburan asing adalah RM7.2 bilion (53.7%).

### **Produk plastik**

Industri produk plastik merupakan salah satu industri paling signifikan dan dinamik dalam sektor perkilangan Malaysia. Pertumbuhan pesat dalam aktiviti pemprosesan hiliran domestik berkait rapat dengan perkembangan subsektor petrokimia Malaysia yang mampu menyediakan bekalan bahan mentah stabil dan berterusan termasuk kemudahan pengeluaran resin bertaraf dunia.

Eksport barangan plastik meningkat sebanyak 11.6 peratus kepada RM11.9 bilion pada tahun 2014. Pengeluar dapat mengekalkan pertumbuhan eksport di sebalik kenaikan kos dengan menganjukkan rantaian nilai dan fokus untuk mengeluarkan produk bermutu tinggi. Industri ini bergerak seiring dengan industri lain dan memperoleh teknologi bersesuaian untuk memaksimumkan prestasi, produktiviti dan kecekapan.

Sejumlah 51 projek dengan pelaburan sebanyak RM884.4 juta telah diluluskan dalam sektor plastik pada tahun 2014, di mana 36 adalah projek baharu yang melibatkan pelaburan sebanyak RM604 juta, manakala selebihnya adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM280.5 juta. Pelaburan domestik

# ROTTERDAM ASIA

## Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang (PIPC) akan menjadikan Johor salah satu hab minyak dan gas terbesar di Asia

Terletak pada plot tunggal dengan keluasan kira-kira 20,000 hektar di Pengerang, Kota Tinggi, Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang (PIPC) akan menempatkan kilang-kilang penapis minyak, pemecah nafta, loji petrokimia, terminal petroleum dan gas asli cecair (LNG) dan loji pengegasan semula.

Sebab utama keunggulan PIPC adalah mudah: permintaan terhadap bahan petrokimia di rantau ASEAN sedang berkembang pesat di kalangan negara-negara anggotanya yang pesat membangun. Pertumbuhan KDNK dalam ASEAN berada pada kadar purata lima peratus sejak tahun 2007 kerana didorong oleh permintaan dalam negeri dan perdagangan intra-ASEAN yang kukuh. Permintaan akan datang dijangka berterusan pada kadar yang sama disebabkan oleh asas makroekonomi yang kukuh, kelas pertengahan yang semakin berkembang dan peningkatan urbanisasi. Kajian oleh Boston Consulting Group pada tahun 2014 mendapati bahawa kira-kira 90 peratus daripada syarikat yang berpangkalan di Malaysia dan Singapura dijangka akan meluaskan jejak serantau dalam tempoh lima tahun akan datang apabila integrasi Komuniti Ekonomi ASEAN mula bertapak.

Selain menghasilkan bahan api premium untuk pasaran Eropah, aktiviti-aktiviti pengeluaran dalam PIPC juga akan membolehkan Malaysia menguasai bahagian pasaran yang lebih besar sehingga AS\$3.0 trilion untuk produk utama dan produk sampingan petrokimia yang tinggi nilai dan permintaan seperti polimer, produk farmaseutikal dan plastik. Keluaran ini tidak banyak terjejas dengan ketidakpastian harga minyak mentah yang membolehkan Malaysia untuk menjana nilai yang lebih tinggi dan menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor minyak dan gas. Data daripada laporan Platts/McGraw Hill Financial menunjukkan bahawa harga global petrokimia menjunam sebanyak 40 peratus pada Januari 2015 berbanding tahun terdahulu. Namun harga minyak mentah menurun sebanyak 50 peratus dalam tempoh yang sama.

Sehingga kini, dua projek pemangkin utama telah bertapak di PIPC. Salah satunya, Terminal Air Dalam Pengerang yang bernilai RM9.0

bilion melibatkan usaha sama di antara DIALOG Group Berhad dan rakan kongsinya (Royal Vopak dari Netherlands, PETRONAS dan Johor State Secretary, Incorporated). Projek mega kedua di PIPC pula adalah Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC), projek pembangunan bersepadu oleh PETRONAS yang terdiri daripada Pembangunan Kilang Penapis dan Petrokimia Bersepadu (*Refinery and Petrochemical Integrated Development, RAPID*) dan kemudahan-kemudahan berkaitan. RAPID akan menyumbang pelaburan sebanyak AS\$16.0 bilion (RM53.0 bilion) manakala pelaburan kemudahan-kemudahan berkaitan akan melibatkan kira-kira AS\$11.0 bilion (RM36.0 bilion).

Walau bagaimanapun, Malaysia tidak bersendirian dalam usaha menjadi sebuah hab petrokimia serantau. Permintaan terhadap produk petrokimia utama telah berkembang pada kadar 4.5 hingga 6.1 peratus di antara tahun 2008 dan 2014 di Indonesia, Thailand, Malaysia dan Vietnam. Sebahagian besar permintaan ini telah dipenuhi oleh Singapura, Thailand dan Filipina yang menunjukkan perkembangan pengeluaran pada kadar dua angka dalam tempoh yang sama. Beberapa projek mega petrokimia lain di ASEAN juga dijangka memulakan operasi dalam tempoh lima tahun akan datang, terutamanya di Vietnam, Indonesia dan Brunei. Keseluruhannya, ASEAN dijangka menarik pelaburan lebih AS\$50 bilion dalam tapak-tapak loji penapisan dan petrokimia bersepadu menjelang tahun 2020.

PIPC akan menjadi pemangkin yang menjadikan Johor sebuah hab serantau bagi minyak dan gas hiliran yang baharu umpama 'Rotterdam Asia' pada tahun-tahun akan datang. Keseluruhan pembangunan menyasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM170 bilion dan dijangka akan meningkatkan pendapatan negara kasar di Malaysia sebanyak RM18.3 bilion menjelang tahun 2020. Pembangunan ini akan disokong oleh harga bahan petrokimia yang lebih rendah, infrastruktur negara yang maju, perkhidmatan sokongan yang kukuh, daya saing kos negara serta lokasi yang strategik di laluan utama perdagangan Timur-Barat.



menyumbang 85.4 peratus (RM755.2 juta) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, di mana selebihnya merupakan pelaburan asing (RM129.2 juta). Tujuh projek yang diluluskan adalah milik penuh asing (pelaburan RM70.9 juta), 33 projek adalah milik penuh rakyat Malaysia (RM537.5 juta) dan 11 projek adalah usahasama (RM276 juta). Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 4,278 pekerjaan baharu.

## Produk getah

Salah satu industri Malaysia yang paling kukuh penubuhannya adalah industri produk getah yang boleh dikategorikan kepada produk lateks, tayar dan produk berkaitan tayar serta produk getah perindustrian dan umum. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mendominasi industri ini sedang beralih kepada produk bernilai ditambah tinggi dan produk getah berteknologi tinggi untuk tujuan kejuruteraan, pembinaan dan marin.

Pada hari ini, Malaysia bukan sahaja menyaksikan peningkatan trend kitar semula getah tetapi turut menceburi pengeluaran barangan 'hijau' berasaskan getah yang dihasilkan dengan bahan-bahan mesra alam seperti ekoprena dan pureprena. Usaha ini sejajar dengan penubuhan Bandaraya Getah di Ladang Bukit Ketapang, Kuala Nerang, Kedah yang akan memajukan lagi industri berasaskan getah dengan hab perindustrian, pengkomersilan dan R&D.

Sejumlah RM1.3 bilion telah dilaburkan ke dalam 15 projek yang diluluskan (tidak termasuk peranti perubatan) pada tahun 2014. Sepuluh daripadanya adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM1.2 bilion, manakala selebihnya adalah projek pembesaran/pelbagaian

dengan pelaburan berjumlah RM124.9 juta. Lebih 92 peratus (RM1.2 bilion) daripada jumlah ini merupakan sumber domestik, manakala selebihnya (RM103.1 juta) dari sumber asing. Sejumlah 11 projek yang diluluskan adalah milik penuh rakyat Malaysia (RM1.2 bilion), dua projek adalah usahasama (RM6.9 juta) dan satu projek adalah milik asing sepenuhnya (RM101.4 juta). Sebahagian besar pelaburan ini meliputi kitar semula tayar terpakai menjadi serbuk getah kitar semula, *fuel oil*, karbon hitam dan wayar keluli, serta pembuatan produk getah perindustrian dan umum. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana sebanyak 1,728 pekerjaan.

## Kayu & produk kayu

Setelah bertahun-tahun, industri berasaskan kayu di Malaysia telah berubah daripada industri pemprosesan utama kepada industri lebih maju dan berorientasikan teknologi yang menghasilkan produk bernilai ditambah hiliran yang signifikan. Sebanyak 48 projek telah diluluskan pada tahun 2014 dengan pelaburan bernilai RM465.4 juta, di mana 34 merupakan pelaburan baharu (RM255.7 juta) dan 14 adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM209.7 juta). Pelaburan domestik berjumlah RM422.9 juta manakala pelaburan asing adalah RM42.5 juta. Sejumlah 3,815 peluang pekerjaan dijangka akan dijana oleh projek-projek ini.

Sebahagian besar pelaburan pada tahun 2014 disumbangkan oleh subsektor perabot yang menarik pelaburan bernilai RM228.9 juta dalam 18 projek. Daripada jumlah ini, 14 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM135.2 juta, manakala baki sebanyak empat projek merupakan pembesaran/pelbagaian bernilai 93.7

Pengguna & Industri	Pembungkusan
<p><b>Bilangan projek:</b> 31</p> <p><b>Pelaburan:</b> RM614.7 juta</p> <p>Daripada projek-projek yang diluluskan, 18 adalah projek baharu (pelaburan sebanyak RM374.4 juta) manakala 13 adalah projek pembesaran/pempelbagaian (RM240.3 juta). Sebelas projek adalah pelaburan dalam pengilangan dan pemasangan produk plastik pengacuan suntikan.</p>	<p><b>Bilangan projek:</b> 12</p> <p><b>Pelaburan:</b> RM197.6 juta</p> <p>Dua belas projek yang diluluskan dalam subsektor ini akan melibatkan pembuatan pembungkus, kepingan, beg dan filem yang fleksibel. Daripada projek-projek ini, sepuluh adalah baharu (RM181.4 juta dilaburkan) dan dua adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM16.2 juta).</p>
Barangan dikitar semula	Barangan plastik khusus
<p><b>Bilangan projek:</b> 5</p> <p><b>Pelaburan:</b> RM39.3 juta</p> <p>Kelima-lima projek adalah baharu dan memberi tumpuan kepada mengitar semula barangan plastik untuk menghasilkan batang jongkong, diesel kitar semula, aluminium kitar semula dan sebatian plastik kitar semula.</p>	<p><b>Bilangan projek:</b> 3</p> <p><b>Pelaburan:</b> RM32.9 juta</p> <p>Tiga projek plastik khusus yang baharu, disokong oleh pelaburan RM32.9 juta.</p>

**JADUAL** Pelaburan dalam industri produk plastik pada tahun 2014

juta. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM216.5 juta daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini manakala selebihnya sebanyak RM12.4 juta adalah pelaburan asing.

Subsektor produk panel dan subsektor kayu kumai dan pertukangan pembina kayu dan *joinery* masing-masing menarik tujuh dan empat projek dengan pelaburan diluluskan sebanyak RM88.1 juta dan RM45.9 juta. Di samping itu, 19 projek dengan pelaburan sebanyak RM102.5 juta telah diluluskan bagi mengeluarkan produk berasaskan kayu yang lain dan bahan-bahan seperti pelet kayu, kayu gergaji dan sisa pertanian atau produk sampingan pertanian.

### **Produk mineral bukan logam**

Industri ini terdiri daripada produk bukan logam seperti tanah liat, seramik, simen, konkrit, kaca, kapur, *barite*, marmar dan granit. Industri ini merupakan pengeksport ke-15 terbesar Malaysia pada tahun 2014 yang menyumbang RM5.7 bilion daripada jumlah eksport barang yang dikeluarkan negara. Destinasi utama bagi eksport ialah Singapura, Republik Korea dan Indonesia.

Pada tahun 2014, sejumlah 30 projek dengan pelaburan sebanyak RM3.4 bilion telah diluluskan dalam industri ini. Sejumlah 18 projek adalah baharu yang melibatkan pelaburan bernilai RM2.5 bilion, sementara 12 lagi merupakan projek pembesaran/pelbagaian yang melibatkan pelaburan sebanyak RM945.7 juta. Kebanyakan (61%) daripada pelaburan merupakan sumber domestik (RM2.1 bilion), manakala selebihnya dari sumber asing (RM1.3 bilion).

Berdasarkan projek dan pelaburan di atas, 17 projek melibatkan simen dan konkrit, enam adalah kaca dan produk kaca, lima produk seramik dan dua aktiviti pemrosesan galian. Salah satu projek terbesar dalam subsektor ini ialah projek bernilai RM634.2 juta milik asing sepenuhnya untuk menghasilkan bahan penebat mesra alam yang digunakan dalam bangunan. Bahan ini adalah selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negara dan akan membantu pengeluaran kaca dan produk kaca untuk aplikasi penebat. Syarikat ini dijangka akan mengeksport 95 peratus daripada keluaran, terutamanya ke Australia, Jepun dan Republik Korea.

Satu lagi projek yang menarik adalah kemudahan baharu RM249.6 juta di Setiu, Terengganu yang merupakan usahasama di antara TRG Mineral Industri Sdn Bhd, Toyota Tsusho Corporation (Jepun & Malaysia) dan Tochu Corporation (Jepun). Dikenali sebagai Terengganu Silika Konsortium Sdn Bhd, syarikat akan mengeluarkan

pasir dan tepung silika yang beketulenan tinggi, pasir bersalut resin dan pasir *frac*. Bahan-bahan ini digunakan dalam industri berteknologi tinggi dan istimewa seperti substrat kaca TFT-LCD, silikon gred solar, elektronik, kaca istimewa, kaca apung dan aplikasi automotif. Kira-kira 70 peratus daripada produk akan dieksport.

Usaha Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan Sistem Bangunan Berindustri (IBS) adalah untuk mengurangkan kos pembinaan sambil meningkatkan kualiti keseluruhan. IBS menggalakkan amalan dan teknologi hijau dalam mencapai pertumbuhan. Industri kaca dan produk kaca dijangka berkembang untuk merangkumkan bahan berfungsi serta kaca berpelepasan rendah, kaca berprestasi tinggi dan kaca berlapisan khas bagi memenuhi peningkatan permintaan daripada industri pembinaan dan solar. Produk penebat berkecekapan tenaga seperti gentian kaca dan kaca bersalut adalah mesra alam dan boleh membantu mengurangkan kos bangunan.


### **Kertas, percetakan & penerbitan**

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, industri kertas Malaysia telah menggandakan kapasiti pengeluaran secara progresif dengan mencatatkan 90 peratus kemandirian dalam bekalan kertas dan produk kertas. Terdapat 23 kilang kertas dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 1.9 juta tan metrik setahun. Kertas buangan merupakan bahan mentah utama yang digunakan oleh industri untuk menghasilkan produk kertas. Sehingga kini, industri ini telah menyediakan sebanyak lebih 4,000 peluang pekerjaan.

Industri percetakan dan penerbitan tempatan kebanyakannya terdiri daripada pengeluar berskala kecil dan sederhana yang berorientasikan domestik. Sehingga kini, terdapat kira-kira 1,000 syarikat yang beroperasi di mana kebanyakannya terlibat dalam percetakan umum. Import kertas dan produk kertas mencatatkan jumlah RM5.7 bilion pada tahun 2014 berbanding eksport sebanyak RM3.0 bilion.

Pada tahun 2014, sejumlah 17 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM904.3 juta, peningkatan sebanyak 36 peratus berbanding RM574.5 juta pada tahun 2013. Sembilan daripada projek yang diluluskan adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM706.1 juta (57.4%), manakala lapan yang lain adalah projek baharu sebanyak RM198.2 juta (22%). Pelaburan asing berjumlah RM555.8 juta (61.5%), manakala RM348.5 juta (38.5%) disumbangkan oleh pelaburan domestik. Projek-projek ini

## PELABURAN DILULUSKAN BAGI INDUSTRI PRODUK MINERAL BUKAN LOGAM MENGIKUT SUB-SEKTOR, 2014



**JUMLAH: RM 3.4 BILION**

dijangka menawarkan sebanyak 2,144 peluang pekerjaan.

Pelaburan tertinggi dicatatkan dalam subsektor produk kertas dengan RM816.8 juta (10 projek),

diikuti oleh subsektor percetakan dan penerbitan dengan RM72.5 juta (4 projek).


# REDtone

## REDtone MEX Sdn Bhd

### Teleradiology Centre

# PERKHIDMATAN DENGAN SENYUMAN

*Sektor perkhidmatan Malaysia semakin  
mendapat tempat pada tahun 2014 hingga  
menjadi salah satu yang terbaik di rantau ini.*



REDtone Mex Sdn Bhd melabur sebanyak RM120.9 juta untuk menubuhkan Bursa Perubatan (MEX) bagi Penyelesaian Telekesihatan, satu kemudahan terbesar di Asia Tenggara. Kemudahan ini tertumpu dalam pertukaran rekod teleperundingan/ teleradiologi berasaskan imej dan rekod kesihatan peribadi (PHR) berasaskan pengkomputeran awan.



**S**EKTOR PERKHIDMATAN MALAYSIA TERUS BERKEMBANG pada tahun 2014 dan menarik 5,059 projek yang diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM149.6 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM131.9 bilion dan pelaburan asing berjumlah RM17.7 bilion. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan sebanyak 98,543 peluang pekerjaan.

Subsektor hartanah terus mendominasi menjadi subsektor pelaburan utama dengan pelaburan diluluskan bernilai RM88.5 bilion.

Ini diikuti oleh subsektor utiliti (RM9.0 bilion), perdagangan pengedaran (RM8.7 bilion), perkhidmatan kewangan (RM6.9 bilion) dan hotel dan pelancongan (RM6.7 bilion). Bagi memastikan pertumbuhan mampan dalam sektor perkhidmatan, salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah meliberalisasikan sektor perkhidmatan secara progresif. Ini akan meningkatkan daya saing sektor ini dan membolehkannya menyumbang dengan lebih signifikan kepada ekonomi negara.

Subsektor perkhidmatan membentuk asas perkhidmatan perantaraan penting di Malaysia. Perkhidmatan ini membantu memaksimumkan kecekapan subsektor dan industri lain dalam negara, pertumbuhan serantau serta perkhidmatan pengurusan rantai bekalan hujung-ke-hujung yang kini menjadi komponen penting dalam tulang belakang ekonomi negara. Pertumbuhan serantau dan perkhidmatan pengurusan rantai bekalan membantu meningkatkan kecekapan perdagangan dan kelebihan persaingan bagi industri Malaysia.


Aktiviti perdagangan intra-ASEAN Malaysia yang lebih tinggi dan pelbagai inisiatif kerjasama ekonomi ASEAN menguatkan lagi kepentingan pasaran serantau ASEAN. Pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) bertujuan menjadikan ASEAN satu rantau pelaburan yang bersepadu sepenuhnya dan akan meningkatkan jumlah peluang perdagangan dan pelaburan kepada perniagaan yang berpangkalan di Malaysia. Insentif Hab Prinsipal baharu (yang akan diperkenalkan pada awal tahun 2015) juga dijangka akan menyokong pertumbuhan berterusan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan serantau dalam persekitaran yang amat kompetitif pada masa ini.

## PERTUBUHAN SERANTAU & LOGISTIK

Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat operasi serantau yang kompetitif di kalangan MNC utama pada tahun 2014 melalui penubuhan ibu pejabat operasi, pusat pengedaran serantau, pusat perolehan antarabangsa, pusat pengurusan perbendaharaan dan pusat perkhidmatan logistik bersepadu.

Pusat-pusat baharu ini menyokong potensi Malaysia untuk menjadi hab operasi serantau dan global bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan dengan memanfaatkan lokasinya yang strategik, infrastruktur bertaraf dunia, peningkatan aktiviti perdagangan dan dasar-dasar Kerajaan yang pro-perniagaan. Ini dibantu oleh pembekal perkhidmatan logistik yang menawarkan

## BILANGAN PERTUBUHAN SERANTAU DILULUSKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2014



# JUMLAH: 3,527 PEJABAT

penyelesaian rantaian bekalan serantau dan global dalam pengangkutan udara, darat dan laut.

Setakat 31 Disember 2014, sejumlah 3,527 projek telah diluluskan untuk menubuhkan operasi serantau di Malaysia. Pertubuhan-pertubuhan ini menyediakan spektrum perkhidmatan yang luas meliputi pengurusan rantaian bekalan, perkhidmatan logistik dan perkhidmatan perbankan dan kewangan.

### Hab Operasi Global

Peningkatan dalam globalisasi, perpindahan operasi ke luar pesisir (*offshoring*) dan penyumberan luar telah menandakan satu anjakan paradigma dalam perniagaan global. Keterbukaan perdagangan, liberalisasi dan pasaran antarabangsa telah mendorong MNC untuk meneroka ke luar negara, dan Malaysia dijangka mendapat manfaat yang besar daripada trend ini. Negara bukan sahaja sebuah hab pengangkutan yang kompetitif dari segi kos tetapi juga tenaga kerjanya yang semakin mahir. Hari ini, negara merupakan satu penghubung penting dalam rantaian bekalan global bagi kebanyakan MNC.

Pada tahun 2014, tujuh projek pusat operasi global telah diluluskan yang melibatkan pelaburan bernilai RM2.4 bilion dan menawarkan sebanyak 1,268 peluang pekerjaan. Projek-projek ini mempunyai kesan sampingan yang signifikan pada ekonomi, seperti projek pembesaran bernilai RM1 bilion oleh PKT Logistics (M) Sdn Bhd untuk membina gudang di Shah Alam, Kuantan dan Pulau Pinang yang akan mewujudkan 286 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Gudang One Eastern Hub yang dicadangkan di Kuantan, Pahang akan menjadi hab terbesar di Wilayah Pantai Timur yang akan memenuhi keperluan pelanggan dalam industri minyak dan gas.

Atos Group SE yang berpangkalan di Perancis bercadang untuk membuka Hab Inovasi dan Pengurusan Asia Pasifik melalui anak syarikatnya Atos Worldline Sdn Bhd. Pejabat tersebut akan menyediakan perkhidmatan digital yang inovatif untuk mobiliti, perkhidmatan transaksi elektronik, peruncitan digital dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang serupa. Sebuah lagi projek signifikan datang dari pakar ingatan kilat (*flash memory*) SanDisk Corporation melalui anak syarikatnya di Malaysia, SanDisk Storage Malaysia Sdn Bhd. Anak syarikat ini telah dipilih menjadi

Pusat Pengurusan Rantaian Bekalan Global syarikat, menggantikan hab SanDisk sebelum ini di Shanghai dan Hokkaido. Rancangan syarikat ini termasuk menubuhkan pusat kecemerlangan pengilangan bagi memastikan prestasi kilang yang berkualiti.

### **Ibu Pejabat Operasi**

Setakat 31 Disember 2014, Malaysia telah menjadi hos kepada 254 ibu pejabat operasi (OHQ) dengan pelaburan berjumlah RM6.04 bilion. Enam daripada OHQ ini adalah dari Malaysia, manakala kebanyakan bakinya adalah MNC dari AS dan Eropah. Turut diperhatikan bahawa 25 daripada OHQ tersebut adalah dari industri minyak & gas. OHQ baharu ini telah mewujudkan lebih daripada 13,609 pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Sejumlah 16 projek OHQ telah diluluskan pada tahun 2014 dengan pelaburan sebanyak RM1.94 bilion. Enam projek OHQ yang diluluskan adalah dari Singapura, tiga dari Australia dan dua adalah dari Jerman. Sementara Ireland, Bermuda, Kepulauan Cayman, Denmark dan Jepun masing-masing satu OHQ. Secara kolektif, projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 945 pekerjaan.

Antara OHQ utama yang diluluskan pada tahun 2014 ialah Openet Telecom Malaysia Sdn Bhd. Openet merupakan sebuah syarikat berpangkalan di Ireland yang menyediakan perisian untuk pengebilan masa nyata, pengurusan kelayakan dan perkhidmatan analisis kepada para pelanggannya di seluruh dunia. Ibu pejabat Openet di Malaysia adalah pusat terbesarnya di luar Ireland yang menyediakan sumber-sumber tempatan, perkhidmatan dan sokongan kepada pelanggan-pelanggan di Ireland, Amerika Syarikat dan Perancis. Openet Telecom Malaysia Sdn Bhd akan menggajikan 144 pengurus kanan tempatan dan kakitangan teknikal.

Selain itu, syarikat First Solar Inc yang berpangkalan di Amerika Syarikat telah membawa masuk sebuah projek penting iaitu kemudahan perkilangan fotovoltai yang terbesar di Malaysia yang dikendalikan oleh anak syarikatnya First Solar Malaysia Sdn Bhd dan pada tahun 2014 rancangan syarikat untuk menubuhkan pusat perkhidmatan kecemerlangan perkongsian global telah diluluskan. Pusat ini akan menyediakan perkhidmatan teknologi maklumat, kewangan, sumber manusia, pemasaran dan logistik kepada 12 syarikat berkaitan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jerman, Kanada dan Vietnam. Projek ini dijangka akan menjana sebanyak 30 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.



### **Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)**

OHQ syarikat sering dilengkapi dengan pusat perolehan antarabangsa (IPC). Malaysia telah menjadi hos kepada 243 IPC setakat 31 Disember 2014 dengan jumlah pendapatan jualan tahunan dianggarkan bernilai RM75.9 bilion. Pelaburan dalam kesemua IPC ini berjumlah RM8.9 bilion, di mana sebanyak 39.9 peratus daripadanya dimiliki oleh syarikat-syarikat Jepun (97 IPC) selain Malaysia (40), Amerika Syarikat (18), Singapura (17), Taiwan (11) serta Jerman (5) dan bakinya dari negara-negara seperti Kanada, United Kingdom, India, Indonesia, Switzerland dan Kepulauan Cayman.

Sejumlah 128 (52.7%) daripada IPC ini menyediakan perkhidmatan kepada industri E&E manakala IPC yang lain menyediakan perkhidmatan kepada industri seperti kimia/ petrokimia (32), jentera dan peralatan perindustrian (19), tekstil (11), minyak dan gas (10), perabot (8) dan lain-lain. Justeru, banyak IPC telah mula mempelbagaikan perkhidmatan untuk merangkumi pengurusan rantaian bekalan bagi

operasi Asia Pasifik dalam mencari sinergi untuk memaksimumkan proses pengeluaran mereka.

Sebanyak enam IPC telah diluluskan pada tahun 2014, tiga daripadanya dari Jepun dan selebihnya setiap satu dari Malaysia, Singapura dan Kepulauan Cayman. IPC ini melibatkan pelaburan berjumlah RM394.4 juta dan jumlah pendapatan jualan tahunan dianggarkan sebanyak RM797.7 juta. Ini akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 72 rakyat Malaysia, terutamanya dalam kategori pengurusan, teknikal dan tenaga mahir.

Antara projek utama yang diluluskan pada tahun 2014 termasuk sebuah IPC baharu iaitu Penfibre Sdn Bhd (PFR), anak syarikat milik sepenuhnya Toray Industries Inc. dari Jepun. Syarikat ini mempunyai dua bahagian perkilangan yang terlibat dalam pembuatan gentian berambu poliester, cip poliester dan cippolietilena terephthalate (*polyethylene terephthalate*, PET) dan filem. IPC syarikat yang berada di Malaysia ini akan membantunya memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna di rantau ini dan mengenal pasti permintaan pasaran masa depan bagi produk-produk filem tertentu di rantau Asia dan antarabangsa. IPC ini dianggarkan akan menjana jumlah pendapatan jualan sebanyak RM377 juta dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.

Sebuah lagi IPC utama Asia yang telah diluluskan ialah anak syarikat Nihon Superior Incorporation, Jepun iaitu Nihon Superior Asia Sdn Bhd. IPC syarikat ini akan membolehkannya memperoleh dan mengedarkan produk-produk pateri bebas plumbum dan fluks kepada syarikat yang berkaitan dan tidak berkaitan dengannya di Malaysia dan di luar negara. Projek ini akan meningkatkan

**"Sebanyak 33 Pusat Pengedaran Serantau (RDC) telah mendapat kelulusan setakat 31 Disember 2014, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM735.6 juta dan pendapatan jualan tahunan bernilai RM4.2 bilion."**

penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang tempatan oleh Nihon Superior Asia Sdn Bhd sebanyak 184 peratus, dengan jualan oleh IPC tersebut meningkat daripada RM16.9 juta pada tahun pertama ia beroperasi kepada RM48 juta menjelang tahun ketiga.

### **Pusat Pengedaran Serantau (RDC)**

Sebanyak 33 Pusat Pengedaran Serantau (RDC) telah mendapat kelulusan setakat 31 Disember 2014, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM735.6 juta dan pendapatan jualan tahunan bernilai RM4.2 bilion. Sebanyak 785 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan menerusi kelulusan RDC ini, di mana 700 (89.2%) adalah untuk rakyat Malaysia.

Sejumlah tiga RDC telah diluluskan pada tahun 2014. RDC ini adalah syarikat-syarikat dari Malaysia, Jerman dan Perancis dengan pelaburan berjumlah RM374.1 juta dan jumlah pendapatan jualan tahunan dianggarkan sebanyak RM851.3 juta. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 55 rakyat Malaysia.

Salah satu RDC yang diluluskan pada tahun 2014 ialah sebuah syarikat berpangkalan di Malaysia yang menyediakan penyelesaian teknikal





serta perolehan berpusat untuk memastikan penghantaran produk pembungkusan komprehensif tepat pada waktunya. Projek ini akan mengukuhkan kedudukan syarikat induknya sebagai peneraju pasaran dalam pengeluaran filem regang. Sejumlah 30 pekerjaan telah diwujudkan oleh RDC ini, terutamanya dalam jawatan pengurusan, teknikal dan penyeliaan.

Sebuah syarikat Perancis yang pertama menubuhkan kilangnya di Malaysia pada tahun 2007 sedang memperluaskan kedudukan di Malaysia melalui aktiviti-aktiviti RDC demi memenuhi permintaan rakan kongsi dalam perniagaan untuk kualiti dan ekonomi skala di seluruh Asia. Syarikat ini mempunyai 70 pekerja dan menghasilkan lebih daripada 100 perisa makanan untuk restoran dan rantaian hotel antarabangsa utama di lebih 37 buah negara.

### **Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC)**

Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat untuk menggunakan Malaysia sebagai pangkalan untuk menjalankan aktiviti pengurusan perbendaharaan serantau atau global bagi kumpulan syarikat-syarikat berkaitannya di dalam atau di luar negara.

Sejumlah lapan Pusat Pengurusan Perbendaharaan (TMC) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM186.9 juta telah diluluskan setakat 31 Disember 2014. TMC ini juga dijangka akan mewujudkan sebanyak 130 pekerjaan, terutamanya bagi rakyat Malaysia. Empat daripada TMC ini telah diluluskan pada tahun 2014 disokong oleh pelaburan berjumlah RM120.3 juta di samping mewujudkan sejumlah 56 pekerjaan. Tiga daripada projek ini adalah dari Malaysia manakala satu adalah dari Hong Kong. Empat TMC ini adalah dalam industri

logistik dan perkapalan serta sektor perniagaan tani.

### **Pejabat Perwakilan (RE)/Pejabat Serantau (RO)**

Setakat 31 Disember 2014, Malaysia merupakan hos kepada sejumlah 1,975 Pejabat Perwakilan (RE) dan 986 Pejabat Serantau (RO). RE/RO ini ditubuhkan untuk menjalankan kajian kemungkinan peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti perniagaan bagi syarikat induk serantau.

Sejumlah 72 projek RE dan 48 projek RO telah diluluskan pada tahun 2014 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM163.6 juta. Kebanyakan projek RE/RO yang diluluskan dalam 2014 datang dari Singapura (20 projek), Jerman (11), United Kingdom (10) dan Amerika Syarikat (7). Bagaimanapun, terdapat juga peningkatan minat daripada negara-negara seperti Sepanyol (5 projek diluluskan), India (4), Itali (4), Thailand (4) dan Indonesia (2). UAE, Kanada dan Iceland masing-masing telah diluluskan satu RE pada tahun 2014.

Kebanyakan RE/RO adalah dari industri sokongan jentera dan kejuruteraan, O&G, E&E, peranti perubatan dan IT dan perisian. Trend ini konsisten dengan promosi Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dilaksanakan oleh Kerajaan. RE/RO ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 312 pekerjaan, di mana 65.7 peratus atau 205 pekerjaan dijangka akan diisi oleh rakyat Malaysia.



*One Logistics Hub* milik PKT Logistics di Shah Alam akan diperbesarkan untuk meliputi pembinaan "The Lighthouse Warehouse", bangunan gudang tertinggi di Malaysia dan gudang hijau yang pertama diperakui oleh *Green Building Index* (GBI).

## Logistik

Aktiviti-aktiviti Perkhidmatan Logistik Bersepadu (*Integrated Logistics Services, ILS*) terdiri daripada perkhidmatan penggudangan, pengangkutan, penghantaran barangan dan perkhidmatan bernilai ditambah lain yang berkaitan seperti pengedaran dan pengurusan rantaian bekalan yang dilaksanakan secara bersepadu. Setakat 31 Disember 2014, sebanyak 58 syarikat dengan pelaburan bernilai RM3.7 bilion telah diberi insentif ILS. Daripada kesemua syarikat ini, sembilan adalah projek baharu dan 49 adalah projek pembesaran. Pada tahun 2014, sembilan syarikat telah diluluskan untuk menerima insentif ILS, menunjukkan bahawa pembekal logistik tempatan telah meningkatkan keupayaan mereka untuk berkembang dan memberi perkhidmatan serantau. Syarikat-syarikat ini sedang menceburi aktiviti-aktiviti logistik dengan jumlah pelaburan sebanyak RM149 juta.


Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services, IILS*) merujuk kepada syarikat-syarikat yang mampu menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu dan lancar (pintu-ke-pintu) sepanjang rantaian nilai logistik sebagai satu entiti tunggal pada skala serantau atau global. Lesen Ejen Kastam akan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat IILS yang berkelayakan bagi memudahkan operasi perniagaan. Pada tahun 2014, lapan syarikat telah dianugerahkan status IILS di Malaysia, termasuk Worldgate Express (M) Sdn Bhd: sebuah syarikat milik rakyat Malaysia yang menyediakan perkhidmatan logistik kepada lebih 20 negara.

## PERKHIDMATAN MINYAK & GAS

Kejatuhan harga minyak mentah global pada tahun 2014 telah menegaskan keperluan bagi industri O&G Malaysia untuk mencipta semula industri dan menginovasi peluang pendapatan dan perkhidmatan baharu. Pada tahun 2014, empat projek dengan pelaburan sebanyak RM3.2 bilion oleh syarikat perkhidmatan O&G akan menawarkan industri perkhidmatan baharu dalam aktiviti hulu dan pertengahan seperti kemudahan pembaikan, pengubahsuaian dan penaikan taraf. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 2,807 pekerjaan.

Terdapat beberapa projek yang signifikan dalam subsektor O&G pada tahun 2014 termasuk projek RM374 juta oleh syarikat berkaitan Schlumberger yang bertujuan untuk menjenamakan Malaysia sebagai sebuah pusat yang menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan peralatan dan pengubahsuaian bagi industri O&G di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini merancang untuk menubuhkan

## SYER PELABURAN DALAM PROJEK TENAGA BOLEH DIPERHABARUI (RE) DI LULUSKAN MENGIKUT SUMBER, 2014



Biomass (46%)

Solar (29%)

Mini-hidro (20%)

Biogas (5%)

Asia Centre for Reliability and Efficiency (ACRE) untuk menjalankan perkhidmatan O&G.

Bagi memperkukuhkan lagi ekosistem O&G, Pusat Pemantauan dan Diagnostik Jarak Jauh GE, Kuala Lumpur (*GE's iCenter*) telah dilancarkan pada bulan Oktober 2014 bagi memberi sokongan kritikal kepada operasi keseluruhan syarikat utama O&G di seluruh dunia. *iCenter* di Kuala Lumpur itu bersepadu sepenuhnya dengan GE *iCenter* yang lain di Florence dan Houston untuk memantau dan meningkatkan ketersediaan, kebolehpercayaan dan prestasi peralatan berputar, melalui penyelesaian peramalan. Penubuhan pusat ini akan meningkatkan lagi kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi industri O&G.

## TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

Kerajaan telah menetapkan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy, RE*) sebagai Bahan Api Kelima dalam Dasar Tenaga Negara yang direka untuk menggalakkan lebih banyak projek berkaitan RE dan penggunaan sumber RE yang terdapat di negara ini. Sekurang-kurangnya 90 peratus daripada seluruh keperluan RE Malaysia boleh dipenuhi oleh sumber biomassa dan solarnya sendiri yang akan membentuk satu langkah utama ke hadapan dalam matlamat Kerajaan untuk mengurangkan pelepasan karbon

“Dalam usaha untuk memenuhi keperluan tenaga, meningkatkan kecekapan tenaga dan menjadi mesra alam, banyak syarikat telah mula melabur dalam teknologi-teknologi tenaga boleh diperbaharui (RE) kecekapan tenaga dan penjimatan tenaga.”

sebanyak 40 peratus setiap KDNK menjelang tahun 2020.

Sebagai pengeluar utama komoditi pertanian di rantau ini, Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk menggalakkan penggunaan biomas sebagai satu sumber tenaga boleh diperbaharui. Sisa kelapa sawit telah pun dijadikan sumber biomas utama untuk tenaga boleh diperbaharui di kebanyakan ladang kelapa sawit di negara. Kedudukan Malaysia berhampiran garisan khatulistiwa juga menjadikannya satu lokasi utama untuk aplikasi tenaga solar. Negara menerima purata enam jam cahaya matahari pada setiap hari (2,190 jam setahun). Sungai-sungai juga membolehkan negara mengeksplorasi teknologi hidroelektrik sepenuhnya, dengan projek-projek *in situ* mini-hidro yang mampu membekalkan tenaga elektrik ke kawasan luar bandar yang terletak jauh dari grid. Kajian selanjutnya sedang dijalankan untuk meneroka potensi negara dalam tenaga geotermal, angin dan termal lautan.

Pelaburan sebanyak RM1.2 bilion dicatatkan pada tahun 2014, di mana 96.6 peratus datang dari sumber domestik (RM1.16 bilion). Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 743 pekerjaan melalui 55 projek tenaga solar yang disokong oleh pelaburan berjumlah RM348.6 juta dan 15 projek lain dalam biomas, biogas dan mini-hidro dengan pelaburan RM870.0 juta.

Sebuah projek penting bernilai RM440.1 juta di Bio-XCell Biotechnology Park di Nusajaya, Johor akan menghasilkan stim dan air dingin dengan sumber biomas dan biogas seperti kulit isirong sawit (*palm kernel shells*, PKS), gentian mesokarp, pelet kayu, serpihan kayu dan air sisa perindustrian. Hasil dari projek ini akan dibekalkan kepada syarikat-syarikat yang terletak dalam Bio-XCell Biotechnology Park. Syarikat ini menggunakan konsep utiliti bersepadu baharu untuk membekalkan stim dan air dingin kepada kemudahan-kemudahannya.

Selain itu, sebuah lagi projek penting adalah projek mini-hidro dengan pelaburan RM220.5 juta yang sedang dibangunkan di dua lokasi: Kuala Kangsar dan Lenggong (kedua-duanya di Perak).

Projek ini akan menjana tenaga elektrik sebanyak 20MW yang akan dibekalkan kepada TNB melalui program *Feed-in-Tariff*. Penjanaan tenaga mini-hidro adalah sumber RE yang boleh dipercayai dengan menggunakan teknologi yang telah terbukti dan lebih berkecekapan kos serta kurang berbahaya kepada alam sekitar berbanding sumber penjanaan tenaga yang lebih besar.

## KECEKAPAN & PEMULIHARAAN TENAGA

Walaupun Malaysia kini bergantung kepada bahan api fosil konvensional untuk keperluan tenaga, ketersediaannya yang terhad dan kesan terhadap alam sekitar menjadikannya tidak praktikal untuk penggunaan jangka panjang. Dalam usaha untuk mencapai objektif keperluan tenaga, meningkatkan kecekapan tenaga dan menjadi lebih mesra alam, banyak syarikat telah mula melabur dalam teknologi tenaga boleh diperbaharui (RE), kecekapan tenaga dan penjimatan tenaga.

Peningkatan tarif tenaga juga telah menggalakkan firma-firma untuk melaksanakan perubahan dengan menggunakan teknologi yang lebih berkecekapan tenaga untuk kekal berdaya saing. Insentif dan galakan Kerajaan turut menjadi faktor dalam memastikan syarikat-syarikat lebih mesra alam.

Tujuh projek kecekapan dan pemuliharaan tenaga telah diluluskan pada tahun 2014. Tiga daripadanya dilaksanakan oleh industri perkilangan, manakala empat adalah dari subsektor hotel dan pembangunan hartanah bersepadu. Insentif cukai telah diberikan kepada projek-projek ini untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti seumpamanya diteruskan. Sejumlah RM59.0 juta telah dilaburkan dalam projek-projek ini, berbanding RM31.7 juta yang telah dilaburkan dalam projek-projek yang serupa pada tahun 2013. Sebahagian besar pelaburan ini adalah pelaburan domestik, di mana 98.9 peratus datangnya dari sumber tempatan. Projek-projek ini juga dijangka akan menyediakan sebanyak 69 peluang pekerjaan.

Satu projek utama adalah menara pejabat yang menggunakan konsep bangunan hijau di Sunway Resort City, Selangor. Bangunan berkecekapan tenaga dan menjimatkan kuasa yang bernilai RM40.4 juta ini menggunakan beberapa sistem yang telah ditambah baik untuk keperluan penyaman udara dan pengudaraan mekanikal termasuk sistem pencahayaan dan lif berkecekapan tenaga.

Kriteria	2011-2012		2013-2014		2014-2015	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Tunggak 12: Inovasi	24	4.3	25	4.4	21	4.7
Kualiti Institusi Penyelidikan Saintifik	24	4.9	15	4.9	13	5.2
Perbelanjaan Syarikat untuk R&D	13	4.7	17	4.6	9	4.9
Kolaborasi universiti-industri dalam R&D	21	4.9	4	4.8	3	5.2
Perolehan produk teknologi maju oleh Kerajaan	4	4.9	4	4.8	3	5.2
Ketersediaan saintis dan jurutera	22	4.9	19	4.9	9	5.2
Paten utiliti yang diberi per sejuta penduduk	32	7.2	31	12.1	32	12.6

**JADUAL** Skor dan Kedudukan Malaysia dalam *Innovation Pillar, Global Competitiveness Report, 2011-2015*

## PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN

Salah satu daripada tujuh NKEA dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) ialah Perkhidmatan Perniagaan. *Nurturing Pure-Play Engineering Services* merupakan Projek Permulaan ke-5 dalam NKEA ini yang menunjukkan kepentingan Perkhidmatan Perniagaan kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) menganggarkan bahawa industri perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dan automotif Malaysia mungkin mencecah nilai RM3.3 bilion menjelang tahun 2020. Ditambah pula dengan peningkatan bilangan graduan kejuruteraan yang akan memasuki bidang pekerjaan pada tempoh itu, perkhidmatan kejuruteraan negara dijangka akan berkembang dengan pesat.


Antara pelaburan berkualiti yang diluluskan pada tahun 2014 adalah projek pembesaran bernilai RM46.7 juta di Subang, Selangor. Pusat ini akan menyediakan perkhidmatan kejuruteraan untuk subsektor penerbangan, termasuk pemodenan struktur dan pembangunan tempat ujian enjin. Projek ini akan memberi manfaat kepada 23 jurutera tempatan yang akan menjalani latihan teknikal penerbangan khusus.

## PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D)

R&D merupakan satu agenda penting nasional yang menjadikan Malaysia sentiasa berdaya saing dan mampan serta terkenal di peringkat antarabangsa dalam menerajui pasaran. Kesan limpahan daripada R&D adalah dinamik dan meluas yang akan menerajui produk termoden, memperbaiki produktiviti, meningkatkan pendapatan pekerjaan dan pertukaran matawang asing yang lebih tinggi.

Untuk merangsang pelaburan dalam R&D, insentif dan geran disediakan bagi menggalakkan lebih

## SYER PELABURAN DALAM PROJEK R&D YANG DILULUSKAN, 2014



**Syarikat R&D kontrak (77%)**

**R&D dalaman (22.1%)**

**Syarikat berstatus R&D (0.9%)**

banyak aktiviti dalam bidang ICT, kejuruteraan, sains, pertanian, bioteknologi dan perhutanan. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Nasional, 2013-2014 mensasarkan Malaysia mencapai *Gross Domestic Expenditure on R&D* (GERD) sekurang-kurangnya 2.0 peratus menjelang tahun 2020.

Menurut *Global Competitiveness Report 2014-2015*, Malaysia telah melonjak dari tempat ke-24 pada tahun 2013-2014, kepada kedudukan ke-20 pada tahun 2014-2015 di kalangan 144 buah negara. Kemajuan Malaysia yang ketara dapat dilihat berdasarkan skor dalam kategori Inovasi. Laporan itu menyatakan bahawa negara telah menunjuk peningkatan dalam setiap kriteria



yang diukur dengan penilaian sebanyak 4.7 mata daripada 7 mata dalam *Pillar 12: Innovation*.

Pada tahun 2014, RM295.8 juta telah dilaburkan dalam 17 projek yang diluluskan di Malaysia. RM161.4 juta (54.5%) datang dari sumber asing manakala RM134.6 juta (45.5%) adalah sumber domestik. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 276 pekerjaan berpendapatan tinggi.

Daripada 17 projek ini, 11 merupakan syarikat yang telah diluluskan insentif cukai bagi R&D Kontrak, tiga untuk R&D Dalaman dan tiga syarikat telah dianugerahkan Status R&D. Projek R&D Kontrak yang diluluskan adalah sebanyak RM227.9 juta, di mana RM87.3 juta datangnya dari sumber domestik manakala RM140.6 juta adalah sumber asing. Projek-projek R&D Kontrak ini akan menjana sebanyak 185 pekerjaan berpendapatan tinggi. Satu projek R&D yang signifikan dengan pelaburan diluluskan sebanyak RM36.0 juta akan menjalankan R&D terhadap produk-produk oleokimia dalam penggunaan ester lemak di luar Eropah. Projek ini akan mewujudkan sebanyak 20 pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat Malaysia dan menjana hasil sampingan yang signifikan kepada industri hiliran oleokimia yang lain di Malaysia.

Tiga syarikat yang telah diluluskan R&D dalaman adalah dalam bidang optik gentian termaju dan

teknologi pembungkusan serta pengeluaran sistem pengkarbonan (*carbonising*) dengan pelaburan sebanyak RM65.3 juta. Manakala tiga syarikat yang telah dianugerahkan Status R&D adalah bagi menyediakan Perkhidmatan R&D berdedikasi kepada pelanggan. Satu daripada projek yang diluluskan ini akan menggunakan teknologi termaju untuk menyediakan penyelesaian hujung-ke-hujung untuk peralatan dan proses dalam pembuatan sarung tangan.

### TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (ICT)

Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) akan memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi. Malaysia telah pun berada di kuartil teratas di kalangan ekonomi yang mempunyai rangkaian tertinggi di dunia. Negara juga berada di kedudukan ke-30 daripada 144 negara dalam *Global Information Technology Report 2014* oleh *World Economic Forum*.

Pada tahun 2014, tiga projek dengan pelaburan domestik sebanyak RM151.9 juta telah diluluskan dalam sektor ICT. Projek pertama akan menyediakan perkhidmatan dalam pertukaran perubatan untuk kegunaan teleperundingan atau teleradiologi dan rekod kesihatan berasaskan pengkomputeran awam. Manakala projek kedua akan menyediakan *airborne matrix*, sistem


# CARI & SELIDIK

## Malaysia pesat membangunkan budaya serta reputasi untuk R&D

R&D memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Satu kajian mengenai impak Dana Pengkomersialan R&D (CRDF) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mendapati bahawa *multiplier* purata bagi setiap Ringgit yang dibelanjakan Malaysia menerusi geran CRDF telah menjana RM2.25 dalam bentuk output, RM0.23 dalam pendapatan, 0.0023 orang dalam pekerjaan dan menyumbang RM0.76 dalam nilai ditambah. Banyak kajian lain menunjukkan bahawa R&D menyumbang kepada kualiti produk yang lebih baik, peningkatan yang ketara dalam produktiviti dan pendapatan eksport yang lebih tinggi.


Selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dengan perbelanjaan kasar terhadap R&D (*Gross Expenditure on R&D*, GERD) sekurang-kurangnya 2.0% menjelang tahun 2020, beberapa tahun akan datang merupakan tempoh penting dalam menentukan asas untuk peringkat pembangunan seterusnya. Pada tahun 2011, perbandingan perbelanjaan Malaysia dalam R&D berbanding bahagian KDNK (nisbah GERD:KDNK) berada pada paras 1.07%. Ini merupakan 67.2 peratus lebih berbanding nisbah GERD:KDNK yang dicapai pada tahun 2006 yang meletakkan kedudukan Malaysia lebih tinggi daripada nisbah sasaran GERD:KDNK sebanyak 1.0 peratus pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, lebih 45 peratus daripada perbelanjaan pada tahun 2011 masih disumbangkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan Kerajaan, sedangkan di kebanyakan negara maju, perbelanjaan awam hanya menyumbang di antara 25 hingga 33 peratus daripada jumlah pembiayaan R&D. Perbelanjaan perniagaan terhadap R&D (*Business Expenditure on R&D*, BERD) di Malaysia juga berada di paras 56.1 peratus daripada perbelanjaan kasar pada tahun 2011, jauh di belakang negara-negara penanda aras seperti Republik Korea (77.9%), Jepun (77.6%), China (76.3%) dan Amerika Syarikat (69.9%).

Namun, Malaysia sedang melaksanakan peralihan penting dalam mencetuskan kekuatan budaya R&D seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Daya Saing Global. Kedudukan terkini Malaysia meningkat empat tangga di kedudukan ke-20 daripada 144 negara berdasarkan peningkatan skor di dalam Teras Inovasi. Sepanjang dekad yang lalu, bilangan permohonan untuk paten dan reka bentuk perindustrian juga telah melonjak lebih 50 peratus, dari 6,386 permohonan pada



tahun 2003 kepada 9,642 pada tahun 2014. Sebahagian besar kejayaan ini disumbangkan oleh kolaborasi negara yang menghubungkan pihak syarikat dan akademik dalam bidang R&D. Kerajaan juga menawarkan insentif menarik untuk menggalakkan R&D, terutamanya dalam industri sasaran seperti bioteknologi, petrokimia maju, oleokimia, bahan termaju, getah dan E&E. Pada tahun 2014, sebanyak 17 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM295.8 juta telah diluluskan dengan insentif R&D yang menunjukkan penurunan 25.7 peratus berbanding RM398.1 juta pada tahun 2013. Berdasarkan jumlah pelaburan pada tahun 2014, sebanyak RM161.4 juta (54.5%) merupakan sumber asing, manakala RM134.6 juta (45.5%) adalah pelaburan domestik.

Memandangkan tumpuan ekonomi global sedang beralih ke Asia dan komuniti ASEAN, negara ini perlu bersiap sedia untuk menyambut kedatangan syarikat yang mengkehendaki perkhidmatan R&D di rantau ini. Negara juga harus mampu untuk menyediakan infrastruktur dan modal insan yang diperlukan oleh syarikat untuk melabur dalam operasi R&D. Kerajaan akan memainkan peranan untuk menyediakan rejim perlindungan IP yang kukuh dan persekitaran perniagaan yang menggalakkan untuk penyelidikan. Walau bagaimanapun, syarikat swasta Malaysia juga perlu memainkan peranan masing-masing dan bangkit untuk menghadapi cabaran dalam menerajui agenda R&D negara.



## Permulaan baharu untuk sektor perkilangan

Walaupun sektor perkhidmatan dapat mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, pembangunan sektor perkilangan yang mampan hanya boleh dicapai dengan persekitaran R&D yang aktif. Sepanjang dekad yang lalu, perbelanjaan R&D didapati pesat meningkat dalam subsektor perkhidmatan ICT dan kejuruteraan namun peningkatan ketara turut ditunjukkan dalam sektor yang diterajui perkilangan seperti sains semula jadi, bioteknologi, pertanian dan perhutanan. Dorongan Kerajaan terhadap R&D dalam bidang pertanian dan perhutanan adalah penting memandangkan negara mempunyai beberapa institusi R&D yang terbaik di dunia dalam beberapa bidang seperti getah dan kelapa sawit. Sementara bagi sektor swasta, minat terhadap R&D lebih banyak berkembang dalam ubat *bio-similar* generik (dalam bidang farmaseutikal) dan solar serta tenaga boleh diperbaharui lain - yang terbukti merupakan industri-industri yang amat menarik di Malaysia.

Dalam kerancangan membangunkan kapasiti R&D, cabaran besar yang dihadapi Malaysia adalah untuk membangunkan kumpulan bakat yang kritikal. Masalah timbul daripada jurang perbezaan di antara penawaran dan permintaan: syarikat yang memerlukan perkhidmatan R&D akan lebih tertarik terhadap negara yang mempunyai sumber kepakaran dalam perkhidmatan tersebut. Dalam masa yang sama, tenaga kerja pakar pula lebih cenderung untuk berkhidmat di negara yang terdapat

permintaan terhadap perkhidmatan mereka. Oleh itu, kedudukan bakat R&D yang terbaik dan berpotensi dari Malaysia kini bertaburan di seluruh dunia.

Gandingan MIDA dan agensi Kerajaan yang lain sedang berusaha keras untuk mewujudkan peluang kerjaya di negara sendiri kepada rakyat Malaysia yang berbakat, sepertimana kepuasan kerjaya yang ditawarkan di luar negara. Pelaburan dalam projek yang berintensifkan R&D akan meyakinkan pakar-pakar R&D yang berasal dari Malaysia bahawa negara telah menyediakan tempat untuk mereka berkembang. Negara telah pun menunjukkan beberapa kemajuan ke arah matlamat ini di mana nisbah penyelidik bagi setiap 10,000 pekerja telah meningkat lebih tiga kali ganda kepada 58.2 pada tahun 2011 berbanding 15.6 pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, ia hanya 1,643 penyelidik daripada setiap juta penduduk yang jauh di belakang berbanding Singapura (6,494), Republik Korea (5,928) dan Amerika Syarikat (3,979).

Struktur institusi Kerajaan kini ternyata menyokong teras negara dalam bidang inovasi dan R&D di peringkat tertinggi, di mana Majlis Inovasi Negara (NIC) dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri dengan khidmat nasihat oleh Agensi Inovasi Malaysia. Pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan turut menyokong dan melaksanakan inisiatif dasar yang ditetapkan oleh NIC terutamanya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

pengesanan cahaya dan jarak (LiDAR) serta sistem tinjauan imej digital. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 163 peluang pekerjaan.

Bidang pertumbuhan ICT lain termasuk pengkomputeran awan, pengkomputeran konteks-sedar, perangkaan serta multimedia pintar dan kreatif. Bajet 2015 telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk Dana Industri Kandungan Digital. Insentif ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mempromosikan pembangunan yang lebih besar dalam kandungan digital.

## HARTANAH (PERUMAHAN)

Sejumlah 1,320 projek dengan pelaburan sebanyak RM88.5 bilion telah diluluskan dalam subsektor hartanah (tidak termasuk bangunan komersial) pada tahun 2014. Hampir kesemua (97.3%) daripada pelaburan ini datangnya dari sumber tempatan. Berbanding dengan tahun 2013, sejumlah 1,400 projek telah diluluskan dengan pelaburan RM83.3 bilion.

## PENGANGKUTAN

Merangkumi pengangkutan maritim, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya, sejumlah 78 projek telah diluluskan dengan pelaburan RM6.1 bilion pada tahun 2014. Pelaburan domestik berjumlah RM5.9 bilion (96.7%) manakala pelaburan asing berjumlah RM228.9 juta (3.3%). Sejumlah 2,211 pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh projek-projek ini.

Kebanyakan daripada pelaburan pada tahun ini adalah dalam subsektor pengangkutan maritim, dengan 17 projek bernilai RM331.4 juta. Selain itu, 51 projek lagi telah diluluskan dalam subsektor penerbangan dengan pelaburan berjumlah RM3.3 bilion.

## TELEKOMUNIKASI

Subsektor telekomunikasi meliputi kemudahan rangkaian, perkhidmatan perangkaan, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), pos dan penyiaran. Sejumlah RM4.5 bilion telah dilaburkan ke dalam subsektor ini pada tahun 2014, yang mana kesemuanya adalah pelaburan domestik yang diluluskan. Sebagai perbandingan, pelaburan diluluskan dalam subsektor telekomunikasi pada tahun 2013 berjumlah RM8.7 bilion.

## UTILITI

Utiliti tenaga termasuk penjanaan, transmisi dan pengagihan tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad, Syarikat SESCO Bhd (SESCO) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB). Perkhidmatan utiliti air disediakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Pada tahun 2014, jumlah pelaburan dalam subsektor ini adalah sebanyak RM9.0 bilion. Semua pelaburan utiliti berpunca dari sumber domestik.

## PERKHIDMATAN KEWANGAN

Subsektor perkhidmatan kewangan merangkumi perbankan, insurans dan pasaran modal, termasuk pengurusan dana, khidmat nasihat pelaburan, khidmat perancangan kewangan, modal teroka dan khidmat pembrokeran. Pelaburan dalam subsektor ini telah melonjak pada tahun 2014 kepada RM6.9 bilion daripada RM3.1 bilion pada tahun 2013. Pertumbuhan ini telah didorong oleh pelaburan domestik berjumlah RM5.3 bilion (76.8%) dan pelaburan asing berjumlah RM1.6 bilion (23.2%). Segmen perbankan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada subsektor ini dengan pelaburan sebanyak RM6.6 bilion (95.7%), kebanyakannya disebabkan oleh aktiviti-aktiviti perbankan Islam, yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM2.8 bilion. Pelaburan dalam insurans dan pasaran modal masing-masing berjumlah RM251.3 juta dan RM7.2 juta.

## PERDAGANGAN PENGEDARAN

Subsektor perdagangan pengedaran terdiri daripada perdagangan borong dan runcit, pasar raya besar dan pasar raya, gedung membeli-belah serta jualan langsung, pemfrancaisan dan projek yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum (Petroleum Development Act, PDA), 1974 (stesen dan kiosk minyak).

Pelaburan di subsektor ini berkembang sebanyak 74 peratus tahun-ke-tahun kepada RM8.7 bilion berbanding RM5.0 bilion yang dicatatkan bagi keseluruhan tahun 2013. Berbanding tahun 2013, pelaburan-pelaburan ini diterajui oleh kepentingan asing yang meningkat daripada RM1.6 bilion hingga RM5.0 bilion. Pelaburan domestik juga meningkat pada kadar 8.8 peratus daripada RM3.4 bilion pada tahun 2013 kepada RM3.7 bilion pada tahun 2014.



## PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Sejumlah 467 projek telah diluluskan di dalam subsektor ini pada tahun 2014 melibatkan pelaburan berjumlah RM1.64 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM1.55 bilion manakala pelaburan asing berjumlah RM78.5 juta. Berbanding tahun 2013, jumlah pelaburan adalah RM2.1 bilion di dalam 617 projek.

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014 merupakan gabungan di antara projek baharu dan rancangan pembesaran kolej swasta/universiti. Terdapat sejumlah 37 projek kolej/universiti swasta dengan pelaburan sebanyak RM1.3 bilion, bersama dengan 47 projek yang diluluskan untuk pusat-pusat kemahiran dengan jumlah pelaburan sebanyak RM305 juta. Sejumlah 383 projek lagi untuk institusi-institusi pendidikan swasta lain bernilai RM21.4 juta juga diluluskan.

Satu projek penting ialah pembesaran Institut Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP) yang kini mempunyai Loji Latihan Hulu dan Hiliran (*Upstream and Downstream Training Plant*) dilengkapi dengan sebuah pelantar minyak gerudi, simulator kilang penapis dan petrokimia, serta pusat latihan respons kecemasan untuk menyediakan para peserta dengan pembelajaran yang realistik dan amali. Sebanyak 100 pekerjaan tambahan tempatan sepenuhnya diwujudkan semasa pentauliahannya pada Mac 2014 dan 100 pekerjaan tambahan lagi akan diwujudkan untuk penduduk tempatan pada tahun 2015 susulan penggunaan 85 peratus kapasiti kemudahan itu. Ini menunjukkan petanda yang baik dalam aspirasi INSTEP untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan dan pusat pilihan di dunia pendidikan dan latihan vokasional.

## HOTEL DAN PELANCONGAN

Subsektor hotel dan pelancongan menarik sebanyak 118 projek dengan jumlah yang diluluskan bernilai RM6.69 bilion pada tahun 2014. 94 peratus daripada jumlah ini (RM6.35 bilion) ialah pelaburan domestik dan selebihnya berpunca daripada pelaburan asing (RM340 juta).

Satu projek utama yang diluluskan melibatkan satu projek luar 'persembahan secara langsung' bertaraf dunia yang akan ditempatkan di Melaka. 'Impression', jenama persembahan antarabangsa terkemuka di dunia dari China (setanding dengan Disneyland and Universal Studios), akan menjadi siri Impression pertama yang dipersembahkan di luar negara China. Ia akan menerapkan konsep seni moden yang melibatkan persembahan pentas dengan sistem lampu dan bunyi berteknologi tinggi serta teater yang boleh berputar 360°.

## PERKHIDMATAN KESIHATAN

Subsektor perkhidmatan kesihatan meliputi penubuhan institusi-institusi penjagaan kesihatan swasta, termasuk hospital swasta dan pusat penjagaan ambulatori swasta. Sejumlah 22 projek telah diluluskan dalam subsektor ini pada tahun 2014 dengan pelaburan berjumlah RM2.3 bilion, di mana kesemuanya adalah dari sumber domestik. Ini merupakan peningkatan kira-kira 21 peratus dalam pelaburan berbanding tahun 2013 (RM1.9 bilion untuk 20 projek).

Kebanyakan daripada projek diluluskan dimiliki sepenuhnya oleh konglomerat Malaysia yang mempunyai rekod prestasi pelaburan yang baik. Ini termasuk IHH Healthcare Group, KPJ Group, Sunway Group dan Ramsay Sime Darby Healthcare Sdn Bhd.

## PERKHIDMATAN LAIN

Pada tahun 2014, enam projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM4.0 bilion dalam industri nilai tinggi yang lain dalam sektor perkhidmatan. Sejumlah RM1.7 bilion daripada pelaburan-pelaburan ini datang daripada sumber-sumber domestik, manakala RM2.3 bilion datang dari sumber asing. Projek-projek ini dijangka mewujudkan sebanyak 267 peluang pekerjaan dalam sektor tersebut.


Satu projek utama termasuk pembangunan sebuah taman teknologi di Nusajaya dengan jumlah pelaburan RM3.3 bilion. Taman hijau bersepadu sepenuhnya ini akan menyediakan landskap bersama persekitaran yang dibina untuk sejumlah besar industri seperti elektronik, farmaseutikal dan peranti perubatan, pemprosesan makanan, kejuruteraan kepersisan, barangan pengguna laris, logistik dan penggudangan.


Tahun 2014 juga menyaksikan pelaburan besar dalam pembangunan kedai-kedai premium. Dua projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM491 juta, di mana RM253 juta berpunca daripada pelabur tempatan manakala RM237 juta adalah pelabur asing. Projek-projek ini selaras dengan NKRA Pelancongan di bawah GTP dan dijangka akan menghasilkan sebanyak 113 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Kedai-kedai premium bertujuan untuk menarik lebih banyak pelancong dan meningkatkan perbelanjaan pelancong dengan menawarkan barang mewah berdiskaun, melengkapinya dengan peruncitan yang sedia ada dan menyokong matlamat negara dalam menjadikan Malaysia destinasi membeli-belah utama di Asia.

# PANDANG KE TIMUR



*Jika ingin meneroka Asia, cukup  
dengan menerokai Malaysia.*





Taman bioteknologi dan ekosistem Nusajaya Bio-XCell adalah satu kemudahan bersepadu yang membekalkan stim dan air dingin kepada industri. Taman ini dibangunkan oleh Malaysian Bio-XCell Sdn Bhd yang dijangka akan memulakan penjanaan kuasa elektrik pada Mei 2015.

**S**EMENJAK BERABAD YANG LALU, SYARIKAT-SYARIKAT Barat telah menempatkan sebahagian besar operasi perkilangan di negara Timur Jauh yang menawarkan kos buruh rendah seperti China, Filipina dan Vietnam. Namun peningkatan kadar gaji di negara membangun yang pantas dan peningkatan risiko serta kos pengangkutan jarak jauh telah mengubah percaturan ekonomi bagi model *offshoring* ini. Firma Barat mula menyedari pengeluaran produk di negara asal ternyata lebih murah dan memberi kawalan lebih menyeluruh ke atas perniagaan.


Trend *reshoring* telah mula mengubah hala tuju Malaysia dan seluruh ekonomi dunia yang terikat dengan kapitalisme Barat. Menerusi inovasi teknologi, syarikat-syarikat besar mengatur semula proses perkilangan untuk merapatkan perbezaan kos pengilangan *onshore* dan *offshore* yang kebiasaannya berkesan. Walaupun kesan ekonomi dari keputusan ini tidak menggalakkan, syarikat bersedia mempertimbangkan alternatif hab perkilangan yang bergaji sederhana, sekurang-kurangnya di benua yang sama – kebanyakan syarikat Amerika Syarikat mempertimbangkan Mexico dan Amerika Latin sebagai pilihan yang berdaya maju bagi *nearshoring*.

Di samping mengurangkan kos, syarikat Amerika dan Eropah yang giat meneroka alternatif *reshoring* dan *nearshoring* adalah bertujuan untuk memudahkan rantaian bekalan dan hampir dengan pelanggan-pelanggan di negara asal - sesuatu yang tidak pernah mampu dilakukan. Sebelum ini syarikat mengetahui bahawa kadar gaji yang lebih tinggi di negara asal boleh diimbangkan dengan pengurangan kos pengangkutan, cukai import dan lain-lain perbelanjaan melibatkan *offshore*. Namun bagi syarikat yang pangkalan pelanggan terbesarnya berada di Asia adalah lebih wajar untuk kekal.

Syarikat-syarikat yang pintar cuba untuk melakukan kedua-duanya. MNC yang kukuh melaksanakan *reshoring* beberapa kemudahan ke negara asal dan mengekalkan kemudahan lain di negara asing, terutamanya jika kemudahan tersebut terletak di Asia. Syarikat-syarikat baharu yang mempunyai asas pelanggan kukuh di negara asal turut berminat untuk berkembang ke negara luar walaupun dengan peningkatan kos bagi *offshoring*. Syarikat-syarikat ini mengenal pasti bahawa kelebihan *reshoring* tidak dapat menandingi satu fakta yang tidak boleh disangkal: Asia merupakan pasaran pengguna yang paling pesat berkembang di dunia.

Ernst & Young (EY), sebuah syarikat perunding, menganggarkan bahawa pertumbuhan Asia meliputi satu perempat daripada pasaran produk pengguna global. Pertumbuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) mengenal pasti Asia akan mewakili 66 peratus (2009: 28%) daripada populasi kelas pertengahan global dan 59 peratus (2009: 23%) daripada penggunaan kelas pertengahan menjelang tahun 2030. Ini bermakna bahawa pasaran pengguna terbesar di dunia tidak lama lagi akan betul-betul berada di sekitar Malaysia.

## PURATA GAJI BULANAN NEGARA-NEGARA TERPILIH, 2000-2012 (AS\$)



Sumber: Economist Intelligence Unit (EIU)

### MALAYSIA, ASIA SEBENAR

Jika anda mahu membuka perniagaan di pasaran pengguna terbesar di dunia, di manakah akan anda teroka?

Lokasi tersebut hendaklah berkecekapan kos dan menawarkan semua kemudahan infrastruktur dan bakat yang diperlukan. Ia juga harus mempunyai Kerajaan yang stabil dengan rekod prestasi yang kukuh dalam dasar-dasar pro-perniagaan. Sebaik-baiknya, ia juga merupakan hos kepada perniagaan lain yang serupa dari segi saiz dan skop perniagaan dan berjalan dengan lancar. Sekiranya insentif yang mesra perniagaan turut ditawarkan, pastinya lebih baik.

Jika anda ingin meneroka Asia, cukup dengan menerokai Malaysia.

Peningkatan kadar upah di China bermakna negara tersebut beransur-ansur hilang kelebihan sebagai hab kos rendah buruh. Ini merupakan berita buruk kepada syarikat yang bergantung kepada model produktiviti berintensifkan buruh untuk mengekalkan kos yang rendah. Berita baiknya syarikat-syarikat ini tiada alasan untuk tidak melabur ke dalam model produktiviti yang berkemahiran tinggi dan berintensifkan modal.

Malaysia merupakan pilihan yang unggul kepada syarikat yang ingin melaksanakan perubahan kepada kaedah pengeluaran yang lebih maju di mana sesetengah syarikat telah pun memindahkan kemudahan mereka dari China dan Jepun ke Malaysia serta memanfaatkan insentif cukai Kerajaan bagi pelaburan modal. UNCTAD menjangkakan bahawa di sebalik risiko pertumbuhan ekonomi global yang semakin perlahan dan ketidakstabilan geopolitik, pemulihan ekonomi Amerika Syarikat akan tetap menggalakkan perniagaan untuk meneroka pilihan pelaburan.

Meskipun institusi kewangan Barat hanya mampu menawarkan kadar faedah marginal atau negatif, syarikat transnasional (TNC) yang memiliki pegangan tunai tinggi dijangka akan menyalurkan beberapa bahagian dana ke dalam pelaburan strategik di negara-negara membangun. Cabaran bagi Malaysia pada tahun 2015 adalah untuk meyakinkan syarikat-syarikat ini bahawa Malaysia merupakan lokasi terbaik di Asia dan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) adalah destinasi terbaik untuk syarikat bersiap sedia menghadapi ledakan pengguna Asia.

Malaysia akan mengekalkan daya tarikan sebagai salah satu destinasi pelaburan yang unggul di Asia meskipun berhadapan kemelut di Eropah dan *reshoring* oleh perniagaan Amerika Syarikat. Walaupun ugutan Greece untuk keluar dari

Kesatuan Eropah kekal sebagai satu ancaman kepada kestabilan politik di rantau ini, kekukuhan dasar kewangan Bank Pusat Eropah (ECB) tetap menggalakkan pertumbuhan di benua itu dan meredakan kebimbangan deflasi. Suruhanjaya Eropah meramalkan bahawa KDNK akan berkembang 1.3 peratus pada tahun 2015 yang akan menjadi prestasi terbaik zon euro sejak 2010.

Pemulihan ekonomi Amerika Syarikat juga merupakan petanda baik untuk iklim pelaburan global. Penurunan kadar pengangguran dan kenaikan kadar upah sebenar akan merangsang permintaan global dan mencetuskan peningkatan eksport merentasi semua rakan dagangan utama republik itu - termasuk Malaysia. Pertumbuhan luar jangkauan yang lebih kukuh di Jerman, Sepanyol dan Britain pada tahun 2014 juga akan menggalakkan tindakan afirmatif pelabur. Malah Jepun turut menunjukkan tanda-tanda untuk melonjak keluar daripada kemelesetan yang mendadak apabila KDNK meningkat 2.2 peratus pada suku terakhir tahun 2014.

Terdapat juga kebaikan di sebalik kejatuhan harga komoditi dunia yang lebih rendah. Sementara kebanyakan ekonomi berasaskan komoditi terjejas teruk akibat penurunan harga minyak mentah dan komoditi lain pada tahun 2014, kemerosotan harga merangsang lonjakan perbelanjaan pengguna yang akan mengimbangi sebarang kemerosotan dalam pelaburan. KDNK Malaysia sendiri telah berkembang 5.8 peratus pada suku keempat tahun 2014 yang meredakan kebimbangan bahawa kejatuhan harga minyak mentah akan menyebabkan negara mengalami kejutan ekonomi pada suku terakhir tahun. Penurunan kecil nilai ringgit akan turut menjadi faktor dalam menarik pelabur ke Malaysia. Saban tahun, tanah dan tenaga buruh di Malaysia adalah lebih murah untuk pelabur asing berbanding tahun sebelumnya. Ringgit yang lebih rendah juga menjadikan eksport Malaysia lebih berdaya saing yang merupakan insentif tambahan kepada syarikat untuk melabur di negara ini.

## SERUAN ASEAN

Kesimpulannya, ternyata daya tarikan AEC adalah sukar dielakkan. Di sebalik ketidakstabilan kewangan kebelakangan ini, gabungan output ekonomi ASEAN telah meningkat lebih tiga kali ganda sejak tahun 2003 yang mencecah AS\$2.4 trilion menjelang akhir tahun 2013. Kaji selidik oleh Boston Consulting Group (BCG) mendapati kira-kira 80 peratus daripada syarikat adalah optimis terhadap integrasi ASEAN dan percaya bahawa ia akan memesatkan pertumbuhan ekonomi dalam industri masing-masing. Lebih 70 peratus daripada syarikat yang ditinjau telah pun dalam usaha untuk menembusi pasaran semasa yang lebih besar di

Asia Tenggara dan sekitar 90 peratus daripada syarikat yang berpangkalan di Malaysia merangka untuk meluaskan tapak serantau dalam tempoh lima tahun akan datang. Laporan BCG juga menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia dan Singapura merupakan negara yang paling tinggi melaksanakan tindakan untuk meningkatkan daya saing syarikat domestik menjelang tarikh akhir integrasi AEC.

Terlalu banyak mengenai ASEAN boleh diperkatakan di mana warga ASEAN sendiri mungkin tidak menyedarinya. Pertama, sistem perbankan Asia Tenggara kini adalah di kalangan yang paling kukuh di dunia selepas pelaksanaan penyusunan semula oleh ASEAN semasa krisis kewangan 1997-1998. Hutang Kerajaan sebagai peratusan KDNK di kalangan ekonomi terbesar rantau ini berada jauh di bawah purata global. Peningkatan produktiviti di rantau ini mengatasi ekonomi pesat membangun yang lain seperti Brazil, Mexico dan India. Asas-asas kukuh ini yang membantu kebangkitan ASEAN daripada ketidakstabilan ekonomi yang dialami oleh kebanyakan bahagian di dunia beberapa tahun kebelakangan ini.

Sebagai 'tetingkap tunggal' untuk pelaburan di Malaysia, MIDA akan meningkatkan lagi fungsi pusat penyelarasan dan penyerlahan fungsi, peranan dan insentif merentasi agensi. Aktiviti penggalakan pelaburan pada tahun 2015 akan menjadi lebih strategik dan menyeluruh. Kerajaan akan terus memperkenalkan pelbagai langkah untuk meningkatkan daya saing Malaysia dalam menghadapi cabaran dan peluang dalaman dan luaran, termasuk kesan integrasi ekonomi ASEAN. Langkah-langkah ini termasuk memperhalusi dasar pelaburan, pemangkin, insentif fiskal dan bukan fiskal serta kerjasama dan penglibatan berterusan dengan pemain industri dan pihak berkepentingan untuk menarik pelabur dalam setiap sektor ekonomi. Fokus juga akan lebih tertumpu untuk menarik projek pelaburan yang berkualiti tanpa mengabaikan kepentingan bilangan pelaburan.

ASEAN telah menjadi sebuah rantau yang sukar dinafikan oleh syarikat-syarikat global. Melalui perdagangan dan pelaburan, syarikat swasta akan menjalinkan rantau ini sama ada menerusi tindakan baharu Kerajaan ataupun tidak. Cabaran utama bagi syarikat dan MNC di Asia Tenggara adalah merebut posisi utama untuk meraih kesempatan daripada limpahan peluang yang ditawarkan oleh AEC. Seperti yang dipetik dalam laporan BCG, "Tidak kira sama ada matlamat AEC tercapai mengikut jadual atau tidak, proses integrasi telah pun bergerak pada momentum tersendiri, dipacu oleh sektor swasta yang telah mengiktiraf peluang pertumbuhan di rantau ini."

# LAMPIRAN

## Lampiran 1 Projek Perkilangan Diluluskan, 2014 dan 2013

	2014		2013	
	Baharu	Pembesaran/ Pelbagaian	Jumlah Baharu	Pembesaran/ Pelbagaian
Bilangan	450	361	811	463
Peluang Pekerjaan	44,926	33,417	78,343	53,791
Jumlah Modal Pelaburan Dicadangkan (RM juta)	43,468.6	28,384.0	71,852.7	38,093.5
Domestik (RM juta)	23,929.7	8,330.2	32,260.0	15,287.5
Asing (RM juta)	19,538.9	20,053.8	39,592.7	22,806.1

## Lampiran 2 Projek Perkilangan Baharu yang Diluluskan Mengikut Saiz Modal Pelaburan, 2014 dan 2013

	2014					2013				
	No.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	No.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)
Kurang Dairipada RM 2.5 juta	48	1,467	61.5	7.3	68.9	63	2,431	87.5	3.0	90.5
RM 2.5 juta - < RM 5.0 juta	62	2,772	186.6	42.0	228.6	53	3,244	153.9	41.5	195.4
RM 5.0 juta - < RM 10.0 juta	110	7,286	670.9	139.0	809.8	118	7,285	612.9	213.1	826.0
RM 10.0 juta - < RM 50.0 juta	158	14,029	2,407.3	955.7	3,363.1	152	13,995	1,890.3	1,184.4	3,074.8
RM 50.0 juta - < RM 100.0 juta	27	3,660	761.0	1,063.4	1,824.4	32	4,491	1,078.5	1,184.9	2,263.4
RM 100.0 juta - < RM 500.0 juta	32	6,109	3,569.5	4,329.2	7,898.7	26	6,654	2,078.6	2,728.6	4,807.3
RM 500.0 juta - < RM 1.0 bilion	3	887	936.1	1,058.1	1,994.2	6	1,911	1,426.5	2,190.3	3,616.8
RM 1.0 bilion dan Ke Atas	10	8,716	15,336.9	11,944.1	27,281.0	13	13,780	7,959.1	15,260.3	23,219.4
<b>Jumlah</b>	<b>450</b>	<b>44,926</b>	<b>23,929.7</b>	<b>19,538.9</b>	<b>43,468.6</b>	<b>463</b>	<b>53,791</b>	<b>15,287.5</b>	<b>22,806.1</b>	<b>38,093.5</b>

### Lampiran 3 Projek Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Industri, 2014 dan 2013

Industri	2014						2013					
	No.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)		
Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)	19	1,581	11,255.3	4,726.5	15,981.8	7	655	2,926.8	3,243.8	6,170.6		
Produk Elektrik & Elektronik	96	16,700	724.6	10,422.6	11,147.2	118	25,380	1,319.3	8,495.6	9,815.0		
Kimia & Produk Kimia	83	4,709	3,046.5	7,704.2	10,750.8	68	3,966	2,035.3	3,758.0	5,793.3		
Produk Logam Asas	33	7,133	1,974.9	7,969.1	9,944.0	35	3,492	1,147.3	4,425.8	5,573.1		
Kelengkapan Pengangkutan	56	6,873	3,747.8	1,867.7	5,615.5	73	9,169	4,446.4	2,160.4	6,606.8		
Produk Galian Bukan Logam	30	2,711	2,149.4	1,299.5	3,448.9	33	2,636	932.5	1,339.2	2,271.7		
Pengilangan Makanan	67	4,788	1,299.2	1,547.9	2,847.1	73	6,159	2,056.1	2,297.7	4,353.8		
Pengilangan Jentera	98	4,568	1,758.3	720.6	2,478.9	90	4,726	771.2	1,205.0	1,976.2		
Produk Logam Dibentuk	101	5,156	1,420.6	793.7	2,214.2	73	4,020	594.7	812.0	1,406.7		
Alat-alat Sains & Pengukuran	38	5,475	1,058.3	754.1	1,812.4	37	6,085	775.7	560.1	1,335.7		
Produk Getah	19	3,579	1,381.1	289.4	1,670.5	20	12,711	2,833.5	794.5	3,628.0		
Tekstil & Produk Tekstil	17	2,260	597.5	635.7	1,233.2	16	1,493	132.1	632.5	764.6		
Kertas, Percetakan & Penerbitan	17	2,144	348.5	555.8	904.3	22	2,253	506.3	68.2	574.5		
Produk Plastik	51	4,278	755.2	129.2	884.4	44	3,334	437.9	410.2	848.1		
Kayu & Produk Kayu	47	2,510	295.4	52.3	347.8	26	2,009	321.4	36.9	358.3		
Perabot & Kelengkapan	19	1,714	223.3	12.4	235.8	39	4,132	249.4	10.0	259.4		
Minuman & Tembaku	8	1,007	161.1	65.3	226.5	4	458	61.7	251.0	312.6		
Kulit & Produk Kulit	2	194	21.4	0.5	21.9	1	10	4.8	1.4	6.2		
Pelbagai	10	963	41.4	46.1	87.5	8	300	12.6	33.9	46.6		
<b>Jumlah</b>	<b>811</b>	<b>78,343</b>	<b>32,260.0</b>	<b>39,592.7</b>	<b>71,852.7</b>	<b>787</b>	<b>92,988</b>	<b>21,564.8</b>	<b>30,536.4</b>	<b>52,101.1</b>		

### Lampiran 4 Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Pelaburan RM100 juta dan ke atas, 2014

Industri	Baharu				Pembesaran/Pelbagaian				Jumlah						
	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)			
Produk Petroleum Termasuk Petrokimia	6	1,350	11,082.6	4,189.5	15,272.2	2	23	120.4	463.4	583.8	8	1,373	11,203.0	4,652.9	15,856.0
Produk Elektronik & Elektrikal	4	1,498	-	1,916.8	1,916.8	9	5,286	211.5	7,374.0	7,585.6	13	6,784	211.5	9,290.8	9,502.4
Produk Logam Asas	4	4,773	176.9	6,010.1	6,187.0	6	1,148	1,547.6	1,731.9	3,279.5	10	5,921	1,724.5	7,741.9	9,466.5
Kimia & Produk Kimia	9	1,308	2,164.5	1,695.1	3,859.7	2	364	-	5,352.0	5,352.0	11	1,672	2,164.5	7,047.1	9,211.7
Kelengkapan Pengangkutan	5	3,436	2,861.6	1,457.4	4,319.0	2	200	104.0	170.3	274.3	7	3,636	2,965.6	1,627.7	4,593.3
Produk Galian Bukan Logam	4	882	1,256.1	930.6	2,186.7	2	80	544.9	138.4	683.3	6	962	1,801.0	1,069.0	2,870.0
Pengilangan Makanan	4	639	214.3	323.9	538.2	7	777	423.6	815.2	1,238.8	11	1,416	637.9	1,139.1	1,777.0
Produk Getah	2	512	1,110.0	-	1,110.0	3	2,127	147.0	256.8	403.8	5	2,639	1,257.0	256.8	1,513.8
Pengilangan Jentera	1	90	-	373.9	373.9	1	336	1,063.3	44.3	1,107.6	2	426	1,063.3	418.2	1,481.5
Tekstil & Produk Tekstil	.	.	-	-	-	3	1,348	516.9	549.2	1,066.1	3	1,348	516.9	549.2	1,066.1
Alat-alat Sains & Penguukuran	4	904	617.0	334.5	951.5	1	1,447	-	113.0	113.0	5	2,351	617.0	447.5	1,064.5
Produk Logam Dibentuk	2	320	359.4	99.6	459.0	2	56	137.5	160.6	298.1	4	376	496.9	260.2	757.1
Kertas, Percetakan & Penerbitan	.	.	-	-	-	1	897	-	471.8	471.8	1	897	-	471.8	471.8
Minuman & Tembaku	.	.	-	-	-	1	45	41.7	65.3	107.1	1	45	41.7	65.3	107.1
<b>Jumlah</b>	<b>45</b>	<b>15,712</b>	<b>19,842.4</b>	<b>17,331.5</b>	<b>37,173.9</b>	<b>42</b>	<b>14,134</b>	<b>4,858.5</b>	<b>17,706.2</b>	<b>22,564.7</b>	<b>87</b>	<b>29,846</b>	<b>24,701.0</b>	<b>35,037.7</b>	<b>59,738.6</b>



### Lampiran 5 Projek Perkilangan Baharu dan Pembesaran/Pelbagaian yang Diluluskan Mengikut Industri, 2014 dan 2013

Industri	2014						2013					
	Baharu			Pembesaran/ Pelbagaian			Baharu			Pembesaran/ Pelbagaian		
	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Produk Petroleum Termasuk Petrokimia	10	15,288.0	9	693.8	19	15,981.8	4	4,328.2	3	1,842.4	7	6,170.6
Produk Elektronik & Elektrikal	29	2,426.3	67	8,720.9	96	11,147.2	44	6,766.0	74	3,048.9	118	9,815.0
Kimia & Produk Kimia	49	4,682.5	34	6,068.2	83	10,750.8	44	5,274.4	24	518.9	68	5,793.3
Produk Logam Asas	21	6,554.3	12	3,389.7	33	9,944.0	26	5,006.9	9	566.2	35	5,573.1
Kelengkapan Pengangkutan	31	4,871.3	25	744.2	56	5,615.5	35	4,959.4	38	1,647.5	73	6,606.8
Produk Galian Bukan Logam	18	2,499.9	12	949.0	30	3,448.9	19	1,536.5	14	735.2	33	2,271.7
Pengilangan Makanan	42	1,201.2	25	1,646.0	67	2,847.1	48	3,174.1	25	1,179.8	73	4,353.8
Pengilangan Jentera	58	970.7	40	1,508.2	98	2,478.9	56	892.0	34	1,084.1	90	1,976.2
Produk Logam Dibentuk	57	1,301.9	44	912.4	101	2,214.2	51	772.5	22	634.2	73	1,406.7
Alat-alat Sains & Pengukuran	14	1,137.4	24	675.0	38	1,812.4	16	931.4	21	404.3	37	1,335.7
Produk Getah	10	1,162.7	9	507.8	19	1,670.5	8	2,341.2	12	1,286.8	20	3,628.0
Tekstil & Produk Tekstil	6	33.6	11	1,199.6	17	1,233.2	8	599.7	8	164.9	16	764.6
Kertas, Percetakan & Penerbitan	8	198.2	9	706.1	17	904.3	13	225.0	9	349.4	22	574.5
Produk Plastik	36	628.0	15	256.5	51	884.4	30	615.8	14	232.2	44	848.1
Kayu & Produk Kayu	32	209.2	15	138.6	47	347.8	23	330.3	3	28.0	26	358.3
Perabot & Kelengkapan	14	135.2	5	100.5	19	235.8	31	193.0	8	66.4	39	259.4
Minuman & Tembaku	6	85.9	2	140.6	8	226.5	2	113.0	2	199.7	4	312.6
Kulit & Produk Kulit	1	18.5	1	3.4	2	21.9	1	6.2	.	-	1	6.2
Pelbagai	8	63.9	2	23.6	10	87.5	4	27.9	4	18.6	8	46.6
<b>Jumlah</b>	<b>450</b>	<b>43,468.6</b>	<b>361</b>	<b>28,384.0</b>	<b>811</b>	<b>71,852.7</b>	<b>463</b>	<b>38,093.5</b>	<b>324</b>	<b>14,007.6</b>	<b>787</b>	<b>52,101.1</b>

## Lampiran 6 Projek Perkilangan yang Diluluskan Dengan Hakmilik Majoriti Rakyat Malaysia\* Mengikut Industri, 2014 dan 2013

Industri	2014				2013							
	Baharu		Pembesaran/ Pelbagaian		Baharu		Pembesaran/ Pelbagaian					
	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)				
Produk Petroleum Termasuk Petrokimia	8	14,957.8	3	39.0	11	14,996.8	2	301.8	4	2,659.9		
Kelengkapan Pengangkutan	24	3,979.9	17	570.5	41	4,550.4	26	4,089.0	26	1,093.5	52	5,182.5
Kimia & Produk Kimia	34	3,123.7	18	390.3	52	3,514.0	26	1,612.1	12	365.1	38	1,977.2
Produk Galian Bukan Logam	11	1,358.5	7	753.3	18	2,111.9	12	868.4	5	404.1	17	1,272.5
Pengilangan Jentera	48	422.9	32	1,423.7	80	1,846.6	38	532.7	20	243.0	58	775.7
Produk Logam Dibentuk	47	1,042.0	35	524.8	82	1,566.8	34	357.8	12	251.6	46	609.4
Produk Getah	10	1,162.7	7	246.2	17	1,408.9	7	2,288.1	9	824.4	16	3,112.4
Pengilangan Makanan	33	707.3	13	637.1	46	1,344.4	39	1,548.7	17	531.6	56	2,080.3
Alat-alat Sains & Pengukuran	10	774.3	14	410.6	24	1,184.9	13	619.7	16	171.1	29	790.8
Produk Logam Asas	11	149.1	9	770.0	20	919.2	14	1,011.1	7	329.2	21	1,340.3
Produk Elektronik & Elektrikal	14	200.4	20	584.2	34	784.5	29	487.5	21	502.5	50	989.9
Produk Plastik	30	538.2	12	226.2	42	764.3	24	459.0	8	82.6	32	541.6
Tekstil & Produk Tekstil	6	33.6	6	695.4	12	729.0	6	64.8	2	52.9	8	117.7
Kertas, Percetakan & Penerbitan	8	198.2	7	194.4	15	392.6	9	153.0	9	349.4	18	502.4
Kayu & Produk Kayu	28	176.9	14	123.8	42	300.7	20	308.8	2	10.0	22	318.9
Perabot & Kelengkapan	13	128.1	4	100.5	17	228.6	30	190.9	7	60.9	37	251.7
Minuman & Tembaku	6	85.9	1	33.5	7	119.4	-	-	1	12.4	1	12.4
Kulit & Produk Kulit	1	18.5	1	3.4	2	21.9	1	6.2	-	-	1	6.2
Pelbagai	7	41.4	-	-	7	41.4	2	4.7	2	6.4	4	11.1
<b>Jumlah</b>	<b>349</b>	<b>29,099.5</b>	<b>220</b>	<b>7,726.7</b>	<b>569</b>	<b>36,826.2</b>	<b>332</b>	<b>16,960.4</b>	<b>178</b>	<b>5,592.6</b>	<b>510</b>	<b>22,553.0</b>

\* Projek-projek dengan ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia melebihi 50 peratus.

### Lampiran 7 Projek yang Diluluskan bagi Industri Sokongan Kejuruteraan Mengikut Sub-sektor, 2014

Sub-sektor	Baharu				Pembesaran/Pelbagaian				Jumlah					
	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)		
Acuan, Alatan & Dai	10	420	69.2	13.7	83.0	9	532	26.8	117.3	144.1	19	952	131.0	227.0
Pemesinan	17	826	163.5	115.1	278.6	19	451	134.6	27.9	162.5	36	1,277	143.0	441.0
Hentakan Logam	2	77	7.1	0.0	7.1	1	12	0.0	9.0	9.0	3	89	9.0	16.1
Pembentukan Logam	1	70	7.6	1.0	8.6	2	438	5.5	276.5	282.0	3	508	277.6	290.6
Kejuruteraan	4	308	59.4	12.9	72.3	2	27	8.3	-	8.3	6	335	12.9	80.7
Jig & Kelengkapan	1	80	10.9	1.2	12.1	.	.	.	.	.	1	80	1.2	12.1
<b>Jumlah</b>	<b>35</b>	<b>1,781</b>	<b>317.7</b>	<b>143.9</b>	<b>461.6</b>	<b>33</b>	<b>1,460</b>	<b>175.1</b>	<b>430.7</b>	<b>605.9</b>	<b>68</b>	<b>3,241</b>	<b>574.7</b>	<b>1,067.5</b>

### Lampiran 8 Projek Diluluskan bagi Industri Elektrik & Elektronik Mengikut Sub-sektor, 2014

Sub-sektor	Baharu				Pembesaran/Pelbagaian				Jumlah					
	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No. Peker-jaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)		
Elektronik Pengguna	2	119	13.9	-	13.9	12	341	54.7	306.5	361.2	14	460	306.5	375.0
Komponen Elektronik	4	889	20.6	81.1	101.7	19	5,518	321.0	5,415.4	5,736.4	23	6,407	5,496.5	5,838.1
Elektronik Perindustrian	10	3,489	52.0	2,034.5	2,086.5	11	1,862	17.3	1,021.5	1,038.9	21	5,351	3,056.0	3,125.4
Produk Elektrikal	2	218	4.0	15.0	19.0	3	356	16.3	2.1	18.3	5	574	17.1	37.3
Elektrikal Perindustrian	3	93	15.8	38.3	54.0	9	972	41.0	198.6	239.5	12	1,065	236.8	293.5
Komponen Elektrikal	8	989	68.3	82.9	151.2	13	1,854	99.9	1,226.7	1,326.6	21	2,843	1,309.6	1,477.8
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>5,797</b>	<b>174.6</b>	<b>2,251.7</b>	<b>2,426.3</b>	<b>67</b>	<b>10,903</b>	<b>550.1</b>	<b>8,170.8</b>	<b>8,720.9</b>	<b>96</b>	<b>16,700</b>	<b>10,422.6</b>	<b>11,147.2</b>

## Lampiran 9 Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Penyertaan Asing Mengikut Sumber, 2014 dan 2013

Negara	2014		2013	
	No.	Pelaburan Asing (RM juta)	No.	Pelaburan Asing (RM juta)
Jepun	55	10,869.9	55	3,591.9
Singapura	121	7,821.7	126	4,522.3
China	24	4,751.7	22	3,017.7
Jerman	13	4,416.8	17	1,717.0
Republik Korea	11	1,549.0	13	5,478.8
Amerika Syarikat	23	1,350.1	19	6,320.6
Ireland	2	1,143.0	0	-
Itali	1	1,060.8	6	36.2
Netherlands	11	816.4	11	2,382.0
India	13	789.3	1	9.6
Emiriah Arab Bersatu	3	767.3	2	110.7
Taiwan	30	692.1	18	131.0
Afrika Selatan	1	681.1	1	0.9
Switzerland	12	565.1	10	249.6
United Kingdom	8	393.1	9	489.8
Thailand	3	361.2	3	105.0
British Virgin Islands	6	295.3	2	159.8
Australia	10	213.0	9	167.0
Lain-Lain	69	1,055.6	82	2,046.4
<b>Jumlah ***</b>	-	<b>39,592.7</b>	-	<b>30,536.4</b>

\*\*\* Bilangan projek-projek yang diluluskan tidak dijumlahkan bagi mengelakkan pengiraan dua kali.

**Lampiran 10 Projek Perkilangan Diluluskan Mengikut Negeri, 2014 dan 2013**

Negeri	2014						2013						
	Baharu		Pembesaran/Pelbagaian		Jumlah		Baharu		Pembesaran/Pelbagaian		Jumlah		
No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Johor D.T.	17,931.9	77	3,244.4	179	21,176.4	119	11,657.9	78	2,786.7	197	14,444.6		
Sarawak	1,839.4	10	7,800.6	18	9,640.0	16	8,057.1	5	219.3	21	8,276.4		
Pulau Pinang	2,609.4	95	5,553.0	169	8,162.4	58	1,400.8	61	2,511.5	119	3,912.3		
Selangor D.E.	3,744.0	84	3,298.3	229	7,042.3	148	7,349.4	80	2,483.6	228	9,833.0		
Kedah D.A.	961.2	28	4,324.1	50	5,285.2	21	2,114.4	18	420.2	39	2,534.5		
Pahang D.M.	4,413.5	6	786.9	18	5,200.4	10	702.6	7	2,116.2	17	2,818.9		
Melaka	3,867.7	15	651.9	28	4,519.6	8	745.1	19	748.5	27	1,493.7		
Negeri Sembilan D.K.	1,882.4	17	1,212.5	41	3,094.9	27	1,532.8	8	155.1	35	1,687.9		
Sabah	2,539.0	6	378.7	23	2,917.7	14	2,778.1	11	656.0	25	3,434.1		
Perak D.R.	702.6	15	1,005.4	26	1,708.0	25	541.2	29	1,820.0	54	2,361.2		
Terengganu D.I.	1,455.6	4	112.5	13	1,568.0	6	151.4	2	32.7	8	184.1		
Kelantan D.N.	1,240.8	1	2.0	7	1,242.8	4	981.0	1	14.5	5	995.5		
Perlis I.K.	210.0	1	2.9	2	212.9	2	42.3	1	2.0	3	44.3		
W.P. - Kuala Lumpur	42.1	1	6.9	6	49.0	5	39.4	4	41.3	9	80.8		
W.P.- Labuan	29.1	1	4.0	2	33.1	.	-	.	-	.	-		
Total	43,468.6	361	28,384.0	811	71,852.7	463	38,093.5	324	14,007.6	787	52,101.1		

### Lampiran 11 Projek Perkhidmatan yang Diluluskan dalam Sub-sektor Terpilih, 2014 dan 2013

Sub-sektor	2014			2013		
	No.	Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Hartanah (Perumahan)	1,321	NA	88,558.9	1,400	NA	83,314.2
Utiliti	NA	122	9,046.1	NA	10	9,063.3
Perdagangan Pengedaran	1,866	55,075	8,665.8	1,397	37,360	5,002.7
Perkhidmatan Kewangan	50	124	6,871.0	63	348	3,106.5
Hotel dan Pelancongan	118	8,914	6,689.8	122	7,296	7,025.6
Pengangkutan	78	2,211	6,128.6	63	2,165	7,921.5
Perkhidmatan Sokongan	158	6,752	5,258.7	154	5,216	3,448.2
Telekomunikasi*	493	NA	4,478.7	649	NA	8,750.8
Pejabat Perwakilan	227	1,831	3,163.0	184	2,402	4,237.5
MSC Status	230	14,480	2,963.8	236	13,011	3,001.7
Hab Operasi Global	7	1,268	2,437.6	9	15,877	7,947.5
Perkhidmatan Kesihatan	22	2,230	2,284.9	20	3,814	1,940.5
Perkhidmatan Pendidikan	467	4,424	1,636.5	617	7,448	2,146.3
Lain-lain Perkhidmatan	22	1,112	1,426.9	21	2,074	777.6
<b>Jumlah</b>	<b>5,059</b>	<b>98,543</b>	<b>149,610.3</b>	<b>4,935</b>	<b>97,021</b>	<b>147,683.9</b>

Nota

NA: Tiada data

\* Januari-September sahaja

**Lampiran 12 Pelaburan yang Diluluskan dalam Sektor Utama, 2014 dan 2013**

Sektor Utama	2014			2013		
	No.	Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	No.	Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Perlombongan	36	288	13,450.8	30	60	18,769.8
Perladangan & Komoditi	7	317	724.2	3	151	330.6
Pertanian	29	874	250.5	53	1,550	558.8
<b>Jumlah</b>	<b>72</b>	<b>1,479</b>	<b>14,425.5</b>	<b>86</b>	<b>1,761</b>	<b>19,659.2</b>









**MIDA SENTRAL**

No. 5, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: (603) 2267 3633

Faks: (603) 2274 7970

Laman web: [www.mida.gov.my](http://www.mida.gov.my)

E-mel: [investmalaysia@mida.gov.my](mailto:investmalaysia@mida.gov.my)